



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 02 NOVEMBER 2016 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Datuk Halimatun Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

### **Pelapor Perbincangan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 02 November 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Selamat pagi kepada semua Ahli Yang Berhormat. Baiklah saya panggil Sabak. Tidak hadir. Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : BUDAYA BERKARYA DAN JEJAK ILMUAN**

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah yang telah dicapai oleh Kerajaan dalam pelaksanaan program Jejak Ilmuwan bagi sesi 2008-2013?
- b) Berapakah perbelanjaan yang digunakan sepanjang tempoh tersebut?
- c) Apakah dasar kerajaan terhadap program ini bagi sesi 2013-2018?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Program Jejak Ilmuwan adalah usaha Kerajaan Negeri Selangor membawa ilmuwan-ilmuwan kepada masyarakat dan pelajar sekolah. Program ini merupakan program untuk menghimpunkan dan mengenal pasti ilmuwan khususnya anak tempatan Negeri Selangor yang sudah berjaya dalam bidang masing-masing agar dapat menyumbang idea dan kepakaran mereka untuk diketengahkan kepada masyarakat di semua peringkat di Negeri Selangor. Manakala Program Tunas Ilmuwan merupakan salah satu aktiviti yang diletakkan di bawah Program Jejak Ilmuwan yang bertujuan untuk menjadikan Selangor sebagai pusat melahirkan

ilmuwan yang cendekiawan dalam pelbagai bidang. Tema untuk program ini adalah Merakatkan Ilmuwan. Anjuran bersama *International Islamic Academy for Life Sciences and Biotechnology* (IAB) daripada Universiti Selangor, bagi menjalankan pelbagai aktiviti dalam sains hayat bagi memupuk minat para pelajar ke arah bidang ini. Bengkel Tunas Ilmuwan Selangor yang diadakan di makmal-makmal IAB di UNISEL Shah Alam di implementasi secara serius dalam memberi pengetahuan dalam bidang bioteknologi. Kedua-dua bengkel tersebut telah berjaya mendapat sambutan dan maklum balas yang sangat memberangsangkan bukan sahaja daripada pelajar, malah juga daripada guru-guru pengiring di mana mereka telah memohon agar pihak IAB menganjurkan lagi bengkel seumpamanya. Pencapaian rentetan daripada usaha ini, Kerajaan Negeri Selangor telah menandatangani beberapa perjanjian bagi perkongsian kemahiran dan penyelidikan di dalam bidang bioteknologi dan teknologi hijau hasil usaha lawatan ke Imperial College di London, University of Cambridge seterusnya Fakulti Perubatan dan Sains Hayat, University of Manchester. Selain itu, hasil dari dana endowmen yang telah diberikan secara terus kepada IPT Selangor pada tahun 2009, pada tahun 2010, persidangan antarabangsa telah dilaksanakan iaitu International Conference of Muslim Education pada 29, 30 November dan 1 Disember 2010 dan IAB-IAS International Symposium pada 8 hingga 9 Disember 2010. Jumlah perbelanjaan Program Jejak Ilmuwan bagi sesi 2008-2013 adalah seperti berikut. Tahun 2008 RM700,000.00. Tahun 2009 RM232,950.00. Tahun 2010 RM430,027.00. Tahun 2011 RM280,732.00. Tahun 2012 RM209,200.00. Tahun 2013 RM94,814.00.

Buat masa ini Program Jejak Ilmuwan sedang dikaji keberkesanannya oleh Kerajaan Negeri Selangor sebelum diteruskan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Adakah kriteria tertentu dalam bidang penulisan atau bidang karya dan sebagainya yang menjadi syarat dinobatkan seorang sebagai ilmuwan?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Ia kita ada kriteria seperti penulisan, kebolehan memberi syarahan atau ucapan berciri akademik adalah kriteria untuk meletakkan seorang itu di dalam program Jejak Ilmuwan.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali.



**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Soalan no. 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : SELANGOR INTERNATIONAL EXPO (SIE)**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah matlamat dan objektif penganjuran SIE?
- b) Apakah KPI yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi penganjuran tahun ini?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, matlamat penganjuran Selangor International EXPO adalah seperti berikut. Satu, mempromosikan Negeri Selangor sebagai Hub Perdagangan Global. Kedua, menjadi platform bagi syarikat-syarikat tempatan dan asing (multinasional) dan perusahaan sederhana dan kecil untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka serta memberikan peluang kepada mereka untuk menarik pelabur yang berpotensi untuk bekerjasama. Ketiga, mewujudkan platform kepada usahawan dan entiti korporat untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan terkini. Keempat, menjadi saluran pemasaran, kolaborasi dan kerjasama dengan organisasi lain sama ada dalam dan luar negara iaitu pengusaha industri, usahawan dan pelabur. Kelima, memberi pendedahan dan maklumat mengenai produk dan teknologi terkini yang dihasilkan di Selangor serta untuk mempromosikan Buatan Selangor. Selangor International EXPO yang diadakan masih di peringkat permulaan dan tiada KPI khusus yang disasarkan kerana objektif penganjuran SIE adalah untuk mempromosikan Selangor sebagai Hub Perdagangan Global. Selain itu, ia menjadi platform bagi syarikat-syarikat tempatan dan asing (Multinational) dan perusahaan sederhana dan kecil untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka serta mencari peluang untuk pasaran luar negara. Selangor International EXP O2015 yang telah diadakan berjaya menarik minat syarikat tempatan dan asing dengan 400 gerai pameran. Dari jumlah ini sebanyak 218 adalah daripada syarikat tempatan dan sebanyak 182 daripada syarikat asing yang terdiri daripada syarikat dari Taiwan, Thailand, China, Vietnam dan United Kingdom. Pameran yang berlangsung selama tiga (3) hari ini berjaya menarik seramai 4,315 pengunjung yang terdiri daripada 1,906 pelawat untuk tujuan perniagaan, 2,367 orang awam dan 43 daripada syarikat asing. Pameran ini berjaya mewujudkan transaksi perdagangan dengan anggaran nilai sebanyak RM5-10 juta. Antara sektor-sektor industri tumpuan yang terlibat dalam pameran ini adalah seperti berikut. Industri pembuatan barangan elektrik dan elektronik, Sains hayat, industri halal, (peralatan pengangkutan dan pembuatan) dan

(jentera dan peralatan). Manakala bagi Selangor International EXPO 2016, tumpuan diberikan kepada 3 sektor utama iaitu Produk Dan Perkhidmatan Halal, Sains Hayat (*life sciences*) serta e-Dagang dan *start up*. Jumlah pelawat telah meningkat kepada 10,689 pengunjung di dalam Selangor International EXPO 2016 berbanding hanya 4,315 pengunjung pada Selangor International EXPO 2015. Dari jumlah 10,689 pengunjung pada Selangor International EXPO 2016, seramai 8,520 pengunjung adalah trade visitor atau 79.7% manakala selebihnya iaitu 2,169 21.3% adalah orang awam.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Saya rasa malanglah tiada KPI khusus yang ditetapkan dalam EXPO ini. Walau apa pun saya ucapkan tahniah kepada Sungai Pinang.

**TUAN SPEAKER** : Soalannya Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ia lepas ni saya bagi soalan. Difahamkan 130 daripada 565 *participant* yang mengambil bahagian dan juga salah satu daripada bidang fokus ekspo ini seperti yang dikatakan tadi ialah produk halal atau produk dan perkhidmatan halal. Soalan saya adalah berapakah jumlah kolaborasi perniagaan halal yang telah dimeterai di antara pelabur lokal dan *international* dan berapakah nilainya selepas ekspo ini?. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Tidak ada KPI pun diberi tahniah. Terima kasihlah. Saya ingin menyatakan bahawa untuk mendapatkan nilai transaksi daripada sektor tertentu bukan mudah kerana kita tidak dapat data yang dibekalkan oleh peserta dalam pameran itu sendiri. Jadi melainkan kita mengadakan ekspo yang bertemakan kepada satu sahaja maka itu akan memudahkan untuk mendapatkan data. Untuk ekspo yang ada tiga tema ini iaitu sains hayat, produk dan perkhidmatan halal serta e-Dagang kerana mereka bercampur maka amat sukar untuk kita memastikan berapa banyak transaksi untuk sektor tertentu.

**TUAN SPEAKER** : Teluk Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no. 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : IKLAN HARAM DI SETIAP PBT**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila nyatakan jumlah iklan haram yang diturunkan oleh setiap PBT pada Tahun 2015 sehingga kini.
  - b) Apakah cara penguatkuasaan tegas yang diambil oleh setiap PBT untuk memerangi iklan haram?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan speaker, terima kasih kepada Telok Datok. PBT telah menurunkan sebanyak 776,811 unit pelbagai iklan haram pada tahun 2015 dan sebanyak 631,240 unit sehingga September 2016. Untuk tahun 2015 antara PBT yang menurun terbanyak iklan haram adalah MBSA pada tahun 2015 sebanyak 282,399 unit dan seterusnya diikuti oleh MPKj 178,879 unit dan juga yang ketiga MPK 119,466 dan untuk tahun ini setakat September yang terbanyak masih adalah MBSA sebanyak 188,234 unit. Dan seterusnya adalah MPKj 149,224 unit dan juga MPK 97,894 unit. Antara tindakan tegas yang diambil oleh PBT adalah untuk memerangi iklan haram adalah seperti berikut. Satu, di bawah peruntukan 7 undang-undang kecil iklan 2007 memperuntukkan kesalahan mempamerkan iklan tanpa lesen. Kompaun yang boleh dikenakan adalah sebanyak RM600.00 dan jika didakwa di mahkamah boleh dikenakan denda sebanyak tidak melebihi RM2,000.00 jika disabitkan kesalahan. Dua PBT juga melaksanakan operasi iklan haram sebanyak 2 kali sehari iaitu bermula seawal pagi dan juga waktu petang di semua kawasan operasi PBT. Tiga, PBT akan mengemukakan nombor telefon iklan kepada pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk permohonan menamatkan perkhidmatan. Keempat, mengadakan operasi bersepadu iklan Along dengan kerjasama pihak polis dan NGO dalam membanteras aktiviti Along dan lima, akan membatalkan lesen perniagaan khususnya syarikat percetakan sekiranya mendapati mengambil tempahan mencetak iklan-iklan Along. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Walaupun banyak tindakan yang telah diambil oleh pihak PBT untuk membanteras iklan haram ini dengan beberapa undang-undang yang ada tapi masih berleluasa iklan haram. Apakah kekangan yang dihadapi?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih kepada Y.B. Sekinchan. Kekangan adalah kerana di peringkat PBT kita tidak ada kuasa untuk menangkap orang yang menjalankan aktiviti haram ini Ah Long ini kerana ini merupakan satu jenayah di bawah bidang kuasa agensi Kerajaan Pusat tetapi apa yang boleh kita lakukan di peringkat PBT ialah kita boleh bersihkan dan kita juga telah memberi arahan kepada semua PBT seperti apa yang saya terangkan tadi syarikat percetakan yang mencetak iklan ini akan dihentikan lesen jika di dapati mereka mencetak iklan Ah Long.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PANEL DIALISIS SIHAT SELANGOR**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Nyatakan jumlah Panel Dialisis Sihat Selangor yang dilantik mengikut daerah.
- (b) Nyatakan jumlah pesakit dialisis di bawah Panel Dialisis Sihat Selangor mengikut daerah.
- (c) Adakah Kerajaan Negeri akan mengekalkan Bantuan Kesihatan Sihat Selangor RM 2,000.00 untuk pesakit dialisis pada tahun depan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Kuala Kubu Baharu. Tuan Speaker, Panel Dialisis Sihat Selangor telah dilancarkan pada 2015 dan jumlah panel yang telah dilantik pada tahun pertama penubuhannya adalah sebanyak 20 buah panel di mana jumlah pesakit dialisis di bawah Panel Dialisis Sihat Selangor adalah sebanyak 195 pesakit. Perincian mengikut daerah adalah seperti berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Panel</b>	<b>Pesakit</b>
1.	Daerah Petaling	12	139
2.	Hulu Langat	3	11
3.	Klang	3	19
4.	Kuala Selangor	2	26
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>20</b>	<b>195 orang</b>

Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri akan menambah sekurang-kurangnya 50 panel dialisis lagi yang akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Program Bantuan Kesihatan Sihat Selangor. Sehingga kini Kerajaan Negeri telah membantu seramai 504 orang pesakit dialisis dengan peruntukan sebanyak RM1,452,045.00 dan sebanyak RM2,000.00 – RM5,000.00 disalurkan kepada pemohon mengikut kelayakan yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap rakyat terutamanya bagi golongan yang kurang berkemampuan dan mempunyai masalah kesihatan maka Alhamdulillah bagi tahun 2017 atas keprihatinan terhadap pesakit dialisis Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan daripada RM1.7 juta pada tahun 2016 kepada RM 5 juta seperti yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar pada hari Isnin yang lepas. Dengan pertambahan peruntukan yang besar ini maka dapatlah Kerajaan Negeri membantu lebih ramai pesakit dialisis di Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Saya nak tanya YB EXCO, panel yang kita berdaftar dengan Negeri Selangor hanya 70, kalau 50 campur 20 lagi maka ada lagi banyak pusat dialisis tidak berdaftar. Adakah lagi pesakit yang mendapat rawatan daripada Pusat Dialisis yang tidak berdaftar dengan Kerajaan Selangor itu juga layak menerima bantuan dialisis yang kita berikan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih KKB. Seperti yang saya sebut tadi, seramai 504 orang pesakit dialisis telah pun kita bantu walaupun hanya 195 orang daripada mereka mendapatkan bantuan di 20 panel yang telah pun kita sediakan jadi bermakna Kerajaan Negeri sentiasa membantu para pesakit dialisis ini walaupun mereka tidak mendapatkan rawatan di panel-panel dialisis yang telah kita sediakan. Namun sebab itulah kita akan menambahkan 50 lagi panel dialisis di Negeri Selangor ini untuk kemudahan para pesakit ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Saya nak tanya, sebab tadi YB EXCO berkata bahawa hanya 500 orang yang kita kenal pasti tapi hari itu Dato' Menteri Besar berkata bahawa jumlah adalah 6,000. Adakah dari segi promosi yang kita tidak tahu bahawa kita ada Skim Bantuan Kesihatan yang sedia ada ataupun sekatan apa yang pesakit-pesakit ini tidak mendaftar sendiri dengan kerajaan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Damansara Utama. Promosi untuk bantuan Dialisis Sihat Selangor ini para pesakit dialisis telah pun mendapat makluman melalui pusat-pusat dialisis sedia ada. Jadi melalui pusat dialisis ini mereka yang akan berikan penerangan ataupun maklumat tersebut kepada pesakit dan dari segi promosi sebenarnya dari segi promosi tiada masalah untuk bantuan ini. Sementara dengan adanya 6,890 orang pesakit dialisis di seluruh Negeri Selangor dengan peruntukan sejumlah RM 5 juta yang akan kita laksanakan pada tahun 2017, *Insyah-Allah* akan kita boleh membantu lebih ramai lagi pesakit yang memerlukan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mengetahui lebih lanjut mengenai pemohon-pemohon pesakit dialisis ini berapa tempoh yang mereka mohon sehingga mereka dikenal pasti lulus atau tidak, berapa tempoh yang lama yang harus, untuk mereka ketahui sebab mereka mengadu terlalu lama.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Sekinchan. Tempoh yang ditetapkan adalah dalam masa sebulan daripada mereka mula mendaftar ataupun memohon sehingga ia nya diproses dengan lengkap adalah lebih kurang sebulan.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada pihak EXCO, daripada angka-angka yang telah disebut, kita dapati bahawa daripada 504 yang menerima bantuan dialisis ini hanya 195 yang menggunakan panel-panel kerajaan. Jadi saya ingin bertanya dengan EXCO apakah ada satu kajian yang terperinci ataupun adakah penelitian daripada permohonan-permohonan yang sedia ada yang mengatakan permohonan itu untuk panel-panel tambahan yang menyebabkan 50 panel lagi ditambah sedangkan kemungkinan besar pemohon-pemohon itu mungkin datangnya daripada panel sedia ada, ya maksud saya minta maaf daripada panel-panel yang bukan lantikan kerajaan yang memang telah ada contohnya Zakat dan sebagainya tetapi kekurangan kewangan. Jadi apakah ada satu kajian ataupun *assessment* yang menyebabkan bahawa 50 panel yang akan ditambah itu akan dilaksanakan nanti.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Batu Tiga. Tentang pelantikan panel-panel yang kita akan tambahan kan sebanyak 50 panel yang akan datang kebanyakan mereka ini adalah panel atau pun pusat dialisis sedia ada di Negeri Selangor yang memberikan perkhidmatan kepada para pesakit yang mendapatkan rawatan dan sebab itulah kita akan melantik mereka sebagai panel apabila mereka menepati semua keperluan yang Kerajaan Negeri syaratkan.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Tuan Speaker, soalan saya 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : ISU KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI BULOH**

16. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Bilakah kerajaan Selangor dapat menyambung paip air ke Kampung Orang Asli Sungai Buloh?
- b) Bilakah jalan ke kampung Orang Asli tersebut akan dinaik taraf?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Tuan Speaker. Berdasar Pangkalan Data Air Selangor sejak tahun 2011 hingga kini Kerajaan Negeri tidak menerima sebarang permohonan pemasangan paip ke Kampung Orang Asli Sungai Buloh. Untuk makluman semua terdapat satu program yang dipanggil Bekalan Air Luar Bandar di bawah kendalian Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di mana kampung-kampung yang masih tidak lagi punyai sistem perpaipan yang sempurna boleh mendapat manfaat di bawah program ini. Walau bagaimanapun, kampung Orang Asli adalah tertakluk di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Orang Asli ataupun JAKOA. Oleh yang demikian pemohon dinasihatkan untuk menyalurkan permohonan-permohonan melalui JAKOA dan seterusnya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Menurut rekod di Pejabat Tanah dan Daerah Gombak terdapat kerja-kerja untuk menurap semula jalan di Kampung Orang Asli Sungai Buloh di DUN Paya Jaras Mukim Batu yang baru sahaja siap dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Gombak pada 3 Ogos 2015 dengan kos RM131,050.00 dengan jarak 1km.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Yang Berhormat EXCO, apa berlaku jika sekiranya JAKOA ini tidak membuat permohonan? Apakah kerajaan mempunyai insentif untuk membantu kampung-kampung Orang Asli ini?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Paya Jaras. Saya rasa pertamanya adalah kampung Orang Asli sebagai contohnya di sini Kampung Orang

Asli Sungai Buloh perlu membuat permohonan dahulu kepada pihak JAKOA. Permohonan tersebut juga boleh disalin kepada pihak Kerajaan Negeri dan juga Pejabat YB Paya Jaras dan kita boleh buat dengan izin *follow up* kalau JKOA tidak dapat memenuhi hasrat penduduk di Kampung Orang Asli Sungai Buloh maka Kerajaan Negeri Selangor dan Air Selangor boleh menolong mereka.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Tuan Speaker, soalan nombor 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI  
(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK : ADUAN BANJIR BERTERUSAN DARI PENDUDUK DI BANDAR PUTERI KLANG, WALAUPUN SATU KOLAM TADAHAN BANJIR TELAH DIBUAT DI BANDAR BOTANIC, BERSEBELAHAN DENGAN BANDAR PUTERI BANJIR MASIH BERLAKU**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah punca utama kolam tadahan itu tidak berkesan? Huraikan.
- b) Berapakah keluasan kolam yang terlibat dan jumlah kapasiti yang boleh disimpan di situ?
- c) Mengapakah kolam itu kelihatan cetek dan berapakah dalamnya? Huraikan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : *Bismillahir Rahmannir Rahiim dan Assalamualaikum* dan Salam Sejahtera. Terima kasih kepada Sri Muda yang bertanya berkaitan dengan Kolam Takungan Banjir Bandar Botanic telah pun siap dibina oleh pemaju Bandar Botanic. Punca utama kolam tadahan banjir ini kurang berkesan adalah disebabkan sistem saluran utama di sepanjang jalan Kebun Nanas tidak sempurna dan tidak dinaiktaraf untuk menyalurkan air banjir ke kolam takungan banjir Bandar Botanic ini ke Sungai Aur. Pada masa ini pemaju telah siap menaik taraf saluran utama jalan Kebun Nanas daripada saluran keluar kolam ke Sungai Aur. Keluasan kolam takungan banjir Bandar Botanic adalah sebanyak 54,784 meter persegi dan mempunyai kapasiti sebanyak 164,352 meter padu. Kolam takungan banjir Bandar Botanic ini mempunyai kedalaman purata 3 meter sahaja berdasarkan cadangan reka bentuk dan pelan pra hitungan selepas siap pembinaan. Kolam takungan dilihat cetek kerana mempunyai tadahan paras air kekal setinggi 1 meter yang dikawal oleh struktur saluran keluar kolam tersebut. Oleh yang demikian, kolam tersebut hanya dapat menampung air banjir yang disalurkan ke kolam takungan



banjir untuk ketinggian 2 meter sahaja. Walau bagaimanapun, dalam RMK 11 Kerajaan Negeri Selangor melalui JPS telah meluluskan peruntukan sebanyak RM11 juta untuk Projek Tebatan Banjir Sungai Aur Fasa 5 bagi mengatasi masalah banjir kawasan tadahan Sungai Aur iaitu Bandar Puteri dan Taman Sentosa serta kawasan sekitarnya. Di bawah projek ini RTB Sungai Aur Fasa 5 menyediakan infrastruktur saluran utama yang sempurna seterusnya dapat menyalurkan air banjir Bandar Puteri dan Taman Sentosa sekitarnya ke Sungai Aur. Ada 3 sebenarnya projek besar yang akan dilaksanakan. Pertama seperti mana yang saya nyatakan sebentar tadi Projek Tebatan Banjir di Sungai Aur yang status masanya sedang dalam proses penyediaan Surat Setuju Terima. Antara skopnya menaik taraf sistem saluran utama Sungai Aur menggunakan konkrit *u-block* dan membina jambatan *Medium Traffic Bridge (MTB)*.

Yang keduanya ialah membina kolam takungan banjir di Taman Sentosa yang telah pun diiklankan dan tarikh tutup iklan pada 11 Oktober 2016 dan dijangkakan mula pada bulan November 2016 dalam kos RM3.3 juta dan skopnya membina kolam takungan di Taman Sentosa dan menaik taraf kolam takungan sedia ada di Bandar Puteri.

Dan yang ketiganya, menaik taraf sistem saluran di Taman Sentosa sendiri dengan nilai projek RM6.3 juta dan tarikh tutup iklan pada 11 Oktober dan sekarang dalam proses mengeluarkan Surat Setuju Terima dan skop projek ini adalah menaik taraf saluran sedia ada di Jalan Datuk Yusof Shahbuddin dari *u-drain* ke *box culvert* sepanjang 875 meter, menaik taraf saluran sedia ada di Jalan Raja Nong KFC dan *u-drain* ke *box culvert* sepanjang 557 meter dan menaik taraf saluran sedia ada di Jalan Datuk Dagang 6 dari *u-drain* ke *box culvert* sepanjang 760 meter. Itu lah semua tiga projek yang akan mengatasi masalah banjir yang dimaksudkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Soalan nombor 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BIDMAN BIN MOHD ZOHDI  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN GENERASI MUDA DAN SUKAN**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan program yang telah dilaksanakan pada tahun 2016.
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan untuk program tersebut.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Speaker dan Sungai Panjang atas soalan yang dikemukakan. Sehingga Oktober tahun 2016 sebanyak 33 program telah dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda Negeri. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Pembangunan Generasi Muda dengan menggunakan Peruntukan Lebihan Elaun PeBT sebagaimana berikut :-

<b>Bil.</b>	<b>Perkara/Program</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1.	Program Selangor <i>International Cyber Games</i>	400,000.00
2.	Program GP Larian Peringkat PBT - MPAJ, MPS, MPK dan MBPJ	80,000.00
3.	Program Iftar Ramadhan Kareem Bersama Belia Mahasiswa Selangor 2016	10,000.00
4.	Program Pertandingan Futsal Orang Pekak Selangor antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Persatuan Orang Kurang Upaya (OKU) Pekak Selangor	6,000.00
5.	Program Jelajah Y.B. EXCO Generasi Muda Bersama Belia Mahasiswa Selangor	67,720.00
6.	Program Colour Run kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan Unisel	6,000.00
7.	Program Penyerahan Watikah Pelantikan dan Kursus Asas PeBT Negeri Selangor 2016	80,400.00
8.	Karnival Sukan Pusat Latihan Gurney (GTC) 2016 antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Persatuan bagi Orang Buta Malaysia	5,000.00
9.	Liga Sukan Selangor Plus Peringkat DUN	112,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>767,120.00</b>

Di dalam masa yang sama, kita juga telah menggalakkan agar penyertaan program-program di peringkat akar umbi. Justeru, saya senaraikan di sini sebanyak 271 program dilaksanakan di peringkat Majlis-majlis Tempatan :-

- a) Majlis Perbandaran Selayang, 36 program RM47,000.00.
- b) Majlis Daerah Kuala Langat, 13 program RM39,900.00.
- c) Majlis Perbandaran Klang, 6 program RM33,165.00.
- d) Majlis Perbandaran Kajang, 15 program RM67,000.00.
- e) Majlis Daerah Hulu Selangor, 16 program RM30,320.00.
- f) Majlis Perbandaran Subang Jaya, 13 program RM30,917.20.
- g) Majlis Bandaraya Shah Alam, 10 program RM23,000.00.
- h) Majlis Bandaraya Petaling Jaya, 57 program RM86,000.00
- i) Majlis Perbandaran Sepang, 31 program RM94,000.00.

- j) Majlis Daerah Kuala Selangor, 15 program RM35,000.00.
- k) Majlis Perbandaran Ampang Jaya, 35 program RM66,000.00.
- l) Majlis Daerah Sabak Bernam, 24 program RM52,000.00.

Bermakna, 271 program di peringkat akar umbi dicampur 33 program di peringkat Negeri. Kita telah melaksanakan 304 program belia di seluruh Negeri Selangor sehingga Oktober. *Insyah-Allah*, menjelang kedua bulan ini ada lagi berapa program yang akan dilaksanakan dan saya akan laporkan apabila ada pertanyaan kelak. Terima kasih.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Soalan tambahan?

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Apakah hasil yang boleh dibanggakan. Hasil daripada penganjuran-penganjuran ini sebab saya melihat banyak program yang diatur tetapi *outcome* daripada penganjuran ini, apa yang boleh dibanggakan?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, Sungai Panjang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, program-program Pembangunan Belia Negeri Selangor atau Pembangunan Generasi Muda Negeri Selangor, kita menganjurkan dengan berteraskan kepada 10 bidang sebagaimana yang telah disasarkan atau pun yang telah digariskan oleh Dasar Pembangunan Belia. Justeru, fokus-fokus yang dilaksanakan di peringkat-peringkat akar umbi ini adalah untuk menggalakkan seperti program kepimpinan dan kemasyarakatan, jaringan kebudayaan, kesenian, kesihatan, agama, *spirituality* dan pengantarabangsaan.

Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, justeru program-program di peringkat negeri juga kita memberi fokus antaranya keterlibatan anak-anak muda dalam masyarakat dan menarik mereka bersama-sama dalam aktiviti sukan dan juga kecergasan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita tidak ketinggalan juga menganjurkan program antarabangsa. Antaranya, Program Selangor *International Cyber Games* yang menarik perhatian sehingga 100,000 masyarakat di luar sana termasuk pada tahun ini kita turut mendapat laporan secara langsung melalui siaran televisyen. Jadi secara langsung kita telah menghubungkan belia-belia kita dan masyarakat, generasi muda kita dengan antarabangsa dan menghubungkan mereka dengan pelbagai program yang terkini di samping Kerajaan Negeri turut memahami aspirasi generasi muda yang sentiasa berubah daripada masa ke semasa. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Soalan 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**

**TAJUK :**     **SIJIL UEC**

19.    Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a)    Sejauh manakah sijil UEC diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- b)    Berapakah graduan lepasan UEC telah memohon dan ditempatkan ke UNISEL?
- c)    Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menarik lebih ramai graduan UEC ke UNISEL?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih, Yang Berhormat Kinrara.

- a)    Sememangnya Kerajaan Negeri Selangor sebagaimana telah diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar sebelum ini mengiktiraf sijil UEC dan kita telah melihat pengiktirafan ini di kedua-dua Institusi Pengajian Tinggi Kerajaan Negeri iaitu di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan juga di Universiti Selangor atau pun UNISEL.
- b)    Secara dasarnya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memberi kelulusan kepada UNISEL untuk menggunakan sijil peperiksaan UEC bermula 10 Oktober 2016 dan UNISEL sangat mengalu-alukan pelajar lepasan UEC selaras dengan dasar Kerajaan Negeri dan pengiktirafan di peringkat KPT. Walau bagaimanapun, setakat ini belum lagi ada permohonan ke UNISEL untuk pelajar-pelajar lepasan UEC. Dengan adanya kelulusan rasmi dari KPT yang baharu diterima, pihak UNISEL akan menambah usaha dalam memasarkan program yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar lepasan UEC.
- c)    Ada beberapa siri perbincangan. Pihak pejabat saya sendiri ada mengadakan pertemuan dengan pihak Dongzhong dalam usaha untuk menarik pelajar-pelajar lepasan UEC ke UNISEL dan juga pihak UNISEL sendiri ada mengadakan pertemuan dengan pejabat EXCO, Y.B. Sungai Pinang untuk melihat cara-cara untuk menarik pelajar-pelajar daripada lepasan UEC ke UNISEL dan kita akan mempergiatkan lagi usaha ini selepas kita telah mendapat kelulusan daripada KPT yang baharu diterima.

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN** : Tuan Speaker, soalan nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PUSAT HIBURAN**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan statistik bilangan kelulusan di PBT Pusat Hiburan Keluarga mengikut pecahan :-
  - i. Di *Shop Lot*
  - ii. Di *Shopping Complex*
- b) Apakah *standard* kelulusan sesebuah pusat hiburan keluarga di setiap PBT dan berapakah bilangan permohonan purata setiap tahun bermula 2010 – 2015?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Gombak Setia.

- a) Bilangan permohonan setiap tahun bermula pada tahun 2010 hingga 2015 adalah :-

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Permohonan</b>
2010	120
2011	111
2012	114
2013	113
2014	145
2015	165

- b) Antara *standard* untuk kelulusan sesebuah pusat hiburan keluarga di sesebuah PBT adalah seperti berikut :-

Perlu mematuhi beberapa syarat seperti :-

- i. Had masa operasi mesin permainan sehingga jam 1.00 pagi.
- ii. Menjalankan aktiviti hiburan berbentuk keluarga sahaja.
- iii. Sistem kamera litar tertutup hendaklah dipasang di premis.
- iv. Tiada apa unsur berbentuk seks lucah, ganas, perjudian atau pun apa-apa yang melanggar undang-undang.
- v. Larangan menjual dan menyediakan minuman keras dan minuman beralkohol di premis melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa.

Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan sijil ini diiktiraf dan apakah UNISEL mengiktiraf sijil ini?

**TUAN SPEAKER** : Hulu Bernam, soalan tidak berkaitan dengan soalan pokok. Soalan pokok mengenai pusat hiburan.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : KHIDMAT KESIHATAN DESA**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

Perkhidmatan kesihatan di desa tidak sampai kepada pesakit-pesakit yang terlantar dan berpenyakit kronik. Program-program kesedaran pencegahan penyakit pun berkurangan.

- a) Apakah rancangan kesihatan Negeri Selangor untuk membawa kesihatan terus kepada mereka yang memerlukan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Ijok. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan permasalahan rakyat di Negeri Selangor termasuk golongan pesakit terlantar dan berpenyakit kronik. Kerajaan Negeri akan

mengadakan Program Ziarah Medik bagi mendekati pesakit-pesakit yang terlantar di rumah ini dan yang tidak berkemampuan untuk menanggung perbelanjaan perubatan. Pesakit yang telah dikenal pasti akan menerima bantuan Kesihatan Sihat Selangor untuk pembelian susu atau lampin pakai buang.

Untuk makluman, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah melaksanakan program Domiciliary bermula pada tahun 2014, di mana dalam program ini anggota kesihatan akan membuat lawatan ke rumah pesakit untuk tujuan membuat penilaian keadaan pesakit, keperluan rawatan pesakit, membuat rawatan ke atas pesakit serta memberi tunjuk ajar penjagaan kesihatan pesakit kepada penjaga. Anggota kesihatan akan membuat lawatan dan rawatan terhadap golongan tersebut mengikut keperluan golongan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan tambahan?

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Ijok ingin bertanya, adakah khidmat ini terdapat pada semua daerah di Selangor. Soalan kedua, skim.....

**TUAN SPEAKER** : Satu sahaja Ijok.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Ijok. Khidmat ini saya belum dapat lagi maklumat tentang khidmat ini daripada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan saya akan memberikannya secara bertulis kepada Ijok. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan tambahan?

**TUAN SPEAKER** : Ya Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Skim Peduli Sihat yang akan dilancarkan, Ijok ingin bertanya sama ada pesakit-pesakit terlantar ini dapat kemudahan Skim Sihat?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Ijok. Skim Peduli Sihat ini masih dalam perancangan dan kita belum buat apa-apa, kita belum ada lagi satu *final procedure* untuk pelaksanaan tersebut. Maka, apa yang Ijok cadangkan kita akan mengambil berat tentang perkara tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan nombor 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PENGGUNA WIFI SELANGORKU**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Selangor untuk mengetahui bilangan pengguna Wifi Selangorku?
- b) Mohon Kerajaan Negeri menyatakan bilangan pengguna Wifi Selangorku di seluruh Selangor mulai Januari hingga Jun 2016.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih, Yang Berhormat Semenyih. Pihak pembekal perkhidmatan *WiFi Smart* Selangor telah menyediakan satu sistem khas yang boleh digunakan sebagai platform untuk pengumpulan data bilangan pengguna *WiFi Smart* Selangor di mana pihak pembekal akan memberikan laporan secara berkala kepada pihak Kerajaan Negeri berkaitan maklumat dan data-data pengguna yang diperlukan. Bilangan pengguna *WiFi Smart* Selangor di seluruh negeri bermula pada Januari sehingga Jun 2016 ialah seramai 299,786 orang.

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan punca-punca penutupan loji rawatan air Semenyih pada September 2016 dan impaknya.
- b) Nyatakan langkah-langkah penguatkuasaan yang telah diambil.
- c) Adakah kilang-kilang di sepanjang Sungai Semenyih dan Sungai Langat mengemukakan laporan pelepasan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Kualiti Alam Sekitar?



**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih, Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Balakong. Saya akan jawab soalan ini bersekali dengan beberapa soalan lain kerana ianya adalah berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Balakong iaitu soalan 57, soalan 83, soalan 89, soalan 128, soalan 145, soalan 161, soalan 166, soalan 173, soalan 191, Soalan 271 soalan 276, soalan 292 dan soalan 293.

Tuan Speaker, ini adalah berkaitan tentang henti tugas Loji Pembersihan Air di Sungai Semenyih dan juga di Loji Pembersihan Air di Langat dan juga Cheras, Batu 11.

Di Sungai Semenyih, loji pembersihan air telah mengalami henti tugas pada 22, 23, 24 September dan 3 Oktober. Selepas itu, ada satu fasa lagi iaitu pada 7 dan 8 Oktober di LPA (Loji Pembersihan Air) Langat dan Cheras, Batu 11 dan yang terkini iaitu di loji pembersihan air sekali lagi iaitu pada 23 dan 28 Oktober. Punca daripada pencemaran tersebut, pada awalnya kita hanya boleh umumkan pencemaran bau, atau pun dengan izin *odour pollution*. Tetapi selepas kajian dan analisis di *lab*, maka kita telah dapat mengenal pasti bahan kimia atau pun bahan pencemar untuk kes tersebut. Maka untuk fasa pertama iaitu pada akhir bulan September iaitu di loji pembersihan air Sungai Semenyih, bahan pencemar dikenal pasti adalah *Ethyl Esetic*.

Untuk fasa kedua, iaitu pada 7 dan 8 Oktober di Langat, Cheras, Batu 11. Kita telah mendapati bahawa pencemaran tersebut berpunca di Bentong, kawasan perindustrian di Bentong, Pahang yang mengalir ke Sungai Semantan kemudian ke Sungai Langat, bahan pencemar yang dikenal pasti adalah *Benzil Alcohol*.

Untuk kes yang terkini, saya rasa semua Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini telah membaca kerana ada banyak berita pada masa ini adalah dikenal pasti di Nilai, Negeri Sembilan dan bahan pencemar yang berkaitan yang secara positif yang kita telah mengenal pasti adalah dipanggil dengan izin, *Four Bronor Diethyl Ether*.

Dianggarkan sebanyak 1.8 juta pengguna mengalami gangguan air tidak berjadual kesan daripada kes-kes pencemaran tersebut. Kerana kes yang kita telah alami penutupan loji pembersihan air telah berlaku dalam satu bulan ini. Maka kita terpaksa bertindak secara berfasa di apa yang telah berlaku iaitu fasa pertama berlaku di Sungai Lalang, Semenyih. Apa awalnya kita tidak dapat mencari punca tersebut tetapi akhirnya pada 3 Oktober 2016 kita telah mengenal pasti tapak pencemaran di Kampung Sungai Lalang, Semenyih. Bila kita turun pada malam tersebut memang masa itu pencemaran itu lari lintang pukang dan mereka tinggalkan lori-lori *forklift* semualah termasuk kad nama, brosur dan sebagainya. Ia dilindungi ataupun sedikit samaran di depannya iaitu ada satu syarikat kononnya *conservation* yang dipanggil *as building premis* tersebut ini bukan kilang ini premis ada macam

pondok, ada kenderaan dan sebagainya. Ia di belakang dan ditutup dilindungi daripada penglihatan orang awam oleh *billboard*. Maka pihak LUAS dan juga Air Selangor telah berjaya masuk dan pada pagi selepas itu Dato' Menteri Besar juga turun dengan semua pegawai-pegawai berkenaan termasuk Majlis Perbandaran Kajang dan juga Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat. Sitaan telah berlaku dan pada masa ini saya di maklum bahawa pihak LUAS dan juga pihak Jabatan Alam Sekitar telah siapkan kertas siasatan ataupun *investigation paper* dan kertas siasatan ini akan dikemukakan atau sudah dikemukakan kepada Kamar Peguam Negara di mana di kamar tersebut kes ini kita harap bagi pihak semua penduduk-penduduk yang terkesan daripada henti tugas tersebut akan dibawa ke Mahkamah untuk didakwa. Untuk dua kes lain yang saya kategorikan sebagai fasa kedua yang berlaku pada 7 dan 8 Oktober 2016 yang mengakibatkan Loji Pembersihan Air Langat dan juga Cheras Batu 11 mengalami henti tugas kes ini telah dikenal pasti di Bentong, Pahang. *Team* ataupun pasukan pemantauan air yang terdiri daripada Lembaga Urus Air Selangor dan juga Air Selangor telah bertapak di Pahang sebaik perkara ini dikesan mereka bertapak di sana hampir 4 hari. Dan kita berjaya untuk mendapat tapak tersebut ataupun mencari tapak tersebut dengan bantuan SPAN Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara memang ada pegawai SPAN yang mengikut kita lepas itu perkara ini juga dimaklumkan kepada pihak Badan Selia Air Pahang. Dan juga Jabatan Alam Sekitar ataupun JAS Pahang. Apabila ini berlaku akhirnya kita dapat mengurangkan ataupun *reduce* (dengan izin) masa ataupun tempoh henti tugas tersebut dan pada masa ini pada ketika itu perkara itu juga dibawa kepada perhatian KSU Kementerian KeTTHA. Dan perkara ini juga apa dapat perhatian mereka dan mereka juga cuba membantu daripada Kementerian tersebut. Untuk kes yang terkini yang berlaku pada 23 Oktober 2016 ia berlaku kita dapat mengesan ada bau yang luar biasa pada pagi tersebut hampir pukul 7.30 pagi. Dan kita terpaksa tutup loji rawatan air Sungai Semenyih sekali lagi. Pada pagi tersebut juga Dato' Menteri Besar di Kuala Langat melancarkan loji rawatan air terbaru untuk Negeri Selangor di Labuhan Dagang. Selepas majlis pelancaran tersebut Dato' Menteri Besar juga turun ke tapak untuk melihat kesannya ke pengairan Negeri Selangor. Walaupun puncanya bermula di Nilai, Negeri Sembilan (maaf) tetapi ia ada kesan kepada 1 sungai dipanggil Sungai Buah. Sungai Buah ada 2 bahagian 1 bahagian dekat Negeri Sembilan dan 1 lagi Negeri Selangor. Dan dari sempadan Negeri Selangor tak jauh pun ia akan mengalir ke Sungai Semenyih dan akan memberi kesan kepada loji rawatan air Sungai Semenyih. Maka masih itu kita telah membawa kes-kes semua ke semua ini untuk tindakan dan juga perhatian. Khasnya beberapa agensi yang berkaitan termasuk JAS, JAS Negeri Sembilan, JPS Negeri Sembilan Dato' Menteri Besar juga ada membuat satu telefon *call* (dengan izin) dengan Dato' Menteri Besar Negeri Sembilan. Dan kita juga ada satu pertemuan ataupun mesyuarat khas dengan Y.B. Menteri Alam Sekitar dan Sumber Asli yang dihadiri oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Negeri Selangor dan juga agensi-agensi berkaitan. Di mana dalam mesyuarat tersebut pada 26 Oktober 2016 Y.B. Menteri Alam Sekitar telah menjamin kerjasama yang lebih bagus antara Negeri Selangor dan juga Putrajaya khasnya untuk menangani kes ini. Untuk makluman semua sekarang

Sungai Buah kita telah ada beberapa (dengan izin) *acrionn* dan ini adalah usaha sama antara pelbagai agensi. Termasuk Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), JPS, JKR juga Unit Bencana yang telah masuk pada beberapa hari kemudian untuk membantu menyelaraskan keadaan tersebut. Dan juga banyak agensi lain di mana sekarang kita telah membina bukan 1 Ban, bukan 2 Ban tetapi 4 Ban. 4 Ban di sana dan kita telah menjadikan tapak di sempadan selepas sempadan Negeri Selangor seperti 1 sistem rawatan air khas untuk menangi bahan pencemaran 4 *pormo date*. Untuk makluman semua walaupun kes ini berlaku lebih daripada 10 hari yang lalu tetapi sampai hari ini kita masih ada kesan daripada *excident* tersebut. Maka kita telah beberapa kali sejak minggu lepas menyeru memohon bantuan daripada Kerajaan Negeri Sembilan bukan sahaja nak buka kertas siasatan tetapi kerana tapak yang dicemar itu masih tidak dirawat tanah belum digali dan sebagainya. Maka sampai pagi ini pun kita masih dapat kesan bau kalau ada kesan bau maksudnya ada bahan kimia masih wujud dalam air tersebut 2 tong tetapi dengan usaha sama dan juga inovasi air Selangor LUAS, JPS, JKR, Unit Bencana kita sekarang ada sistem rawatan dan air yang mengalir keluar daripada Sungai Buah sekarang ke Sungai Semenyih adalah *zore* tong ataupun tidak ada bahan pencemaran. Kita menggunakan satu sistem yang boleh dikatakan agar merunding Menteri tetapi yang sangat biasa. Dan ini adalah siasatan daripada pihak air Selangor di mana mereka buat eksperimen dan juga siasatan di belum dibawa ke Sungai Buah iaitu kita menggunakan bahan pembersihan yang panggil *activated carbon*. *Activated carbon* adalah bahan yang bukan bahan yang bahaya ia digunakan semua loji rawatan air ia digunakan juga untuk *filter* seperti yang kita dapati di dalam rumah ada banyak rumah yang sekarang *filter* tersebut. Dan juga yang *filter* dipasang di rumah. Ini adalah secara ringkas apa yang telah berlaku. Saya kerana kita ada banyak soalan ada yang berkaitan dengan juga ada yang tidak berkaitan tetapi semuanya berkaitan dengan topik pencemaran dan juga penutupan loji rawatan air saya akan cuba jawab secara ringkas saya tidak akan jawab mengikut soalan. Tindakan ada banyak soalan tentang tindakan. Tindakan yang dikenakan 1. iaitu di kampung Sungai Lalang kes pertama di Semenyih akhir bulan September 2016 adalah berikut: 1. Notis telah diberi kepada premis yang disyaki di bawah seksyen 29 (1)(d) Enakmen LUAS 1999. Pada 4 Oktober 2016 semasa operasi dijalankan bersama agensi yang lain. Pada tarikh yang sama sehingga ke hari ini anggota penguatkuasaan LUAS dan juga MPAJ yang sekarang bertapak di sana secara statik 24 jam untuk memantau tindakan sitaan pencemar dan juga pembersihan yang dilakukan oleh pihak kualiti alam iaitu yang bermula pada hari kejadian tersebut. Majlis Perbandaran Kajang juga telah mengenakan notis operasi tanpa lesen dan juga beberapa barangan operasi telah disita. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat telah mengeluarkan Notis 7A di bawah Kanun Tanah Negara untuk merampas tanah tersebut sementara Jabatan Alam Sekitar dalam proses mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan Alam Sekitar 1974 Akta Kualiti (maaf). Ada soalan juga berkenaan tanggungjawab dan juga operasi LUAS ataupun Lembaga Urus Air Selangor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini. LUAS merupakan agensi dalam sumber air Selangor dan ia diberi peruntukan yang agak besar iaitu RM3.5 juta dalam bajet tahunan 2015.

Merangkumi bajet pengurusan sebanyak RM4.7 juta untuk emolument kakitangan dan juga kos operasi. Lembaga tersebut mengurus air Selangor juga menjalankan pemantauan dan penyelenggaraan sistem dan juga stesen pemantauan sumber air serta perkhidmatan pembersihan lokasi pencemaran sungai. Bajet pembangunan sebanyak RM25.8 juta merangkumi kos pelaksanaan kajian berkenaan sumber air sama ada dari segi kuantiti ataupun kualiti. Pelaksanaan operasi pengepaman, Air Kolam Bestari Jaya (OPAK) ataupun dikenali sebagai HORAS dan juga operasi pembenihan awan (OPA). Sehingga kini, jumlah anggota penguat kuasa secara spesifik di LUAS adalah seramai 17 orang dan LUAS juga memberi kad kuasa kepada pegawai-pegawai dan juga kakitangan yang bertugas di unit-unit teknikal untuk menjalankan siasatan dan juga pemantauan ketika lawatan ke tapak-tapak tersebut di seluruh Negeri Selangor. Pada masa ini, sebanyak 62 kad kuasa dikeluarkan kepada pegawai dan juga kakitangan Lembaga untuk membantu menjalankan penguatkuasaan sumber air di Negeri Selangor. Pemantauan secara berterusan dan juga bersepadu dari semasa ke semasa. Ini termasuklah mengemaskini maklumat inventori premis di sepanjang sungai. Pemantauan secara berkala, pemetaan untuk dijadikan rujukan dan pembinaan stesen kualiti air di Hulu Muka Sauk ataupun loji pembersihan air. Semua lembangan sungai diberi perhatian dan juga pemantauan berkala termasuk aspek kualiti dan juga kuantiti melalui Lembaga Urus Air Selangor dan juga dengan bantuan Air Selangor bermula daripada kawasan tadahan di hulu dan juga di hilir. *Standard Operating Procedure* juga telah ditanya oleh beberapa Yang Berhormat, maka saya ingin maklum kepada dewan yang mulia ini untuk *Standard Operating Procedure* Lembaga Urus Air Selangor, ia berlandaskan manual pelan tindakan menangani tumpahan minyak dan juga bahan pencemar ke dalam sumber air. Kita memang ada manual, kita ada pelan. Pasukan ini dianggotai oleh agensi-agensi negeri dan juga persekutuan. Apabila terdapat aduan pencemaran yang melibatkan sebagai contohnya, penutupan loji, pasukan kecemasan akan segera digerakkan ke lokasi untuk siasatan tapak, pensampelan, *sampling*, dengan izin, bahan bukti dan sebagainya. Tindakan lanjut dari segi perundangan akan juga diambil. Selanjutnya, laporan kes pencemaran ataupun kecemasan akan dipanjangkan kepada saya dan dibentangkan di dalam jawatankuasa kecemasan pencemaran sumber air.

Ada beberapa soalan juga berkaitan tentang kilang-kilang haram. Saya yakin semalam, Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam dewan yang mulia ini telah mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Seri Kembangan. Masa sesi soal jawab, saya hanya ingin memberi satu dua contoh di mana Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan yang tegas. Kita tidak akan berkompromi kalau terdapat bukti bahawa kilang yang berlesen ataupun tidak berlesen mengeluarkan bahan pencemar. Sebagai contohnya, apa yang telah berlaku tahun lepas 2015, iaitu satu kilang namanya Genesis Aluminium Sdn. Bhd. di Kajang di mana ia memang ada lesen tetapi selepas terdapat, kita dapat bukti yang kukuh bahawa kilang tersebut telah *discharge* bahan asid yang menyebabkan *manganese* dalam sumber air mentah naik maka lesen operasi kilang tersebut dibatalkan oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang

pada 14 April selepas tindakan penahanan operasi kilang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, berakhir pada 14 April 2015. Ini adalah contoh, maka kita bukan sahaja mengambil tindakan terhadap kilang-kilang haram tetapi kilang-kilang yang juga ada lesen. Saya juga ingin menekankan beberapa persepsi yang salah. Bukan sahaja di kalangan orang awam tetapi dalam dewan yang mulia ini kadangkala termasuk anggota EXCO juga. Satu, pencemaran sumber air mentah bukan sahaja berlaku di tebing sungai. *This is a wrong perception*. Ia boleh berlaku di mana-mana. Jadi, bila kita baca, kita perlu memantau tebing sungai, betul. Tetapi pencemaran juga berlaku di kawasan-kawasan lain. Sebagai contohnya, kilang perindustrian. Kilang perindustrian tidak semestinya bertapak ataupun dibangunkan di tebing sungai. Ia boleh agak jauh tetapi sistem perparitan akhirnya *discharge* nya mungkin akan masuk ke dalam sungai. Keduanya, kalau kita lihat kes penutupan loji rawatan air yang terkini, Sungai Semenyih dekat Nilai Negeri Sembilan. Ia bukan dibuang tepi sungai tetapi ia dibuang tepi *highway*, Elite Highway 45.9 km. Saya tahu siapa itu. So, eh bukan, maka maksud saya adalah jangan ada persepsi, satu, hanya berlaku di tebing sungai. Ia boleh berlaku di mana-mana pun. Kalau, saya bukan nak beri manual macam mana nak mencemar sungai, saya tak nak. Saya dah fikir, patut ke saya sebut di sini macam mana kita boleh mencemar sungai ataupun yang membawa air mentah kepada loji rawatan. Saya rasa, mungkin satu tindakan yang tidak wajar. Kita akan simpan (ketawa) dengan pasukan kita supaya kita boleh dapat memantau tetapi di mana-mana pun boleh berlaku. Sebagai contohnya juga, 2014 masa itu Balakong, masa itu baru jadi ADN. Baru kan? Ya. *First term*. Masa itu dia menangis hampir tiap-tiap minggu ada pencemaran ammonia. Di mana pencemaran ammonia ini didapati di STP, *Sewage Treatment Plan*. Jadi, ada macam-macam pun boleh berlaku. Apa yang penting adalah satu, PBT perlu memberi kita maklumat. Kedua, Lembaga Urus Air Selangor dan juga Jabatan Alam Sekitar perlu bekerjasama dengan lebih erat, dengan lebih efektif supaya kita boleh mengenal pasti tapak-tapak yang mencemari. PBT boleh memberi inventori tapak-tapak yang bakal mencemari tapi ADN-ADN, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Kampung, orang awam juga adalah penting dalam ekosistem ini.

Saya ingin maklum kepada dewan yang mulia ini bahawa kalau bukan ada orang kampung di sebelah Nilai maklum kepada petugas-petugas Air Selangor dan juga Lembaga Urus Air Selangor bahawa mereka ada menyaksikan air sungai berbuih-buih, mereka dapat cari ikan-ikan yang mati dekat parit kalau tanpa bantuan mereka kita tidak, memang susah nak dapat kenal pasti di mana tapak pencemaran tersebut. Jadi, kita perlu ada kerjasama antara semua pihak dalam menangani isu ini. Tunggu ya, ada banyak, ada lagi jangan khuatir. Ada Yang Berhormat yang bertanya tentang tahap kebersihan sungai-sungai di Negeri Selangor. Tahap kebersihan sungai-sungai di Negeri Selangor yang menjadikan sumber air mentah bagi pelbagai loji pembersihan air adalah seperti berikut, satu, 36% pada tahap indeks Kualiti Air Kelas 1, 39% pada tahap indeks kualiti air kelas 2 dan 25% pada tahap indeks kualiti air kelas 3. Dan sungai-sungai ini membekal air mentah secara baik kalau tidak ada

pencemaran ataupun bahan cemar dibuang di dalam. Hasil pemantauan terhadap kilang-kilang di kawasan Sungai Semenyih dan juga Sungai Selangor yang tidak mematuhi standard pelepasan *effluent* di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sejak 2013 adalah, untuk tahun 2013 bilangan premis 16. 2014, bilangan premis 12, 2015 bilangan premis 6 dan setakat ini pada tahun 2016 bilangan premis yang telah dikenakan kompaun adalah 14. Tindakan mahkamah untuk, kerana melepaskan *effluent industry* yang melebihi piawaian sejak 2013 adalah berikut satu, pada tahun 2013 - 8 bilangan premis, 2014 - 8 premis, 2015 - 3 premis dan pada tahun ini, setakat ini 1 premis. Jumlah nilai denda oleh mahkamah adalah 1.161, maaf RM1,161,000.00 itu sahaja. Sangat malang saya rasa. Jenis-jenis industri yang berada di sepanjang Sungai Semenyih yang berpotensi mencemarkan air sungai adalah berikut, satu, plastik. Industri plastik. Dalam inventori Jabatan Alam Sekitar terdapat 3. Ada 8 kilang yang berasas logam. Ada 1 kilang yang berasas galian bukan logam. Ada 1 kilang industri makanan ternakan, 1 percetakan, 3 industri pembuatan, 2 makanan dan minuman, 1 penapisan minyak makanan, 1 kertas dan akhirnya 1 asas getah. Jumlahnya 22 di bawah inventori Jabatan Alam Sekitar dan setakat ini menurut rekod Alam Sekitar, pematuhannya adalah 100%. Sepanjang tahun 2015 sehingga 2016 sebanyak 200 buah kilang telah dijalankan pemeriksaan oleh Jabatan Alam Sekitar tapi seperti yang saya telah sebut hanya 22 sahaja yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dibenarkan untuk melepaskan *effluent* ke dalam Sungai Semenyih. Dan ada 1 kilang yang telah melepaskan air kotor industri melebihi had piawai dan telah dikenakan tindakan penahanan operasi oleh Jabatan Alam Sekitar dan juga pembatalan lesen oleh Majlis Perbandaran Kajang iaitu, Genesis Aluminium.

Setakat ini lah saya akan jawab. Tuan Speaker, saya tunggu soalan-soalan susulan.

**Y.B. TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI** : Minta maaf.

**TUAN SPEAKER** : Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Terima kasih ke atas usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah pencemaran ini. Tapi, walau bagaimanapun, kita semua tahu bahawa untuk menyelesaikan secara menyeluruh pencemaran yang berlaku baru-baru ini, tapak pencemaran di Nilai, Negeri Sembilan perlu pembersihan. Tetapi berikutan sikap Kerajaan Negeri Sembilan yang tidak bekerjasama dengan Selangor, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor ataupun adakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk mengambil apa-apa tindakan undang-undang terhadap Kerajaan Negeri Sembilan? Terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Balakong. Memang seperti yang saya telah sebut tadi, tapak yang dicemarkan masih memberi masalah sehingga pagi ini. Apa yang kita telah buat, ini adalah selepas maklum balas yang

tidak menggalakkan daripada wakil badan kawal selia air Negeri Sembilan kepada pemangku Pengarah Lembaga Urus Air Selangor iaitu kita disarankan untuk selesaikan masalah sendiri kerana air tersebut, sungai tersebut mengalir ke Negeri Selangor dan kita yang gunakan air tersebut maka, kita dengan serta-merta membuat *remedial action*. Tindakan *remedial*, termasuk bukan sahaja kita membina 4 ban di Sungai Buah, bukan sahaja kita buat rawatan ataupun *dosing* berkala sampai menggunakan lebih daripada 20 tan iaitu 20,000 tan *activated carbon*, kita juga terpaksa merawat di sebelah Nilai, Negeri Sembilan. Kita memang terpaksa buat, kalau kita tidak meletakkan bahan rawatan iaitu *activated carbon* di bahagian, di sebelah Nilai pada hari ini, kita tidak boleh buka loji rawatan air Sungai Semenyih. Kalau kita tidak buat ban yang direkacipta, *let me tell you this*, direkacipta di bilik operasi oleh Pegawai JPS menggunakan iPad, *on the spot* mereka lukis. Kalau JPS tak buat begitu, memang kita tak boleh buat apa-apa sampai hari ini. Kalau JPS, JKR tidak membawa *machine* dan sebagainya, kita tak boleh bina ban. Kalau Pegawai Air Selangor tidak membuat *experiment* sendiri.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Tuan Speaker, soalan adalah punca dari tanah so mungkin kita fokus kepada tanah bukan ban tu.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tanah, so kita pergi sana kita rawat apa tindakan susulannya. Saya dengan saya memang terharu dengan sokongan yang diberi oleh Menteri Alam Sekitar dan juga Timbalan Menteri Alam Sekitar semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar, Menteri Alam Sekitar turun padang pergi ke tapak *Elit highway* 45.9 tidak memanggil media pun. Beliau nak lihat, beliau nak bau bahan pencemar yang masih ada atas tab tersebut maka saya memang terharu kerana sikap dan juga tanggungjawab *no* Menteri KPKT tidak ada. Saya terbaca, saya nak maklum dalam Dewan ini saya memang tersangat marah tersinggung apabila saya baca Menteri KPKT semalam dalam satu *web site* mengatakan bahawa Kerajaan Negeri yang buang bahan cemar tersebut ini adalah keterlaluan. Keterlaluan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Otak udang.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Keterlaluan. Tapi Menteri Alam Sekitar dengan timbalannya memang membantu. Dia membantu dia bawak pegawai semua. Jadi jangan sebut baldi. Semalam pun ada berita ada masalah besar di Pahang, jadi balik ke soalan Balakong tentang tindakan undang-undang perkara ini akan bincang oleh EXCO dan juga Pegawai Undang-Undang Negeri Selangor kalau ada tindakan kita bukan sekadar nak maklum dalam Dewan kita akan fail terus tapi kita perlu buat keputusan dulu kita siasat macam mana kita boleh membawa kes ini supaya pada akhirnya apa yang penting adalah tapak tersebut perlu di bersihkan. Tapak tersebut kalau tidak di bersih perlu dirawat serta-merta supaya tidak ada bahan pencemar boleh keluar selepas rawatan tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Saya agak keliru so adakah tanah itu Kerajaan Selangor yang *specific just for the* tanah. Punca pencemaran untuk yang *latest one* adalah tanah tercemar di Nilai. Adakah Kerajaan Negeri akan mengeluarkan tanah ini *insert of waiting* Negeri Sembilan sebab telah satu minggu kita tunggu dan ini adalah punca so adakah kita akan mengeluarkan dulu selepas kita *thinks of other later on*. Spesifik sahaja ini sahaja.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Yang Berhormat Damansara Utama, kita bertindak secara waras maka kita rawat di beberapa tapak selepas tapak pencemaran itu, satu mengapa. Memang tidak bagus lah kalau wakil dari Kerajaan Negeri pergi korek tanah macam kalau kita tangkap korek pasir pun kita akan ambil tindakan tapi perkara ini telah dibawa untuk perhatian Menteri Alam Sekitar dan juga Timbalan Menteri Alam Sekitar semua pegawai di JAS Putrajaya dan kita mengharapkan mereka memberi arahan kepada Pihak PLUS dan juga Kerajaan Negeri Sembilan untuk membersihkan, mengorek ataupun merawat kalau tidak boleh mengorek rawat tapak tersebut. Apa kita telah buat untuk mengurangkan kesan *for bromodiphenyl* itu adalah meletakkan *Actip, ok I am not chemist* untuk mengurangkan kesan tersebut kita letak di beberapa kawasan selepas tanah tersebut supaya kalau air dan sebagainya mengalir kawasan tersebut boleh melalui sistem sebagai contohnya dekat Nilai RnR Utara dan Selatan ianya dapat mengurangkan kesan tersebut. *So we were doing remedies* tetapi untuk menyelesaikan masalah pokoknya ini harus diambil tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri Sembilan.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima Tuan Speaker, memandangkan kes yang kedua dan ketiga berlaku di luar Selangor jadi bagaimana kita dapat memastikan pencemaran seperti macam ini tidak berlaku lagi yang masuk ke Selangor.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Kalau kita ada beberapa *point, point-point* di mana air daripada negeri lain masuk bukan sahaja di Nilai bukan sahaja di Sungai Semantan, Negeri Pahang tetapi juga dari Negeri Perak masuk ke Sungai Bernam ada beberapa kali kita terpaksa menangani isu dekat sana dan juga Sungai Beranang dekat Negeri Sembilan. Untuk satu penyelesaian yang menyeluruh kita daripada Negeri Selangor memang sukar untuk mengawal semua ini maka adalah penting untuk ini yang kita cuba lakukan minggu lepas mesyuarat bersama dengan Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar adalah satu langkah yang penting kerana tidak pernah ini tidak pernah berlaku di mana kita dengan Pihak Kementerian akan melihat masalah ini secara keseluruhannya dan saya rasa masa



itu kita berbincang sebagai wakil Kerajaan Negeri tetapi isu ini bukan sahaja di Negeri Selangor tetapi di negeri-negeri lain di mana mereka juga ada masalah tersebut jadi itu adalah langkah pertama. Keduanya kita perlu ada kerja sama yang lebih erat antara Negeri Selangor dan juga sebagai contohnya pegawai-pegawai teknikal ataupun agensi- agensi yang bertanggungjawab tentang pencemaran di sungai di negeri-negeri lain tanpa kerjasama mereka memang susah sebagai contohnya kalau saya kita nak masuk dekat Bentong, Pahang kita tunggu tiga hari akhirnya yang bawa kita masuk Air Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor adalah Pihak SPAN satu agensi kebangsaan jadi kita perlu tindakan yang lebih cepat kerjasama yang lebih erat dan sebagainya. Apa yang penting adalah langkah yang penting, yang paling penting yang pertama telah dibuat iaitu mesyuarat lepas itu kita ada tindakan bersama dan selepas itu kalau kita lihat semua boleh katakan semua kenyataan media oleh Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar memang sangat menggalakkan beliau telah menyatakan, satu ini bukan insiden ini adalah kes sabotaj ada unsur-unsur sabotaj oleh sebab itu beliau juga telah menyatakan bahawa mereka memerlukan bantu daripada pihak polis termasuk *special branch* untuk menyiasat kes-kes seperti telah berlaku pada satu bulan yang ini.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ** : Terima kasih puan speaker. Terima EXCO yang menjawab tadi . Saya rasa.

**TUAN SPEAKER** : Semua terus kepada soalan ya tiada cukup masa terus sahaja tanya soalan tambahan

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ** : Ok satu saya ingin pencerahan tadi tentang pencemaran bau pada 23 hari bulan 10 dan 28 hari bulan 10 di Sungai Buah dan terus bertindak. Saya rasa fakta ini tidak betul saya sendiri menghubungi Jabatan Alam Sekitar di daerah dan saya turun tarikhnya adalah daripada 28, September 29 September saya boleh *upload* dalam *facebook* saya so jadi maknanya tindakan ini kenapa lewat dan kenapa lewat memberi notis kepada pengguna.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Semenyih. Saya tidak salahkan Semenyih kerana Yang Berhormat Semenyih juga tertimpa dengan masalah ini tapi kalau Yang Berhormat Semenyih dengar betul-betul apa yang telah saya sebut pada awal jawapan saya, saya ada sebut ada tiga fasa . Satu akhir bulan September yang akhirnya kita dapat cari ataupun kenal pasti tapak tersebut di kampung Sungai Lalang mengapa kita mengambil masa yang lama. Satu, ini adalah tabiat ataupun SOP pencemar. Ia bukan sekali gus kosongkan bahan pencemar dia akan buat sedikit-sedikit so bayangkan kita perlu mencari satu jarum dalam kawasan sebesar Singapura ini adalah saiz lembangan Langat hampir lebih daripada 600

kilometer persegi Singapura 700 meter persegi. Jadi kita sempat buat siasatan melalui dengan izin *system of elimination* yang pertama kita pergi mana? Kilang. Ini biasa lah kita pergi kilang ada beberapa tapak perindustrian *tapi by process elimination* dengan izin kita dapat dikeluarkan daripada senarai itu dan akhirnya kita dapat mencari pencemar tersebut. Notis yang dikeluarkan ini adalah satu perkara di mana sebenarnya kita memberi notis serta-merta sebaik loji rawatan air ditutup notis juga akan diberi kepada sebagai contohnya Yang Berhormat-Berhormat di kawasan berkenaan satu sistem kecemasan akan di aktifkan di peringkat bekalan bukan pencemaran bekalan dan semua akan di aktifkanlah untuk mendapat air dan sebagainya tapi dari jawatankuasa kecemasan pencemaran air mentah objektif kita adalah untuk satu mengenal pasti tapak tersebut dua menyelesaikan ataupun menangani masalah tersebut supaya bahan pencemaran tidak keluar lagi dan ketiganya untuk tutup maaf untuk buka secepat mungkin loji rawatan air supaya pengguna-pengguna boleh dapat air yang bersih dan bukan air yang beracun.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan apa yang kita maklum balas adalah bahan-bahan kimia yang menyebabkan pencemaran jadi bahan-bahan kimia ini dia akan telah taburkan dengan jumlah yang begitu banyak bukan sedikit sahaja jadi sama ada Kerajaan Selangor ataupun Kerajaan Persekutuan yang mana menteri KeTTHA kaji dari mana bahan kimia ini disimpan ataupun dari mana *source* sumber bahan kimia kesemua ini yang menyebabkan pencemaran, terima kasih.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Teratai. Untuk dua daripada bahan kimia yang dikenal pasti iaitu *attil acidic* pada fasa pertama akhir bulan September dan juga *benzyl alcohol* yang dikenal pasti di Bentung, Pahang ia adalah bahan kimia yang bukan luar biasa agak boleh di cari bukan susah tetapi untuk bahan pencemar untuk fasa yang terkini iaitu *4-Bromodiphenyl ether* ini adalah satu bahan kimia yang agak luar biasa jadi betullah Teratai pihak polis dan juga pihak kementerian boleh dengan izin *narrow down* siapa *supplier* siapa yang mereka jual bahan kimia tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kimia *Bromo* ini telah di *band how do you say band?* Tidak dibenarkan dijual di banyak negara termasuk Amerika Syarikat.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat semua jam telah menunjukkan 11.30 pagi maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya dan sebelum Setiausaha Dewan memanggil agenda seterusnya saya ingin memaklumkan kehadiran Senator Negeri Selangor Yang Berhormat Muhammad Nur Manuty dan Yang Berhormat Chandra Mohan yang turut hadir dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim dan juga turut hadir pada pagi ini. Setiausaha Dewan silakan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan rang undang-undang perbekalan 2017 semua peringkat.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**TUAN SPEAKER** : Baiklah Kampung Tunku sambung perbahasan 15 minit.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : *Confucius* pernah berkata Tuan Speaker (*Bahasa Inggeris*) ini ialah apa yang sedang berlaku di Malaysia di samping saya menyeru Kerajaan Negeri menyediakan bantuan untuk kesihatan mental rakyat yang semakin tertekan. Saya amat berharap agar belanjawan ini memberi harapan kepada rakyat Malaysia yang sekarang hidup dalam kegelapan agar tidak putus asa dan terus menyokong Pakatan Harapan. Tahniah diucapkan kepada Ahli Parlimen Sungai Besar yang sekarang berada di dewan. Tetapi soalan saya tidakkah kamu berasa kurang selesa apabila bergambar bersama-sama *kleptocrat* terbesar negara semasa meraikan kemenangan. Sanggup kah kita melihat negara kita ditadbir oleh *kleptocrat* dan seterusnya menjunam menjadi sebuah negara yang gagal dengan sarat yang sarat dengan *kleptocmania*.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku 15 minit terus kepada Bajet Selangor.

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Ya Bajet saya akan masukkan. Jadi, tepuk dada tanya selera. Jawapannya tidak. Belanjawan, Tuan Speaker saya betulkan ya bukan bajet tapi belanjawan. Ini bahasa Malaysia bukan bahasa Malaysia yang dipinjam dari frasa Inggeris. Belanjawan Selangor 2017 harus kita huraikan kerana ianya bertujuan untuk menangani isu kesenjangan pendapatan sebagaimana yang di bawa oleh *Thomas Pickateer* melalui bukunya *Capital in the 21st Century*. Belanjawan Selangor juga menepati *Flaso John Rose* dalam bukunya *The Theory of Justice* yang meletakkan *distributive justice* sebagai tuntutan keadilan. Lebih penting lagi belanjawan ini meletakkan Kerajaan Selangor selangkah ke depan untuk merealisasikan hampir kesemua janji manifesto yang lepas. Pada tahun 2008 Tuan Speaker, hasil negeri semasa saya dan Tuan Speaker baru jadi Ahli Dewan Negeri hanya sekadar RM1.5 bilion sahaja. Tahun lepas ianya menjadi RM2.5 bilion. Rizab kerajaan 2008 hanya sekadar RM1.4 bilion, tahun lepas ia nya sudah meningkat ke RM3.2 bilion tapi saya juga ingin berpesanan tahun 2008 wang tunai kerajaan RM737,000,000.00 dan angka ini merosot ke RM234,000,000.00 tahun lepas. Walaupun sebahagian wang tunai ini telah dilaburkan tapi saya menggesa Eksekutif untuk memastikan simpanan tunai sentiasa cukup untuk belanja luar jangka. Bagaimanakah dengan perbelanjaan Persekutuan? Teruk. Persekutuan membentangkan belanjawan defisit 20 tahun berturut-turut, hutang negara 53% KDNK negara iaitu RM655 bilion ini belum lagi ditambah dengan hutang GLC, jaminan bon, 1MDB lagi. Tuan Speaker, Wawasan 2020 nampaknya semakin mencabar. Tahun 1990 an bila saya dan Puan Speaker masih lagi sekolah, belajar

sekolah menengah, kita tulis karangan Wawasan 2020. Kerajaan pertumbuhan ekonomi 8% setahun. Tapi tahu kah kita Ahli Dewan Yang Berhormat kita hanya sekadar bercakap tentang pertumbuhan ekonomi 4 hingga 5% sejak kebelakangan ini. Jauh dari tersasar daripada apa yang sepatutnya berlaku dan dijangkakan pada tahun 1990 an apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan. Pada awal Oktober ini Bank Dunia buat kali kedua untuk tahun yang sama menurunkan jangkaan pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tahun ini, tahun depan dan tahun 2018 sebanyak 0.2%. Alasannya ialah beberapa kelemahan ekonomi Malaysia yang *fundamental*. Antaranya kebergantungan ekonomi Malaysia yang terlalu banyak terhadap komoditi domestik *consumption* yang rendah akibat pelaksanaan GST, persepsi negatif para pelabur terhadap skandal 1MDB dan simpanan tunai dalam akaun peribadi Perdana Menteri. Ini ditambah perit lagi dengan kenaikan harga barang api dan penarikan balik subsidi minyak masak sekali gus melemahkan ekonomi Malaysia yang perlu bergantung kepada domestik *consumption*. Puan Speaker, Malaysia dan Selangor berpisah tiada, sementara kita meraikan belanjawan Selangor yang menyinar di akhir terowong. Kita harus beringat bahawa kejayaan Selangor bergantung kepada *survival* Malaysia. Kejayaan Malaysia memerlukan sumbangan daripada setiap negeri khususnya Selangor yang menyumbang KDNK tertinggi untuk Malaysia. Selangor tidak ada mata wang sendiri, hari ini kita pakai Ringgit Malaysia, kalau Ringgit Malaysia lemah, maka Selangor tidak akan ke mana. Belanjawan ini Puan Speaker, perlu di rai kerana ia nya memberi perlindungan yang lebih menyeluruh bukan sahaja kepada B40 tetapi M40. Sekiranya tidak kelas pertengahan akan semakin mengecil sehingga berlaku kesenjangan pendapatan di kalangan masyarakat. Mobiliti masyarakat akan berkurang dan akan wujudnya sebuah masyarakat yang berbentuk M ataupun *M Shape Society* seperti apa yang dicadangkan oleh pakar ekonomi Jepun *Kem Chi Omayi*. Oleh begitu penting untuk kita memastikan belanjawan Selangor 2017 menepati sasarannya. Berjaya atau gagal amat bergantung kepada jentera pelaksanaan. Tahun lepas Menteri Besar menyebut tentang *Es Anteh Accountability, Con Current Accountability, Expose Accountability*. Tidak ada makna kita menyebut tentang *Accountability* kalau projek sesuatu projek itu gagal disiapkan pada waktu yang ditetapkan. Walaupun kerajaan telah menambah perbelanjaan pembangunan tahun ini dan saya bercadang supaya semua Ketua Jabatan, PBT dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam projek infrastruktur supaya senaraikan semua projek yang lewat atau *behind schedule* dalam Mesyuarat MMKN yang akan datang. Begitu juga dengan kos dan masa yang diperlukan untuk menyiapkan projek berkenaan. Puan Speaker, saya tidak akan terkejut kalau sekiranya ada projek yang tertunggak bukan setakat berbulan-bulan tetapi bertahun-tahun. Ini akan menjejaskan keyakinan orang ramai. Sememangnya rancangan awal diperlukan. Kita memerlukan rancangan yang awal, yang rapi, pemilihan kontraktor yang telus, pemantauan yang berterusan serta penguatkuasaan yang efektif. Justeru itu saya memohon Dato' Menteri Besar untuk menghapuskan mitos penjawat awam sebagaimana yang disebut pada 17 September dengan mengambil tindakan disiplin terhadap mereka yang gagal menjalankan tugas ini ibarat *carrot and stick* di mana

kerajaan memberikan cukupnya yang cukup bagus untuk mereka yang menjalankan tugas dengan jujur, dengan rajin tapi pada masa yang sama mengambil tindakan dengan tegas dan disiplin terhadap mereka yang gagal, terhadap mereka yang cuai. Puan Speaker, penstrukturan semula industri air perlu dipercepatkan tanpa mengabaikan kepentingan rakyat. Saya ambil maklum bahawa rundingan dengan *SPLASH* masih diteruskan kerana isu utama masih lagi berkisar kepada harga pengambilan yang paling munasabah. Berita terbaru bahawa ini akan diserahkan kepada pihak juru nilai ataupun *arbitrator* untuk menentukan harga yang paling munasabah. Apa pun sekali saya menggesa supaya kerajaan tidak terjerat dengan mitos *neo niperonisme* yang terlalu memuja penswastaan. Puan Speaker, saya merujuk kepada buku *The Water Business Corporations Versus People* tulisan *Anne Christine Sloraner Holand* yang menyatakan bahawa penswastaan dan pengkorporatan selalunya akan mengakibatkan industri perkhidmatan air bertukar menjadi satu perniagaan yang berasaskan keuntungan di mana perkhidmatan di kawasan orang miskin akan dilalaikan kerana tidak ada keuntungan besar sekiranya syarikat swasta menghadapi masalah mereka akan memerlukan campur tangan. Air akan dianggap sebagai satu komoditi dan akhirnya janji bahawa syarikat swasta akan melabur, dia tidak akan berlaku kerana dia tidak akan menggunakan wang sendiri tetapi mereka lebih berminat untuk meminjam daripada bank dengan menggunakan jaminan kerajaan melalui faedah yang rendah, ini ialah apa yang berlaku di Selangor sebelum tahun 2008. Kita perlu menghentikan perkara-perkara ini. Ini adalah sesuatu yang kita perlu lakukan untuk melakukan pembaharuan. Kita perlu memastikan bahawa aset dan juga infrastruktur yang diperlukan di Selangor ini digunakan untuk kepentingan rakyat. Kita harus mengambil iktibar daripada pengajaran dahulu dan meletakkan air Selangor kini di landasan yang betul. Rakyat Selangor perlu pada muktamadnya menjadi pemilik terbesar syarikat ini. Oleh itu saya menggesa kerajaan menetapkan sesudah siapnya rundingan dengan *SPLASH* nanti janji manifesto untuk memberikan saham air kepada rakyat Selangor dalam apa jua bentuk perlu dilaksanakan. Puan Speaker, industri air juga berkaitan rapat dengan iklim pelaburan di Malaysia. Terkini *Top Glove* di Malaysia di Selangor kalau saya tidak silap ibu pejabatnya di Subang Jaya sudah menyatakan hasrat untuk berpindah ke Thailand. Salah satu sebab ialah bekalan air yang tidak cukup. Ini belum dikira dengan iklim pelaburan sedunia yang semakin mencabar, kemerosotan ekonomi di China, susut nilai mata wang dan kesan-kesan sampingan Bracksit terhadap pelabur UK di Malaysia. Puan Speaker, saya mengesyorkan kerajaan menubuhkan sebuah pasukan khas untuk meneliti keadaan sebenar pasca *Brexit*. Ini saya baru dapat daripada Pejabat Puan Speaker The Parliament of Commonwealth di terbit oleh CPA (*Commonwealth Trade and The Implication of Brexit*) saya memohon Eksekutif baca edisi terkini. Kesan *Brexit* perlu kita kaji, ini telah dilakukan oleh banyak negara seperti Kanada, seperti Australia untuk dia orang meneropong sebarang peluang perniagaan pasca *Brexit*. Sebagai contoh banyak bank yang berpusat di London dipercayai akan beralih ke New York dan *Brexit* nampaknya memberi khidmat kepada New York. Adakah *Brexit* akan mengukuhkan kedudukan Malaysia dengan United Kingdom sebagai rakan perdagangan yang

rapat dalam dunia *commonwealth*, mampu kah Malaysia khususnya Selangor menarik lebih ramai lebih banyak lagi pelaburan daripada United Kingdom dan ini adalah satu soalan yang perlu dijawab oleh pasukan ini khususnya dan am nya oleh Eksekutif. Saya pasti ini akan mempertingkatkan keupayaan Selangor untuk menjana pelaburan semula syarikat-syarikat di Selangor. Ini kalau berlaku bermakna pelabur mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kerajaan Pakatan Harapan yang berasaskan prinsip tata kelola yang baik, ketelusan dan bertanggungjawab. Untuk itu saya juga memohon agar eksekutif membentangkan statistik pelaburan terkini. Puan Speaker, kita tidak lupa tahun lepas Dato' Menteri Besar menyebut tentang *Internet of things*. Untuk tahun ini juga ada disebut tentang *big data analytic* yang dikatakan boleh membantu mempermudah kan urusan Kerajaan Negeri. Adakah kerajaan bercadang untuk menerapkan IOT ataupun *Internt of things* dalam pengurusan dana dan perlindungan sumber air di Selangor saya memohon jawapan. Untuk makluman dewan ini IOT tidak hanya terkongkong dengan pembangunan *Mobile Apps* sahaja. Ia nya lebih luas daripada itu, CEO *General Electrics Jeffrery Imeth*, dia pernah berkata *if you work today* dengan izin in a *manufacturing plant, tomorrow this plant on this factory will become a software company. A data analysis company*. Maksudnya kilang ini akan bertukar menjadi sebuah kilang sebuah syarikat perisian yang berfungsi untuk menganalisa data. *Role Royce* adalah satu contoh, kita boleh baca buku ini (*Bahasa Cina*) *industry 4.0*, persaingan 58 saat. IOT melingkungi industri 4.0 di mana penghasilan dan penganalisaan data dalam sektor perkilangan untuk menghasilkan produk bagi memenuhi keperluan pasaran yang semakin berubah dewasa ini. Jika Selangor dapat menggunakan hubungan rapatnya dengan pelabur dari Amerika Syarikat, Jepun, UK, Jerman mahupun Taiwan, sumbangan sektor pembuatan terhadap GDP Selangor akan berkembang. Puan Speaker, Laporan Ketua Audit Negara pernah menegur Kerajaan Selangor dahulu bahawa dividen anak Selangor tidak diterima oleh Kerajaan Negeri sebahagian daripada anak syarikat Selangor menyumbang kepada Kerajaan Negeri dengan menaja terus program-program kerajaan prihatin dan bukan melalui pembayaran dividen kepada Kerajaan Negeri. Maka dengan teguran ini saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan Selangor meneliti semula pembayaran dividen dan sumbangan oleh anak-anak Kerajaan dan saya bercadang agar dividen ini dimasukkan ke dalam hasil akaun disatukan dan kemudiannya di bayar diagih kepada MBI ataupun agensi-agensi tertentu melalui program-program MES dan sebagainya maka dengan ini perbelanjaan yang dibayar oleh akaun hasil disatukan boleh diaudit oleh PAC. Puan Speaker, saban hari kita disuapkan dengan berita kemalangan di tapak pembinaan rentetan daripada peristiwa di Jalan Raja...

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku, tolong rumuskan satu minit terakhir.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Ya rumuskan, Kerajaan Pulau Pinang telah menyenaraikan hitam kontraktor yang terlibat sebagai sebuah syarikat *smart* sebuah kerajaan *smart* yang peduli, kerajaan perlu membela mereka yang teraniaya oleh kontraktor ini. Statistik masih menunjuk bahawa sektor pembinaan menyumbang

angka kematian tertinggi. Maka saya memohon kepada Kerajaan dan PBT agar menetapkan dasar toleransi sifar terhadap kemalangan maut di sektor pembinaan dan menyenaraikan syarikat ini iaitu syarikat *Beijing Urban Construction Group (BU CG)*. *We have to send a clear message to this contractor, this government a very clear and message to the industry player* Puan Speaker, *you ignore occupational safety and health rules at your own parrels*. Ini dilakukan oleh Kerajaan Pulau Pinang, saya memohon Selangor ikut dan kita tegas dalam prinsip ini. Puan Speaker, isu tanah tunggakan hasil tanah.

**TUAN SPEAKER** : *Kampung Tunku, I also have to send a very strong notice to you that the times is up.*

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : *I know but*

**TUAN SPEAKER** : *Last sentence please.*

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Bahawa ucapan saya ini saya siap pukul 5.30 pagi semalam. Saya mohon belas kasihan daripada speaker untuk menghabis...

**TUAN SPEAKER** : Rumuskan satu minit, ada ramai lagi yang nak bahas.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Dua muka surat terakhir, saya mohon belas kasihan.

**TUAN SPEAKER** : Saya tak benarkan Kampung Tungku....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Isu tunggakan hasil tanah..

**TUAN SPEAKER** : Satu minit terakhir Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Yang masih belum dikutip setakat Jun 2016 yang mencecah Dato' Menteri Besar 388 juta ringgit oleh kesemua 9 daerah di Selangor ini. Tunggakannya sampai berpuluh-puluh tahun, bukan satu, bukan dua tahun. Saya mohon Dato' Menteri Besar ambil tindakan cepat untuk membersihkan tunggakan ini sekiranya penunggak tegar ini masih degil kita rampas tanah mereka kerana tidak adil. Bagi saya atau ramai lagi yang bayar tepat pada waktunya tetapi ada lagi syarikat-syarikat yang menunggak bayaran mereka sampai berpuluh-puluh tahun. Harga rumah...

**TUAN SPEAKER** : Baiklah Kampung Tunku

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Satu minit lagi Puan Speaker, harga rumah di Selangor. Saya memohon..

**TUAN SPEAKER** : Tadi pergi mukadimah panjang sangat semua tempat. Satu minit cepat Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tak apa-tak apa. Saya memohon supaya Kerajaan memberi statistik tentang pembinaan rumah Selangorku di Malaysia. Semalam kita dapat dakwaan daripada menteri bahawa harga rumah di Selangor sangat mahal kerana premium, kerana *charge* pembangunan. Saya bertanya berapa banyak rumah PRIMA yang dibina di Selangor? Masih banyak lagi yang di bawah status cabutan undi lagi. Tetapi setahu saya, saya ingin memohon jawapan yang lebih terperinci daripada EXCO. Adakah benar 15,000 rumah telah pun dibina rumah pada tahun lepas Rumah Selangorku pada tahun lepas, kalau ini benar maka ternyata bahawa Selangor ini jujur dan bekerja keras. Puan Speaker, pelancongan, isu pelancongan, banyak lagi.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah ADN seterusnya, Kajang.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya mohon Kajang tapi kalau ada soalan tambahan saya boleh tanya ya.

**TUAN SPEAKER** : Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih Puan Speaker. *Assalamualaikum*, salam sejahtera. *Alhamdulillah Rabbil Alamin Wa Billahif Thoin*. Terima kasihlah kerana memberikan peluang saya dan potong sikit Kampung Tunku, nanti Kampung Tunku memang panjang sikit kejap lagi nanti bolehlah celah-celah mungkin ya, *Insyah-Allah*. Saya nak katakan bahawa prestasi Kerajaan cemerlang Kerajaan Selangor boleh dinilai dengan unjuran ketumbuhan KDNK 2017 pada kadar 5%- 5.5% berbanding unjuran Malaysia secara keseluruhannya di Kerajaan Persekutuan pada kadar 4.0-4.6% sahaja. Selain itu Negeri Selangor kekal penyumbang terbesar kepada KDNK benar sebenarnya *real* GDP negara bagi tahun 2015 mewakili 22.6% atau setara dengan 240 bilion yakni melebihi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menyumbang 15.1%, ini menjadi penanda aras hakiki pencapaian Negeri Selangor memandangkan geran dan terimaan lain terhad daripada Kerajaan Persekutuan berbanding dengan Kuala Lumpur yang sememangnya menerima sumber serta perhatian pembangunan yang amat tinggi jadi pencapaian pelaburan domestik setakat Jun 2016 sebanyak 3.04 bilion ini melalui 130 projek diluluskan seperti yang dilaporkan oleh *Malaysia Investment Development Authority* (MIDA) terus menjadi bukti bahawa bukan sahaja kemampuan dan kredibiliti Kerajaan Negeri menarik pelabur malah keyakinan para pelabur terhadap sistem pentadbiran Negeri Selangor itu sendiri. Jadi jumlah rizab negeri setakat 14 Oktober 2016 adalah...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan, terima kasih.



**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Kejap ada satu lagi *sentence* ini, rizab kita 3.62 bilion terus mencerminkan pengurusan fiskal dan kewangan yang cekap, berkesan lagi produktif. Ya Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Yang Berhormat Kajang. Saya tertarik dengan kenyataan berkenaan dengan Kuala Lumpur dan saya ingin bertanya kalau kita melihat Buku Bajet Selangor menerima terimaan daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kepala 82383, 82386 untuk Wilayah Persekutuan, KL dan Putrajaya berjumlah RM25.8 juta dan saya ingin bercadang kepada Yang Berhormat adakah bersetuju atau tidak supaya Kerajaan Selangor membincang semula ataupun merasionalisasikan kedua-dua perjanjian penyerahan yang ditandatangani pada tahun 1974 dan 1999 lantikan Kerajaan Persekutuan supaya kiranya boleh setelah Kuala Lumpur dipulangkan kepada Selangor supaya rakyat dan warga kota di Kuala Lumpur ini dapat menerima nikmat daripada Kerajaan Selangor.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Kampung Tunku, saya ingat itu dasar yang panjang dan saya akan masuk lagi dalam satu lagi cara untuk mendapatkan rizab untuk Negeri Selangor. Saya nak kata kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekali lagi telah membentangkan satu belanjawan yang berhemah dan *inclusive*. Jadi ciri berhemah pada Belanjawan 2017 yang berjumlah RM3.45 bilion adalah terletak pada nisbah pecahan antara perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan masing-masing pada 47.8%, 52.2% yang amat ketara beza dan nisbah kalau Kerajaan Persekutuan 82.4% untuk pengurusan dan 17.6% sahaja adalah untuk pembangunan. Ini bukti kepada rakyat betapa jauh bezanya pendekatan serta falsafah pengurusan *fiskal* dan kewangan antara Kerajaan Selangor dan Kerajaan Persekutuan. Jadi saya tak faham kenapa ADUN BN terutamanya UMNO mempersoalkan mengapa peruntukan 52.2% ini dia soalkan dalam Belanjawan Negeri. Inilah patutnya menjadi sasaran kita sebab Selangor adalah Negeri yang sedang membangun dan kita bandingkan pula dengan Kerajaan Pusat bagi 2017 hanya memperuntukkan 17% sahaja. 17.4% untuk perbelanjaan pembangunan manakala nak mengurus sampai 82.6% untuk mengurus. Jadi kemampuan dan kejayaan Negeri Selangor menukar unjuran defisit 630 juta ini kepada lebihan atau surplus RM351.8 juta pada 2015 sekali lagi membuktikan ciri-ciri berhemah, cekap dan berkesan, bukan nak puji Bukit Antarabangsa tetapi ini betul, fakta. Kalau dibandingkan dengan Belanjawan Kerajaan Persekutuan yang bukan sahaja defisit yang macam mana Kampung Tunku kata tiap-tiap tahun semenjak tahun 1998 malah hutang awam kian membengkak dengan beban fizikal yang mencengkam. Ciri inklusif ini dapat kita lihat dengan jaringan inisiatif dengan program yang seimbang dengan martabatkan golongan B40 dengan pelbagai skim khususnya Skim Peduli Sihat yang pengurusan menjamin kesihatan pada 250,000 isi rumah ataupun 1 juta rakyat Selangor membalas jasa bakti dan pengorbanan anggota keselamatan khususnya veteran Angkatan Tentera Malaysia yang bermastautin di Selangor, penubuhan Institut Wanita Budaya, *Early Education Programme* untuk kanak-kanak khas, Program Peduli Siswa, Smart Skim, Skim Smart Sewa, Pemilikan

Rumah Mampu Milik, Pengurusan Skim Air Percuma, Selangor Business School dan bermacam-macam lagi inisiatif serta ada yang baru yang bersifat *inclusive* lagi inovatif. Kita berpendapat peruntukan melalui Hijrah Selangor untuk kumpulan sasar Orang Kelainan Upaya dan ibu tunggal merupakan satu langkah yang bijak manakala program ceria menerusnya langkah menaikkan kos penyelenggaraan lif dan pengindahan rumah pangsa kos rendah daripada 25 kepada RM55 juta adalah tindakan yang harus dipuji khususnya untuk membantu golongan miskin dan sederhana. Bagi menghadapi krisis pencemaran air yang kita yang panjang lebar yang agak kritikal pada ketika ini, saya ingin mencadangkan agar peruntukan RM2 juta daripada Lembaga Urus Air Selangor itu LUAS dinaikkan kepada kadar yang bersesuaian dengan kerja-kerja kecemasan dan di luar jangka yang terpaksa mereka lakukan. Masalah ini kompleks memandangkan pencemaran air bukan daripada Selangor sendiri tetapi daripada Sungai Pahang, Negeri Sembilan yang telah diberitahu tadi jadi yang saya tengok Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri ambil inisiatif turun ke padang tetapi pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar datang lambat jadi kita nak tanyalah kenapa ada kelewatan apabila Menteri Besar sendiri turun, kita nak dapatkan supaya kita nak menyelesaikan masalah, ya Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Kajang kerana memberi laluan kepada saya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kajang berkenaan dengan Menteri Besar turun padang, JAS lambat turun padang tetapi sebenarnya LUAS itu kuasanya luas. Apakah LUAS tidak boleh mengambil tindakan semasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar turun padang boleh mengambil tindakan serta-merta sebab kuasanya Akta 1999..

**TUAN SPEAKER** : Dengkil, soalan ini kena bangkitkan kepada EXCO bukan Kajang kerana Kajang bukan EXCO.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Apakah pandangan Kajang berkenaan hal ini, jangan menyalahkan Jabatan Alam Sekitar sahaja, silakan.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih, saya mendengar pandangan itu tapi saya rasa bahawa apa yang saya dengan saya tanya juga Yang Berhormat kalau kita ambil sampel daripada negeri, itu tidak dikira oleh mahkamah, yang dia hanya diiktiraf hanya daripada JAS jadi ini mempunyai kekangan daripada macam mana kita hendak tangani masalah. Janganlah cemuh, air percuma kita hendak mencemuh buat apa. Kita merasai kebaikan bersama air percuma dah lama dah yang kena ini adalah pencemaran yang kita sama-sama tangani kita mensyukuri apa yang kita dapat kebaikan bersama sepatutnya memberi tapi saya tak ada masa, minta maaf ya.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Kajang mencelah sikit.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Maaf ya saya cakap terlalu laju dan saya nak habiskan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Macam tak faham. Sikitlah.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Minta maaf ya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Bagus soalan Kajang ini boleh dilantik EXCO.

**TUAN SPEAKER** : Teruskan Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya berasa *cool down* sikit. Saya mewakili DUN Kajang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi tumpuan khusus kepada isu banjir dengan peningkatan 68.7% bagi peruntukan penyelenggaraan aliran dan tebatan banjir di mana Kajang dijangkakan akan menjadi utama. Kini Sungai Jeluh telah dilebarkan, kolam takungan di kawasan Penjara Kajang pun sudah dalam proses penyelenggaraan dan menjelang bulan Disember ini *Insyah-Allah* saya difahamkan jambatan jalan bukit akan dinaiktarafkan.

Kita juga mengatakan bahawa aplikasi WAZE untuk melaporkan mana-mana lokasi jalan berlubang juga akan kami perhebatkan di Kajang secara meluas *Insyah-Allah*. Jadi pembinaan terima kasihlah pembinaan dewan bankuet di Taman Bukit Mahkota Kajang akan menambahkan lagi prasarana modal *sosial capital* dengan izin lebih-lebih lagi dengan kerjasama PINTAR antara PBT dan pihak swasta yang disarankan Kerajaan Negeri. Saya pasti pembinaan pasar rakyat bakal pemangkin penjanaan aktiviti ekonomi di semua peringkat. Di Kajang seperti yang dirancang justeru itu saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri mengkajilah kesesuaian untuk menaiktaraf atau penempatan semula Pasar Kajang. Memang Pasar Kajang itu ada tarikan di *center* ada semua itu tetapi saya kira taklah berapa sesuai lokasinya kerana sekarang Kajang dah membesar dan mengembang jadi kalau boleh kita fikirkan bagaimanakah cara-cara untuk membaiki keadaan. Saya juga ingin mencadangkan agar pihak Kerajaan Negeri menerusi PBT dan Pejabat Daerah untuk meneliti semula dewan-dewan untuk kegunaan orang ramai bukan sahaja di Kajang saya ingat di seluruh Selangor di mana harus diperbaiki dan yang mana harus dibina untuk keperluan masyarakat setempat kerana kita lebih-lebih lagi Yang Berhormat Speaker, Timbalan Speaker sebab apabila kita mengambil iktibar dari tragedi yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah yang saya kira bangunan yang lama kita mesti buat audit bukan sahaja kebakaran tetapi juga audit keselamatan. Ini penting kerana banyak bangunan-bangunan kita kalau kira dengan *maintenance* nya tidaklah seberapa dan mungkin kalau boleh kita boleh fikirkan bagaimana untuk membuat supaya keselamatan awam dapat dijaga dan dijamin *Insyah-Allah*. Seperti yang dimaklumkan sebanyak 81.7% dari anggaran hasil dari keseluruhan bernilai

RM2.55 bilion bagi 2017 bakal datang dari sumber berkaitan urusan tanah. Walaupun ia kita akui terdapat usaha baru untuk mempelbagaikan hasil menerusi Program Pembangunan Smart Selangor dan yang tadi yang Kampung Tunku sebut *Internet of Things* dan bermacam-macam lagi dan kita juga nakkan pembangunan Sungai Klang sebagai nadi ekonomi baru untuk Negeri Selangor. Jangan sahaja kalau kita dapat hasil berkaitan urusan tanah dalam jangka masa pendek tetapi kalau kita membina dan membangunkan ekonomi Selangor itu dalam jangka masa panjang. Meskipun Negeri Selangor, ini saya sampaikan kepada boleh di luar juga dengar Kerajaan Persekutuan. Negeri Selangor saya ulangi penyumbang tertinggi kepada KDNK Malaysia namun Selangor hanya menerima daripada Kerajaan Persekutuan *capitation grant* yang berjumlah RM64.28 juta sahaja yang setara bersamaan dengan yang kita di Selangor ini mendapat RM11.47 sahaja.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Speaker, meminta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kajang bagi ke. Ok Kajang bagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Datuk Seri Kajang. Adakah ini satu fenomena *kleptomaniac* yang semakin melanda Malaysia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Terima kasih ya, saya ingat istilah-istilah itu kleptomania itu adalah satu istilah saya baru dengar apabila *Department of Justice* telah mengeluarkan dulu. Jadi saya ingat adalah untuk MO1 jawab ya, siapa MO1 mestilah jawab ya. Jadi memandangkan begitu maka sudah tiba masanya satu usul untuk menambahkan sumber kewangan negeri melalui pemerkasaan hak Kewangan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dalam Majlis Kewangan Negara dicadangkan di dewan ini kepada Kerajaan Persekutuan. Kita tengok kalau ada Pegawai Kewangan Negeri dan Pegawai Undang-Undang mengenai Hak Kewangan Negeri dan Hak Kerajaan Persekutuan dalam pemberian sebenar Hak Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri mengikut jenis dan maksud tanggungan-bekalan terdiri daripada 13 perkara jumlahnya RM808.16 juta setahun. Saya menggesa Kerajaan Negeri mencadangkan di Majlis Mesyuarat Kewangan Negara agar menaikkan jumlah pemberian mengikut bilangan orang *capitation grant* yang berjumlah RM64.28 setahun atau bersamaan dengan RM11.47 seorang kepada rakyat Selangor dinaikkan kepada RM200.00 seorang berdasarkan bilangan penduduk RM6.14 juta yang selanjutnya akan menjamin pemberian berjumlah RM1.23 bilion setahun kepada Kerajaan Negeri Selangor. Bayangkan impak ekonomi jika Selangor menerima hak ekonomi dan kewangan ini hak ya yang sewajarnya sebanyak RM1.23 bilion setahun jika ditambahkan dalam kepada unjuran perbelanjaan dalam Belanjawan 2017 sebanyak RM3.45 bilion ini belanjawan Negeri Selangor berpotensi membelanjakan sejumlah RM4.68 bilion yang sudah pasti akan merancakkan lagi pembangunan negeri serta meningkatkan

kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Dan dengan penambah RM1.23 bilion ini sudah tentu peruntukan akan lebih banyak untuk program inisiatif yang sedia ada seperti Skim Peduli Siswa, saya ulangkan yang sebelah sana itu ingat sikit ya Program Smart Sewa, Pembinaan dan Menaiktaraf Sekolah Rendah Agama Rakyat, Pengupayaan ACR, SJKC, SJKT, Program Asrama untuk Anak Pekerja Ladang, Program EIP anak-anak khas, Ujian Mamogram yang saya ingat Kerajaan Persekutuan sudah potong, Pengupayaan Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Pengecualian Cukai Taksiran Penduduk Luar Bandar serta C Lesen Perniagaan Peniaga Kecil serta berpuluh-puluh program lain yang menguntungkan rakyat Selangor kerana apa kerana ada pihak yang akan cuba mengaburkan mata dengan hujah bahawa Kerajaan Persekutuan ini tidak perlu meningkatkan lagi pemberian mengikut bilangan orang *capitation grant* ini sebab sudah diberikan sumber kewangan yang secara tidak langsung seperti pemberian untuk penyelenggaraan jalan MARRIS RM600 juta tetapi kutipan cukai jalan kenderaan *road tax* kita kena bayar, kutipan tol yang menunggu masa untuk dinaikkan tarafnya bagi jaringan lebuh raya yang diswastakan seperti SILK Duke, MAX LATAR, LEKAS, LKSA, Grand Saga, LDP yang melingkari sebahagian atau sepenuh Negeri Selangor di samping kutipan hasil petroleum dan gas ke atas rakyat Negeri Selangor di mana-mana hari ini dan harga runcit di semua stesen minyak sudah naik, di seluruh negara sudah dinaikkan RM0.15 sen seliter bagi petrol dan diesel walhal harga minyak dunia dalam trend menurun dan kita pengeluar minyak, *how to explain it?*, kita yang pengeluar ..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : *Can I explain this?*

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Tak payah, tak payah *you* bukan menteri, tak payah terima kasih fasal apa hutang banyak. Saya pun tahu hutang negara banyak sebab itu dia kena ambil daripada jadi lebih memadai untuk Selangor berhak menerima MARRIS, *its our right*. Jadi malah jumlah RM1.23 bilion ini hanyalah RM1.23 bilion hanyalah 0.51 % sahaja daripada sumbangan RM240 bilion yang Selangor bagi kepada KDNK negara, ini bukan lagi hadiah tetapi hak ekonomi dan hak kewangan rakyat Selangor yang sudah sekian lama bekerja keras menyumbang kepada konsep persekutuan dan *federalism* yang kekal utuh. Bukan sahaja rakyat Selangor banyak menyumbang pendapatan berasaskan cukai dan KDNK negara malah mereka juga turut dipaksa menanggung beban hutang. Hutang Kerajaan Persekutuan berjumlah RM655.7 bilion setakat Jun 2016 dan ini tidak termasuk hutang 1MDB yang sekitar RM50 bilion yang disifatkan oleh Perdana Menteri dalam jawapan bertulis di Parlimen sebagai bukan hutang Kerajaan Persekutuan dan *Liability Contingent* Jaminan Kerajaan Persekutuan hampir dia kata bukan hutang tetapi dia ada *Liability Contingent* Jaminan Kerajaan hampir 180 bilion, jika ini bukan silap mata atau wayang kulit yang dikatakan bajet kita wayang kulit dan bukan ini pun wayang kulit? Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini juga mengucapkan terima kasih kepada keprihatinan Kerajaan Negeri yang turut memberikan peruntukan kepada wakil-wakil rakyat pembangkang di negeri ini Selangor Darul Ehsan. Sikap ini langsung tidak sama tiru-tiru tidak sama.. tidak

sama.. saya dok jadi macam Sekinchan, tak sama. *Astagfirullahalazim*. Ia tak sama tak ditiru sama-sama sebab sekarang ini kalau dibandingkan dengan Persekutuan, Belanjawan Persekutuan, kami wakil rakyat di dalam Parlimen tidak diberikan apa-apa peruntukan. Tidak ada diberi apa-apa.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Mencelah.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Dan ....

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Mencelah.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : Kejaw Teratai, dan apa yang diberikan adalah melalui Ketua-ketua Bahagian UMNO. Ya Teratai.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Kajang. Saya ingin kepada Yang Berhormat Kajang apakah pendapat apabila wakil-wakil rakyat Barisan Nasional tidak menggunakan peruntukan yang telah diberikan kepada mereka kepada rakyat Selangor ini walhal mereka ambil gaji imbuhan elaun untuk sendiri, terima kasih.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL** : *You* tanya dia orang jawablah sendiri sebab kalau dah bagi itu kalau nak guna itu antara kita itu amanahlah. Amanah yang dipegang itu saya tidak mahu soal menyoallah jadi akhir kata, sebelum saya akhiri saya juga nak mengucapkan patutnya ini mulanya, tak sempat ya sebab saya Alhamdulillah tahun 2016 ini dihiasi dengan 3 peristiwa yang dirai bersama oleh rakyat Selangor Darul Ehsan terutamanya tahniah kepada Ke Bawah Duli Yang Sultan Selangor telah bersama Tengku Permaisuri Selangor Tengku Norashikin telah selamat diijabkabulkan. Kedua Pemasyhuran Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj sebagai Raja Muda Selangor yang mewarisi takhta di Selangor ini dan akhir kata saya mewakili Kajang mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Besar, Barisan EXCO dan Team Kerajaan Negeri kerana berjaya merangkakan satu Belanjawan Kerajaan Negeri yang bertemakan Membangun Bangsa Memakmurkan Negeri yang dapat dibanggakan seluruh rakyat Selangor Darul Ehsan. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang 20 minit.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD** : Bagilah peluang. *Bismillahir Rahmanir Rahim . Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Salam Sejahtera, Salam 1

Malaysia, Salam Sehati Sejiwa. Timbalan Speaker yang *handsome* dan baik hati. Izinkan saya ambil peluang dalam perbahasan ini di dalam Sidang DUN Selangor berkaitan bajet 2017. Akhirnya rakyat gembira Tuanku bertemu jodoh namun izinkan saya juga merakamkan kegembiraan rakyat atas Istiadat Menjunjung Duli Atas Pemasyhuran Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah. Sesungguhnya rakyat mengagumi istiadat dengan penuh rasa keterujaan menyaksikan kelangsungan Institusi Kesultanan Melayu. Saya juga merakamkan tahniah kepada Pasukan Bola sepak Selangor menjadi naib johan Piala Malaysia yang tidak disentuh di dalam Bajet 2017 sama ada hendak beri sedikit insentif atau pun tidak debaran penalti pada pagi Bajet itu benar-benar mengujakan harap-harap tiadalah menganggap bahawa kekalahan itu berpunca daripada sabotaj. Timbalan Speaker yang *handsome* lagi baik hati.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Masa tidak tambah ya.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Kerajaan punya pilihan untuk laksanakan bajet berimbang. Kerajaan punya pilihan untuk adakan bajet defisit. Tetapi berdasarkan naskhah teks ucapan ini, beberapa kali ternyata dalam perkara disebut tadi ialah pada kali ini bajet ini adalah bajet defisit sebanyak RM900 juta. Dan pada tahun 2016 disebut bajet itu bajet defisit RM630 juta. Kenapa saya bangkitkan perkara ini kerana Kerajaan Negeri punya pilihan. Apa pilihan yang Kerajaan Negeri ada. Dia boleh untuk mengesyorkan satu bajet berimbang dan sekiranya apabila bajet itu tidak mencukupi maka bajet tambahan bolehlah untuk dibangkitkan dalam sidang yang akan datang kerana apa, kerana ini adalah prinsip ketelusan. Tidak cukup, kita bahas, kita bincang di dalam Dewan yang mulia ini. Dan saya menekuni dalam perkara Fasa 14. Dalam Bajet ini, dalam bab senario ekonomi betapa Bukit Antarabangsa merumuskan adanya kegagalan Putrajaya menangani masalah struktur seperti hutang awam, keyakinan pelabur dan daya saing ekonomi Negara.

Saya akan bangkitkan perkara ini, saya akan kongsi beberapa data dalam Dewan Yang Mulia ini dan saya nak rujuk kembali fakta bahawa hutang kerajaan persekutuan pada akhir Jun 2016 ialah sebanyak RM655.7 bilion atau kalau dirujuk di sini adalah sebanyak 53.2% dari KDNK Negara. Dan kalau kita rujuk lagi beberapa dokumen seperti akta Kerajaan Tempatan 1959, Akta Pendanaan Kerajaan 1963, Akta Pelaburan Kerajaan 1983, 53.2% ini adalah di bawah 55% dan ini suatu kadar yang dibenarkan munasabah dan juga praktikal.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan tambahan, minta pencerahan, minta pencerahan

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Bagi saya sedikit intro, sedikit, saya akan bagi pulak, jangan bimbang. Saya akan bagi peluang...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Bila.....

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Bagi saya rumusan sedikit nanti saya bagi peluang.....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Bila....bila....bila....

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Janganlah ganggu, kalau nak minta masa lebih nanti akan dibenarkan....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Bila....bila....bila....satu minit ke dua minit ke...

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Tuan Speaker akhlak seperti ini tak cantik sangat lah .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Teruskan Sg. Panjang....

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Jika kita merujuk kepada keupayaan membayar hutang ia diukur pula dengan *rating* penerapan antarabangsa, agensi penerapan antarabangsa seperti *fix and moody*, *standard poor* memberikan *rating* yang setaraf dengan Negara maju seperti Jepun, Korea Selatan dan juga Taiwan. Atas alasan tersebut kegagalan Putrajaya menguruskan hutang gagal adalah tidak munasabah sama sekali dan ini pada saya merupakan satu tohmahan. Silakan, jangan bimbang saya berikan, silakan...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Y.B. Sungai Panjang. Saya ingin nak tanya kenyataan Y.B. tadi hanya bercakap tentang hutang awam kerajaan. Itu belum lagi ditambah dengan hutang anak syarikat, jaminan bon oleh anak-anak syarikat kerajaan. Saya ingin bertanya sekiranya syarikat-syarikat anak syarikat ini gagal untuk melangsaikan hutang mereka tepat pada waktunya adakah ini akan mendatangkan implikasi negatif terhadap kewangan negeri dalam Malaysia.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Ok, terima kasih. Ini fakta yang saya sediakan bagi menjawab soalan yang disebut. Oleh Bukit Antarabangsa mengenai kegagalan penstrukturan seperti hutang awam. Jadi saya sebutkan ini sebagai menjawab persoalan hutang awam. Kalau disebut nanti, saya tidak diberi pilihan, saya tidak diberi peluang. Duduk dulu. Saya akan pergi kepada Fasa yang kedua. Saya nak menjawab persoalan soal keyakinan para pelabur. Sila duduk.

**TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang tak bagi laluan Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya nak minta juga...

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Fasa ke-17.



**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kampung Tunku...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya nak minta juga

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kampung Tunku nak minta penjelasan

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Tiga kali dah sebut....lain macam perangai.....

**TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang bagi ke tak bagi

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Saya tak bagi

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tak bagi Kampung Tunku.....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya akan minta lagi kalau dia gak bagi

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Saya tak bagi....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya akan mintak dan ganggu kalau dia tak bagi....

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Saya tak bagi....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kampung Tunku duduk dulu Sg. Panjang sambung...

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Bagi la peluang kalau tak nak kita boleh buat debat awam. Saya nak rujuk lagi kepada para 17 berdasarkan statistik daripada MIDA Negeri Selangor mencatatkan jumlah pelaburan daripada 130 projek yang telah diluluskan. Saya nak kongsi beberapa fakta yang saya perolehi dari RM3.4 bilion, RM1.26 bilion adalah dari pelaburan asing dan RM1.78 bilion adalah dari pelaburan domestik. Daripada segi ini ternyata Selangor bukan menduduki ranking pertama. Ranking pertama kalau saya lihat di sini adalah Johor sebanyak RM5.12 bilion, Sarawak kemudian Pulau Pinang dan yang keempat Selangor. Dan pada saya kita jangan lupa ....nanti apa...kalau tak betul masa jadi EXCO jawablah, gulung masa jadi EXCO jangan sekarang, ini *floor* saya. Ini *floor* saya....ini *floor*.....mantan speaker nanti ketika jadi EXCO boleh jawab. Bagi tau kalau Sungai Panjang punya data tak betul boleh jawab. Kalau tak betul nanti boleh ahli....rakan-rakan ADN yang lain .....nanti masa jadi EXCO jawablah. Kalau tak betul .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang teruskan, Sungai Panjang masa berlalu, teruskan...

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Celahan-celahan daripada mantan-mantan ni payah ni. Bercakap daripada tempat.....saya tak bagi peluang.....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Peraturan tetap 30.66, duduk dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang duduk dulu

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Dia masih ingat dia speaker

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. duduk dulu, Peraturan Tetap, duduk dulu, sila YB Sungai Pinang..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tidak boleh mengeluarkan terhadap saya kerana dia kata mantan speaker nak mencelah. Saya tidak mencelah tadi, langsung tidak. Jadi saya minta dia tarik balik.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Dia tak mencelah tapi dia bercakap daripada kerusi, dia macam langau, dia hu...hu...hu....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang teruskan ucapan sebelum saya, Sungai Panjang teruskan ucapan...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Dia mengaku saya tak mencelah tadi. Pembohong ni .....

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Dah dia tuduh saya pembohong pulak...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Dia mengaku, dia mengaku saya tak mencelah, tadi kata mencelah, sekarang kata taka da, pembohong lah tadi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Panjang nak teruskan ataupun tidak

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Saya nak teruskan tapi banyak langau

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ok teruskan. Teruskan....

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Ok, saya melihat ini sebagai bagaimana saya menyanggah hujahan Bukit Antarabangsa yang disebut kegagalan Putrajaya menangani isu keyakinan para pelabur. Dan kita jangan lupa kerajaan ini...

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Saya akan bagi peluang....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kota Anggerik minta

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Saya akan bagi peluang....bagi saya habiskan dulu ayat ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kota Anggerik duduk dulu. Kejang lagi kita bagi

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Kita jangan lupa kerajaan ini mengambil alih daripada 2008. Dan sebelum 2008 itu KLIA sudah ada. Sebelum 2008 itu pelabuhan sudah ada. Jadi ini semua dari segi infrastruktur meningkatkan keyakinan para pelabur. Silakan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Y.B. Sungai Panjang, adakah Y.B. sedar bahawa daya saing Malaysia untuk menarik pelabur-pelabur asing tertinggal berbanding dengan negara-negara Asean yang lain. Bahkan Vietnam, Indonesia telah jauh dari kita dalam usaha menarik pelabur.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Ok, saya akan jawab hujah ini sebagai sebab tiga perkara disebut oleh Bukit Antarabangsa tadi. 1) Hutang Awam. Saya sudah jawab. Yang kedua, keyakinan pelabur. Saya sudah jawab. Dan yang ketiga saya akan jawab soal daya saing Ekonomi Negara. Sebab ada 3 perkara yang disebut. Baiklah, saya nak jawab ini berdasarkan apa yang disebut oleh di dalam World Economic Forum 2016. World Economic Forum sebut Malaysia sekarang ini di tangga ke 25 terbaik menerusi *The Global Competitiveness Index* tetapi ini sebenarnya menurun. Yang dahulu kita pada tangga ke-18 sekarang ini pada tangga 25. Ok, saya akan bantahkannya fakta dulu. Ini bukan persepsi-persepsi buruk, ini fakta yang ada. Ok, ada beberapa teras Malaysia unggul dalam kelompok 20 terbaik dunia. Yang pertama dalam *Good Market Efficiency* yang mana berada kedudukan 12 terbaik dunia. Dan ada teras lagi dalam *Financial Market Development* Malaysia kedudukan ke-13 terbaik di dunia.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker...saya mohon mencelah...

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Nanti dulu....saya habiskan bukti untuk menyanggah celahan tersebut. Untuk teras *business* ..... Malaysia berada pada kedudukan 20 terbaik dunia. Dilihat pada beberapa teras lain *Innovation, Infrastructure, Labour, Market Efficiency* dengan izin, *Institution*, kita berada pada kelompok 30 terbaik dunia. Dan Timbalan Speaker yang *handsome* dan baik hati saya nak sebutkan daripada 12 teras yang dihitung ini separuh daripadanya Malaysia berada pada kedudukan 30 terbaik. Yang ini satu pencapaian yang harus dibanggakan. Saya nak sebutkan perkara ini bersetuju dengan apa yang disebut

saya tidak ada masalah kalau kita mahu adakan debat terbuka daripada segi fakta ini tetapi pada saya Kerajaan memberilah fakta yang jangan separuh masak, yang mengelirukan yang akhirnya biarlah rakyat membuat keputusan membuat penilaian ke atas fakta. Silakan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : YB. Sungai Panjang adakah Y.B. sedar Malaysia terkenal sebagai *The Most Corrupted Country In The World* dan seluruh media dunia menggambarkan bahawa Perdana Menteri *is the most corrupted Prime Minister in the world*.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Ok, kita bercakap soal fakta dan kalau kita melihat kepada ini apa yang dilakukan oleh SPRM ok, tindakan penambahbaikan oleh SPRM haa.....tengok ini Sungai Pinang ni haa...apa...masalahnya dia *senior* kalau dia *junior* macam kita tak pa....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : *Continue...continue....teruskan...*

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Dia *senior*, kalau dia *senior* dia tak tunjukkan contoh yang baik. Kalau dia senior dia tunjukkanlah contoh yang baik.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tidak ada masalah *senior* dan junior, semua sama rata.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Ini persoalannya, ini persepsi yang dibangkitkan. Sebab itu saya nak sebutkan daripada peringkat awal di peringkat permulaan soal persepsi rasuah tadi. Adakah penambahbaikan tidak dibuat dan kalau kita tengok rentetan daripada 2 bulan kebelakangan ini begitu banyak kes-kes rasuah yang telah ditangkap, disiasat oleh pihak SPRM. Saya ada sikit....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Boleh mencelah Sg. Panjang, Permatang mintak.....

**Y.B. DATUK SULAIMAN ABDUL RAZAK** : Tadi Kota Anggerik cakap pasal rasuah. Setuju dekat Sungai Panjang bahawa satu contoh yang unik orang dituduh rasuah Ketua Menteri tapi tak letak jawatan. Dua tuduhan rasuah. Apa pandangan Y.B...

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI** : Dia kalau, saya nak bagi tau Permatang, mereka ni suka mengambil contoh-contoh berpilih. Kalau kena batang hidung sendiri dia lari mengelak. Tapi kalau kita hujan yang turun tu tak kena rintik-rintik hujan-hujan tu dah macam-macam dia tahu.....

**Y.B. DATUK SULAIMAN ABDUL RAZAK :** Saya jelaskan sikitlah Sungai Panjang, beliau jugak ialah Setiausaha Agung DAP yang diwakili oleh Parti kawan-kawan kat sana tu...

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Inilah kenyataan berpilih, inilah praktis berpilih yang mereka lakukan. Saya lihat dalam kes ketika...

**Y.B. DATUK SULAIMAN ABDUL RAZAK :** Sg. Panjang

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI :** Saya jawab dulu, saya jawab dulu ya. Ketika Dr. Khir Toyo pada ketika itu belum apa-apa sudah ramai desakan daripada mereka minta letak jawatan di DUN Sungai Panjang. Nasib baik yang ganti dia di Sg. Panjang itu rambutnya panjang dan boleh jugak untuk bertindak semacam itu. Jangan bimbang saya fikir Permatang ini praktisnya, ini praktisnya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Minta Penjelasan ya.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang, Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Saya nak minta satu perkara di dalam bajet ini disebut berkaitan dengan taman Malaysia - Jepun....

**TUAN SPEAKER :** Sungai Panjang, beri tak beri..?

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Saya tak beri. Saya tak beri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Bukankah ini tidak adil kepada ADUN Sungai Panjang yang lalu bahawa dia rasuah RM28 juta (perbalahan Kampung Tunku dan Sg. Panjang)

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku....

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI :** Duduk lah Kampung Tunku minta duduk dulu .

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Peraturan Tetap Tuan Speaker. Peraturan Tetap.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya nak tanya sahaja adalah.....

**TUAN SPEAKER :** Kampung Tunku minta duduk dulu. Dia tidak mencelah. Dia tanya-tanya sahaja. Daripada pagi pun dia tanya-tanya sahaja.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Itu untuk dapat jawapan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Peraturan tetap Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : 37(A), seorang tidak boleh mengganggu ucapan ahli yang sedang berucap. Minta kebenaran Speaker. Kalau tak benar, duduk. Hormatlah sikit. Dah dah duduk. Faham? Jangan macam tak bercakap tapi ngongeng-ngongeng-ngongeng macam langau.

**TUAN SPEAKER** : Ok. Sungai Panjang boleh teruskan. Tunggu sampai lampu kuning menyala *standby* untuk *landing*. Cuaca baik hari ini.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Oh ya. Cuaca baik ya.. Saya nak sebutkan perkara ini. Siapa dia, Paya Jaras sekejap lagi ya. Paya Jaras tunggu ya. Dalam bajet ini ada disebut tentang kita nak tubuh Taman Malaysia – Jepun. Sebenarnya di peringkat kerajaan Barisan Nasional kita dah terlalu lama membina hubungan dengan kerajaan Jepun. Dasar bukan Cina, China. Saya nak sebutkan semalam...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Dia juga guna perkataan Tiongkok.. bahasa Indonesia atau jawa.. Tiongkok.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Saya nak sebutkan perkara ini kerana apa di peringkat Barisan Nasional kan sudah lama kita bina hubungan ini. Kita ada dasar pandang ke Timur. Kita ada stesen, kita ada stadium masjid tanah. Sekinchan ni.. dan kita ada pula Program-program *bon odori* yang kita buat dengan sekian lama. Takkan lah dalam bajet yang sebegini besar untuk rakyat hubungan yang telah lama kita hanya nak membina sebuah taman persahabatan. Saya nak sebutkan isu tempatan.

**TUAN SPEAKER** : Lampu kuning ya Sungai Panjang saya bagi amaran lampu.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Isu tempatan, pertama mohon dilihat jalan FR yang menghubungkan Sungai Panjang dan Hulu Bernam. Ya. Betul ya. Di situ ada satu insiden kes adik Ecah yang putus kaki akibat kemalangan dengan lori. Saya minta tolong Kerajaan Negeri tolong tengok. Dan kemudian saya nak tengok, saya nak lihat juga di situ bahu jalan dengan jalannya sangat-sangat tinggi dan mengakibatkan risiko berlaku.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN** : Minta penjelasan. I minta-minta penjelasan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Yang kedua. Saya bersetuju dengan Sekinchan soal pengairan sawah padi. Ada beberapa tempat Pasir Panjang, Sungai Nibong, Simpang Lima, pengairan sawah padi ni acap kali ketika kadang-kadang ada

hujan, tak ada hujan mereka gagal untuk mengairi sawah padi mereka kerana struktur parit itu yang tidak bersesuaian. Yang ketiga, soal air pasang besar. Air pasang besar ni sama saja. Nada kita sama saja soalan air pasang besar ni. Cuma saya nak sebutkan air pasang besar ini kalau boleh lepasan banjir itu daripada....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : minta penjelasan sikit. Bukan air pasang besar fasal air di bendang tu. Air bendang boleh minta penjelasan sikit. Sebab dia setuju dengan Sekinchan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Panjang bagi tak Sekinchan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD** : Tak boleh bagi. Dah kuning.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Dah kuning ke? Alamak!

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD** : Dah kuning.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Alamak!! Eh merah!!! Alamak!! Apa nak buat...

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD** : Dah merah.. Tengok dah bersih. Akhirnya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak ada. Tak bagi ya tak bagi? Kalau boleh bagi la.. kalau boleh bagi la..

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD** : Ok . saya nak sebutkan ini. Daripada..... saya minta tolong tengok...

**TUAN SPEAKER** : Ayat terakhir ya ayat terakhir..

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD** : 30 saat yang terakhir.. Haa tengok ada bunyi langau lagi.. Saya nak bagi tahu tuan/puan dalam hal ini hanya ada satu perkara sahaja yang disebut berkaitan dengan DIG. Satu para dan saya rujuk bajet 2016 ada 13 para berkaitan DIG.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta penjelasan tadi. Sungai panjang.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya mohon minta penjelasan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHD** : Tak bagi. Tak ada masa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak bagi. Tak ada masa.. Haish pagi pun tak ada masa.

**TUAN SPEAKER** : Tak bagi Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Tak ada masa. Saya mohon perkara ini diberi penjelasan. Kerana dalam sidang dewan bulan Ogos 2015 bukan saya sahaja yang bising. Paya Jaras yang *corner* 360' itu pun sama bising. Akhirnya saya nak sebutkan bunga asli bunga tiruan...

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Saya minta penjelasan. Penjelasan.. hahaha

**TUAN SPEAKER** : Sungai panjang, Paya Jaras minta penjelasan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Ha? Paya Jaras saya bagi.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Haaa terima kasih. Isu DIG ni bila masa yang kita katakan Paya Jaras tidak bersetuju dengan DIG?

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Tengoklah *hansard* perbahasan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Ya betul tapi di mana kata Paya Jaras tidak bersetuju.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Ya, kalau saya boleh....

**TUAN SPEAKER** : Ok. Sungai panjang habiskan ayat.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Dia tidak bersetuju. Saya berani..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Berputar-putar..

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Haa ialah sama lah dengan mereka yang berputar-putar naik ke bulan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Tuan Timbalan Speaker, bila orang tanya bila... jawab masa berapa, pukul berapa, bulan berapa, hari berapa, tahun berapa. Jangan ambil minta orang tengok *hansard*, tengok sini, tengok sana itu tidak betul!

**TUAN SPEAKER** : Ok. Kalau macam tu, Sungai panjang habiskan. Nanti Yang Berhormat pancing lagi banyak. Habiskan.

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI** : Bunga asli, bunga tiruan.. bajet negeri, bajet persekutuan.. kedua-duanya tampak satu tujuan yang mana satu mencipta haruman. Dengan ini sungai panjang menolak bajet yang tidak harum ini. Terima kasih.



**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Timbalan Speaker.. Selat Kelang ni Timbalan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Terima kasih Speaker kerana memberi peluang kepada Damansara Utama untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan Negeri Selangor 2017 yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar pada hari Isnin.. Tuan Speaker perkara pertama yang saya ingin bangkitkan pada hari ini adalah tentang dengan isu dasar-dasar wanita. Sebab saya berasa bahawa belanjawan kali ini kita kurang menyentuh dasar-dasar ini. Saya berasa bahawa Kerajaan Negeri perlu ada rancangan yang strategik untuk meningkatkan peratus wanita dalam tenaga kerja. Setakat ini hanya 54% wanita dalam umum bekerja berada dalam tenaga kerja di Malaysia. Kadar ini adalah salah satu yang paling rendah di Asia Tenggara. *United Nation Development* program UNDP menjangkakan bahawa jika kita boleh meningkatkan kadar ini penyertaan awam wanita di tenaga kerja ke 70%. Kita mampu menjana KDNK tambahan sebanyak 2.9%. ini adalah bersamaan dengan 35 bilion dan iaitu ialah 8 bilion KDNK untuk Selangor. Salah satu langkah yang boleh kita ambil adalah untuk menggalakkan wanita untuk terus bekerja adalah memastikan pusat penjagaan kanak-kanak iaitu *Child Care* di Selangor adalah *accessible* boleh didapati dengan senang dan *affordable*, mampu dibiayai. Walaupun *Child Care* adalah dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan saya percaya bahawa Kerajaan Negeri boleh membuat memainkan peranan yang penting untuk dalam usaha ini. Damansara Utama ada tiga cadangan untuk Kerajaan Negeri.

Pertama. Kerajaan Negeri perlu menubuhkan satu unit khas di bawah portfolio wanita yang memberi tumpukan kepada pembangunan taska dan tadika di Negeri Selangor. Unit ini boleh bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan, pengusaha-pengusaha swasta dan juga NGO-NGO yang berkaitan untuk membuat dasar untuk *child care* dan menjadi satu *one stop center* kepada pengusaha-pengusaha *child care*. Di samping itu Kerajaan Negeri juga patut *lead by example*; dengan menyediakan perkhidmatan taska dan tadika di semua bangunan utama Kerajaan Negeri. Kedua, Kerajaan Negeri Selangor harus ada rancangan untuk mendorong syarikat-syarikat swasta di Selangor untuk mewujudkan *work place child care*. Ini kita sudah bangkitkan beberapa tahun tetapi tidak ada hasil lagi daripada kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri. Mohon Kerajaan Negeri boleh mengambil perhatian. Cadangan ketiga yang saya nak bangkitkan kepada Kerajaan Negeri ialah kita perlu mengatasi masalah-masalah yang timbul di pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di kawasan perumahan. *Trend* sekarang ialah pengusaha pusat penjagaan kanak-kanak menggunakan *corner lot* untuk menjadi pusat penjagaan kanak-kanak. Tetapi ini telah membawa masalah kepada penduduk-penduduk tempatan. Masalah lalu lintas, keselamatan dan lain-lain. Untuk mengelakkan

masalah ini sedemikian berlaku pada masa depan Damansara Utama berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh mewajibkan pemaju menyediakan satu tempat khusus untuk pusat penjagaan kanak-kanak untuk semua pembangunan perumahan pada masa akan datang. Tambahan lagi saya juga mendapat maklum balas bahawa permohonan-permohonan berhubung pusat penjagaan kanak-kanak di peringkat PBT mengambil masa yang lama. Harap Kerajaan Negeri boleh mengambil perhatian dan memastikan PBT-PBT meringkaskan langkah-langkah permohonan ini. Tuan Speaker selain *Child Care* saya juga ada membangkitkan perkara lain mengenai golongan wanita. Baru-baru ini adik saya telah melahirkan seorang bayi. Tidak lama lagi dia akan kembali kerja tetapi dia masih kena menyusu lagi. Saya mendapati bahawa banyak tempat kerja ataupun premis-premis awam di Selangor mahupun di Malaysia kita tidak ada tempat yang sempurna untuk ibu-ibu yang menyusu untuk mengepam susu mereka. Ini bukan sesuatu yang malu untuk kita bangkitkan di dewan sebab ini sangat penting untuk ibu-ibu muda kita dan mereka sering kena mengepam susu di dalam tandas. Saya telah membawa satu gambar yang saya dapat dari *laptop*. Di mana dia menggambarkan satu wanita yang mengendalikan ini pam susu. Ini wanita yang duduk di atas *toilet bowl*. Adakah ia wajar bahawa makanan bayi di kendali di tandas. So, atas kesedaran ini Damansara Utama menyeru Kerajaan Negeri untuk memulakan rancangan tiga tahun supaya untuk mewajibkan setiap bangunan yang melebihi saiz tertentu di Selangor mempunyai satu ruang menyusu. Dan ruang menyusu ini perlu berasingan daripada tandas. PBT-PBT juga perlu memastikan ini adalah syarat wajib di projek-projek masa depan.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Mohon mencelah. Batu tiga

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Ya

**TUAN SPEAKER** : Ya. Batu tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih. Saya juga ingin mencelah untuk memberi sedikit pandangan. Apakah juga perlu untuk disediakan peti sejuk untuk penyimpanan susu-susu yang telah diperah. Kalau tidak susu itu membazir saja.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Yang ini terpulanglah kepada ibu itu. Tapi untuk kerajaan kita mesti ada dasar yang *women friendly*..

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama sebelum saya benarkan menyambung saya suka sebut bahawa di Pejabat Dewan Negeri Selangor telah menyediakan fasiliti ini di tingkat dua. So, semua mereka yang hadir di sini boleh menggunakan fasiliti ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Saya faham. Saya faham Dewan ada tempat yang ini. Dan saya, dan ini adalah sangat penting. Ini bukan tempat untuk bergurau. Bukan perkara untuk bergurau. Ini sangat serius, Dewan ada tetapi ada banyak tempat. Banyak tempat yang lain, tempat bekerja, tempat premis awam tiada fasiliti ini. Dan MBPJ akan membuat satu tandas awam di sebelah tandas awam dia ada tempat khusus untuk ibu-ibu untuk tempat untuk menyusu. Ini adalah sangat penting untuk ibu-ibu muda. Selangor perlu menjadi negeri yang baik untuk para ibu untuk tinggal dan bekerja. Dengan ini kita boleh menganggap bakat dan potensi ibu yang bekerja justeru boleh meningkatkan produktiviti ekonomi negeri kita. Kita mesti sedar bahawa dasar polisi wanita yang baik bukan sahaja adalah untuk mengenai hak wanita. Ini adalah isu sosial dan ekonomi negara kita. Tuan Speaker seterusnya saya juga ingin membangkitkan tentang perkara yang lain tentang *Smart Transport* dan *mobility* yang telah disentuh oleh Dato' Menteri Besar dalam ucapan. Dalam isu ini saya hanya ingin mencadangkan...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku minta penjelasan

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Adakah saya ada masa yang lebih?

**TUAN SPEAKER** : Tidak.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Tiada. So, selepas ini saya akan buka jika saya ada masa yang...

**TUAN SPEAKER** : Ya betul. Kampung Tunku duduk dulu.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Saya habiskan skrip saya dulu ya. Supaya cadangan-cadangan saya boleh dilontar boleh dicadangkan di dewan ini. Seterusnya dalam isu ini saya ingin mencadangkan Smart Selangor *delivery* unit SSDU untuk mengkaji *Smart Parking*. Sehingga kini bayaran letak kereta di Selangor adalah menggunakan cara yang tradisi. Kita kena pergi meter. Kena bayar lepas tu dapat tiket masuk pergi kereta. Saya sudah bayangkan di bandar-bandar maju macam Petaling Jaya kita perlu guna cara yang begitu tradisi. Ini adalah sangat *outdated* dan tidak selari dengan imej Smart Selangor yang Dato' Menteri Besar ingin membina. Sebenarnya ada banyak aplikasi di luar yang aplikasi *smart phone* yang boleh membolehkan kita membayar *parking* dengan *handphone* sahaja. Saya berharap bahawa Kerajaan Negeri boleh mengkaji sama ada ini *visible* ke tidak. Tuan Speaker perkara seterusnya yang saya nak bangkitkan ialah Skim Peduli Sihat. Selain daripada klinik-klinik saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri untuk melanjutkan skim ini kepada hospital-hospital kerajaan. Kenapa? Kerana baru-baru ini saya melawat seorang pesakit dan saya diberitahu bahawa bayaran ubat untuk kanser dan *depression even in the government hospital* dengan izin adalah beratus-ratus ringgit.

Dan saya berasa bahawa walaupun ini harga ubat sudah di subsidi oleh kerajaan Persekutuan, ini tidak cukup. Masih membeban banyak keluarga yang pergi ke hospital kerajaan. Oleh itu subsidi lanjut daripada Skim Lanjut Peduli Sihat akan banyak membantu keluarga-keluarga miskin ini. Mohon kerajaan boleh meneliti cadangan tersebut.

Tuan Speaker, seterusnya saya akan berbincang sedikit tentang penyelenggaraan jalan. Dato' Menteri Besar berkata bahawa kerajaan merancang untuk menghasilkan *Hit Map Of Road Age*. *Road Age Hit Map* untuk perancangan *preventive maintenance* bagi jalan raya di Selangor. Saya sokong sepenuhnya. Sebenarnya saya telah bertanya dua (2) soalan dalam sidang yang lalu mengenai maklumat ini. Soalan pertama yang saya tanya ialah sama ada PBT mempunyai rekod bila jalan-jalan dibina dan di selenggara? Daripada jawapan yang saya dapat daripada 12 PBT, hanya tujuh (7) PBT telah memberikan balasan dan tiga (3) daripada tujuh (7) menjawab bahawa mereka hanya mempunyai maklumat ini untuk kira-kira 30 ataupun 40 daripada jumlah jalan-jalan mereka. Soalan kedua yang saya tanya adalah tentang maklumat-maklumat mengenai jumlah panjang jalan raya mengikut usia jalan raya di PBT masing-masing. Untuk soalan ini hanya empat (4) daripada 12 PBT ada rekod terkini dan mereka tahu berapa panjang usia jalan mereka. Dari kedua-dua jawapan yang saya terima, saya berasa ini adalah sangat jauh daripada apa yang Kerajaan Negeri mahu buat iaitu menghasilkan satu *Road Age Hit Map*, dengan izin dan seterusnya melaksanakan *preventive maintenance*. Oleh itu, saya ingin meminta penjelasan daripada Kerajaan Negeri tentang rancangan ini dan bagaimana kita kena melaksanakan dan bilakah *road, mock* kerja *preventive maintenance* akan menjadi satu praktis di PBT-PBT. Sebenarnya saya akan, nak berbahas tentang isu air juga tetapi kita ada satu usul isu air saya akan bahas masa usul itu. Dan, saya akan terus kepada Rumah Mampu Milik.

Tuan Speaker, setakat ini kita banyak berbincang tentang Rumah Mampu Milik kita bincang tentang penyediaan Rumah Mampu Milik oleh kerajaan. PRIMA, Rumah Selangorku, kita bincang bagaimana sebagai kerajaan kita boleh menyediakan Rumah Mampu Milik. Tapi hari ini saya mahu menarik perhatian Dewan Undangan Negeri ini kepada aspek lain di dari segi kemampuan perumahan iaitu dari segi pasaran perumahan hartanah sendiri. Sekarang kita nampak trend pasaran iaitu perumahan ada terdapat ketidaksepadanan antara penawaran dan penawaran *housing*. *There is a mix match between the supply and demand of housing at the moment. Let me give you an example, dengan izin statistics*. Hanya 37% daripada pelancaran baru perumahan sekarang untuk tahun ini adalah dalam segmen mampu milik iaitu 250,000 sehingga 450,000.00. Secara perbandingan, hampir separuh daripada pelancaran baru adalah lebih daripada 500,000.00. Walaupun hanya 20% daripada *population* kita mampu membelinya. Ini adalah *mix match between the supply and the demand of the housing*, dengan izin. Menurut Laporan Khazanah, *making housing affordable. Mix match between supply and demand* ini adalah akibat pemaju tidak bertindak balas dengan cepat kepada permintaan perumahan kerana

tempoh pembinaan yang diambil adalah sangat panjang. Ini adalah disebabkan oleh struktur industri perumahan yang berpecah-belah serta kekurangan insentif untuk inovasi di kalangan pemaju. Oleh yang demikian, Damansara Utama ingin mencadangkan Kerajaan Negeri untuk memulakan kajian bagaimana menangani isu kemampuan melalui perubahan dasar yang boleh meningkatkan *efficiency* pasaran perumahan. *We really need make our market more efficient.* Sebagai contoh, kita perlu melihat sama ada kita nak mewajibkan pemaju di Selangor menerima pakai sistem *Industrialized Building System (IBS)* dalam pembinaan mereka atau mungkin kita kena melalui cara-cara tertentu mengehadkan penggunaan pekerja asing ataupun memendekkan masa pembinaan dalam Kebenaran Merancang secara sistematik untuk mendorong atau memaksa pemaju untuk menggunakan teknologi baru kerana dengan menggunakan teknologi baru kita boleh menghasilkan rumah dengan lebih cepat dan kadangkala ia adalah lebih *cost effective*.

Tuan Speaker, perkara yang terakhir yang saya ingin bangkitkan hari ini adalah berkenaan dengan Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri. Dato' Menteri Besar telah menyebut tentang peranan DEIG dalam mempelbagaikan pendapatan dan membuat pelaburan strategik dalam penjagaan kesihatan, pendidikan dan perumahan mampu milik. Tentang DEIG, saya ingin menegaskan sekali lagi pendirian saya bahawa kita perlu mengukuhkan akauntabiliti syarikat ini kerana ia mengawal 74 anak-anak syarikat di Selangor. Satu-satu badan yang memantau DEIG ialah Lembaga Pengarahnya. Seperti yang saya sering berkata *good leader comes and go, good institution remains*, dengan izin. Kita perlu menginstitusikan akauntabiliti di Negeri Selangor. Memandangkan DEIG adalah di bawah MBI, saya ingin sekali lagi menggesa kerajaan untuk meminda Enakmen MBI 1994 supaya :-

- 1) Memberi mandat kepada Juruaudit Negeri untuk membuat pengauditan tahunan di MBI.
- 2) Mewajibkan pembentangan Laporan Tahunan MBI kepada Dewan Undangan Negeri supaya ia boleh dibahas di Dewan.

Selain DEIG, satu lagi anak syarikat yang besar yang baru ditubuhkan adalah Air Selangor selepas penstrukturan semula industri air sejak 2015. Memandangkan air adalah sangat penting dan *revenue* Air Selangor hampir mencecah RM1 bilion setiap tahun. Air Selangor perlu bertanggungjawab kepada Dewan Undangan Negeri melalui peruntukan undang-undang. Dengan itu, Damansara Utama mencadangkan di sini kepada Kerajaan Negeri untuk merangka Rang Undang-Undang Bekalan Air yang mengawal pengurusan bekalan air terawat di Negeri Selangor termasuk Air Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Masa cukup Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : *Saya half a page then finishing.* Dewan yang mulia ini juga boleh mempertimbangkan sama ada kita perlu memperbadankan Air Selangor *instead of as GLC it has to be* Badan Berkanun, dengan izin. Menjadikan Air Selangor bertanggungjawab kepada Dewan Negeri akan memastikan pengurusan dan Lembaga Pengarah Air Selangor termasuk saya lebih berwaspada untuk memastikan bahawa kita boleh mengharungi tahun 2017 yang penuh cabaran dan mempunyai perkhidmatan air yang baik untuk rakyat Selangor. Selain itu, saya juga mendapati bahawa Penyata Kewangan - muka surat 76, KDEB (Kumpulan Darul Ehsan Berhad) belum lagi menyelesaikan hutang mereka yang sudah janji bertahun-tahun yang diberi, yang dipinjam oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan pengambilan saham Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB). Sudah dua (2) tahun penyelesaian hutang ini lewat. Damansara Utama ingin mengetahui....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ok. Yang Berhormat, cukup.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri memastikan kita mendapat balik wang ini. Dengan ini, cadangan-cadangan dan pandangan Damansara Utama dan Damansara Utama mohon sokong usul yang dibawa Belanjawan 2017.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih Timbalan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh* dan selamat sejahtera. "Membangun Bangsa Memakmur Negeri". Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Selangor yang berjaya menyediakan belanjawan yang rakyat *centric* dan memfokuskan kepada pembangunan dengan memperuntukkan sebanyak RM1.8 bilion atau 52.2% daripada jumlah keseluruhan Belanjawan 2017. Selat Klang ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada D.Y.M.M. Sultan Selangor di atas ijab kabul dengan Tengku Permaisuri dan juga pemasyhuran Tengku Raja Muda Selangor. Saya bersetuju Kerajaan Selangor menghargai modal insan penting khususnya penjawat awam yang bertungkus-lumus untuk menjayakan segala perancangan baik Kerajaan Negeri Selangor. Selat Klang menyambut baik prinsip utama yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam menyediakan Belanjawan yakni dibuat secara holistik dan sistematik termasuk menyediakan infrastruktur yang lengkap di bandar dan di desa. Kita jangan lupa orang desa. Selangor memang perlu mendengar ledakan suara rakyat. Ledakan suara rakyat yang sudah terhimpit dengan masalah ekonomi yang semakin meruncing. Semua di Dewan ini tahu bahawa harga petrol baru-baru ini naik 1.11.2016. Contohnya, selain daripada tekanan cukai zalim, GST, graduan dihempap dengan bebanan berat,

hutang PTPTN dan lain-lain sumber *stres* atau tekanan kepada rakyat di Negeri Selangor. Jadi, perbezaan ketara fokus belanjawan Selangor 52.2% untuk pembangunan jika dibandingkan dengan Bajet Persekutuan Kerajaan Pusat yang hanya memperuntukkan 18% sahaja bagi pembangunan adalah sangat-sangat wajar. *Point* pertama saya, peringatan mesra kepada kerajaan. Rumah Kerajaan Prihatin, golongan marhaen yang sekarang ini mempunyai tanah sendiri kecewa kerana tidak dapat menikmati Skim Pembinaan Rumah Kos Rendah di bawah Peruntukan Kerajaan Prihatin kerana dikatakan dasar Kerajaan Negeri yang menetapkan kos membina sebuah rumah RM35,000.00 itu terlalu rendah. Tidak ada kontraktor yang sanggup membinanya. Dan, ini jauh berbeza dengan dasar Lembaga Zakat Selangor di mana mereka memperuntukkan RM45,000.00 sebuah rumah. Jadi, soalan saya kepada Kerajaan Negeri, bilakah kali terakhir Kerajaan Negeri membincang secara serius kos Rumah Kerajaan Prihatin ini? Sesuai dengan nama istilah Kerajaan Prihatin, adakah kerajaan telah berbincang kos bina memandangkan kos alat binaan semakin meningkat dan sebagainya *even labour cost*, dengan izin, meningkat?.

Kedua, kutipan sisa pepejal yang efisien. Ingatan mesra lagi kepada kerajaan. Dengan izin, *Planning is one thing, execution is another. Bureaucracy was the culture, the question is will Selangor deliver with excellence?*

Ketiga, *point* saya, Program Ceria. Tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana faham denyut nadi penghuni pangsapuri kos rendah. Fokus menyelenggarakan pangsapuri kos rendah adalah tepat. Kerajaan sudah sedia maklum isu utama penduduk di pangsapuri kos rendah adalah masalah lif yang rosak selama ini. Setiap blok lazimnya, saya lihat di beberapa daerah yang ada kos rendah ini setiap blok lazimnya dipasang sekurang-kurangnya dua (2) unit lif. Namun, apa yang berlaku ialah salah satu lif ini memang rosak. Memang tak boleh dipakai. Hanya satu (1) lif yang diselenggara untuk digunakan untuk penghuni di situ. Kita semua maklum projek pangsapuri kos rendah yang berpenyakit kronik kritikal ini diwarisi daripada Kerajaan BN 2008. Jadi, bilanya berpenyakit kronik kritikal ni biasanya kalau hospital ni kita masuk ICU. Kemudian bila dah baik sikit, keluar masuk wad biasa. Lepas tu barulah dia keluar. Jadi, apa yang kita lihat sekarang ini kalau mereka ini kita paksa mereka buat JMB sedangkan di antara yang masalah isu utama mereka yang rata-ratanya daripada sosioekonomi yang rendah, mereka nombor satu tak mampu wujudkan JMB. Kalau mampu wujudkan JMB pula, mereka tidak berkeupayaan untuk menguruskan pangsapuri tersebut. Jadi, bagaimanakah mungkin mereka ini boleh mengutip yuran untuk menyelenggarakan dengan baik dengan begitu mahal kosnya?. Lainlah kalau pangsapuri hanya empat lima tingkat yang tidak perlu kepada lif. Jadi, saya menyerulah kepada kerajaan kenaikan peruntukan bagi penyelenggaraan lif dan pengindahan rumah pangsa kos rendah dinaikkan daripada RM25 juta ke RM55 juta itu adalah bagus. Tapi saya mengharapkan niat murni kerajaan mengatasi masalah natijah kerosakan lif berterusan ini dicapai tahap optima. Jadi, saya mengesyorkan Kerajaan Negeri mengenal pasti semua blok yang

memang mempunyai masalah kerosakan lif dimasukkan terus ke dalam Senarai Ceria. Tak payah yang mengadu. Masukkan terus. Cari. Seterusnya, setengah daripada pangsapuri jenis kos rendah ini terlalu teruk sekiranya ada pertimbangan di Pihak Kerajaan Negeri, konsep PBT Asnaf yang dibantu dengan kewangan untuk memastikan khidmat boleh dilaksanakan dengan berkesan demi rakyat. Contoh, Majlis Daerah Sabak Bernam dikatakan asnaf maka Kerajaan Negeri boleh salurkan bantuan khas bagi mereka. Jadi, saya memohon Kerajaan...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.B. Selat Klang, duduk dulu. Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan jam 1.00 petang. Jadi, saya tangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**



## (Dewan Disambung Semula)

### (Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : *Assalamualaikum* dan selamat petang. Dewan disambung semula. Saya persilakan Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih Timbalan Speaker. Jadi saya sambung tadi mengenai pangsapuri yang boleh kita panggil Pangsapuri Asnaf kerana dia tidak ada berkemampuan dan tidak mempunyai kewangan yang kukuh. Jadi saya mencadang kepada Kerajaan Negeri penambahbaikan atau *rebranding* Skim Ceria ini. Skim Ceria yang peduli rakyat di kala penduduk lemas dalam lautan kegawatan ekonomi. Oleh kerana Bajet kemuraman Bajet BN 2017 ini untuk Malaysia ini nama pun Skim Ceria, jadi saya mengesyorkan Kerajaan Negeri memberi keceriaan kepada warga pangsapuri kos rendah ini dengan mengurangkan bayaran komitmen untuk baik pulih lif atau yang lebih baik, lebih menceriaan ialah mansuh sama sekali *commitment fees* yang sekarang ini 5% yang dikenakan kepada pangsapuri asnaf ini.

Jadi, syor yang kedua juga. Oleh kerana permasalahan yang begitu kompleks yang telah kita warisi mengenai pangsapuri ini maka saya syorkan kerajaan menubuhkan Perbadanan Pengurusan Bangunan Selangor yang akan melihat secara menyeluruh, apa masalah, bagaimana nak menyelesaikan masalah pangsapuri kos rendah ini.

Isu Akses Pemilikan Rumah Mampu Milik. Laporan LPHS, daripada 17,546 tawaran yang dibuat 8,770 tidak berjaya mendapat pembiayaan daripada institusi perbankan. Jadi saya sokong gesaan Bank Negara untuk menyemak semula garis panduan bagi membantu pembeli rumah pertama untuk mendapat pinjaman bank.

Selat Klang juga menyokong Skim Smart Sewa bagi membantu isu perumahan di kalangan golongan yang marhaen.

Isu penyelenggaraan jalan raya. Kerajaan negeri bercadang untuk memperuntukkan RM372 juta untuk menyelenggara jalan raya perbandaran termasuk jalan-jalan industri. Saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk memberi perhatian khususnya kepada jalan-jalan di kawasan industri menghala kepada North Port termasuk Tanjung Harapan di mana penggunaan jalan itu begitu banyak sekali kerana ia melibatkan kontena dan kenderaan yang begitu besar dan banyak.

Pun yang seterusnya Menggilap Kemakmuran Desa. Saya ingin menggesa Kerajaan Negeri mengagihkan lebih banyak peruntukan untuk membaik pulih jalan-jalan kampung bagi memungkinkan pembangunan desa yang lebih rancak. Selat Klang berpendapat peruntukan RM15 juta sahaja untuk kerja menaik taraf dan membaik pulih jalan-jalan kampung adalah terlalu rendah. Walaupun tambahan

RM30 juta peruntukan MARRIS untuk jalan-jalan kampung, banyak lagi jalan-jalan kampung yang tidak masuk dalam kategori ini tidak layak dimasukkan dalam kategori MARRIS ini terutama sekali di dalam kawasan kampung pinggiran bandar seperti kampung Sungai Udang, Kampung Telok Gedung, Kampung Delek di Selat Klang. Dan dasar kerajaan menyelenggara jalan kampung di tanah lot persendirian ini, saya difahamkan baru bermula 2015 maka sudah tentulah banyak lagi jalan-jalan kampung yang tidak diselenggarakan, maka saya mengesyorkan Kerajaan Negeri buatlah jamak dan qada, qada dan jamak sekali kerana terlalu banyak di seluruh Selangor ini, jadi saya mohon khususnya di bawah EXCO Pembangunan Desa wujudkanlah satu *taskforce* untuk mengenal pasti, mengenal pasti berapa banyak sebenarnya kampung-kampung yang jalannya tidak memuaskan dan perlu, perlu atau yang tidak pernah langsung diselenggarakan. Mana mungkin sebuah desa boleh jadi makmur sekiranya keperluan asas seperti jalan raya dalam keadaan yang teruk dan merbahaya. Dah ramai orang kampung yang jatuh. Kalau di pinggiran bandar khususnya, mereka ni duduk di kampung tetapi bekerja di PJ, bekerja di Shah Alam, bekerja di Subang Jaya. Jadi sudah tentulah mereka sebagai warga Selangor ini memerlukan perhatian yang khusus daripada Kerajaan Negeri, yang lepas, lepaslah.

Dan Kesejahteraan Komuniti Bandar. Selat Klang teruja Kerajaan Negeri memandang berat realiti semasa natijah proses perbandaran dan migrasi dari luar bandar ke bandar. Kepadatan penduduk di bandar yang terpaksa mendiami rumah pangsapuri yang bertingkat-tingkat, antara golongan yang perlu diberi perhatian oleh pihak EXCO ialah keperluan khas golongan OKU. Sesuai dengan prinsip kerajaan untuk menabur bakti untuk semua bukannya orang yang sihat sahaja tetapi OKU adalah satu golongan yang khusus maka kita menabur bakti untuk semua, Selat Klang mengesyorkan Kerajaan memulakan Projek Perintis memastikan warga OKU disediakan unit khas di mana pangsapuri-pangsapuri yang siap dilengkapi dengan *design* mesra OKU dan di tingkat bawah sekali. Jadi OKU ini tidak dibebani, kalau lif rosak dan sebagainya mereka tidak perlu terbeban dengan perkara itu. Jadi bagi OKU memudahkan mereka menjaga diri mereka sendiri jadi *design* bilik air, *design* dapur, *wiring system* dan mungkin juga keselamatan dan sebagainya adalah mesra OKU.

Tentang Institut Wanita Berdaya. Selat Klang mahu tahu apakah bentuk dan siapakah yang bakal menerajui institut ini. Adakah ia bersifat *inclusive* dan merentasi ideologi politik kaum atau bagaimana. Jadi saya menunggu *blue print* mengenai institut ini.

Tentang kampung baru. Pulau Ketam adalah satu-satunya pulau yang dihuni penduduk di Selangor. Fenomena air pasang besar yang menyebabkan kerosakan rumah, sebuah tokong dipukul ombak sehingga hanyut, maka saya mewakili penduduk di Pulau Ketam di dalam zon risiko tinggi. Saya memohon Kerajaan Negeri memberi perhatian dan bantuan baik pulih infrastruktur dan kemudahan

awam ekoran daripada fenomena air pasang besar baru-baru ini. Penduduk Pulau Ketam dikelilingi oleh air, kerana ini pulau. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri bahkan, Malaysia, Negara Malaysia, Kerajaan Malaysia memandang serius kebarangkalian yang tidak diingini. Kajian komprehensif diperlukan untuk memastikan mereka yang duduk di situ seramai 10,000 orang itu ada kontingensi pelan, ada pelan tindakan sekiranya fenomena yang kita takuti itu berlaku. Nauzubillah.

Kerajaan Negeri perlu menghulurkan bantuan khusus kepada nelayan kecil, terlebih lagi nelayan kecil sepenuh masa, memang kerjanya memang nelayan. Mereka mempunyai punca pencarian yang dipengaruhi oleh keadaan cuaca. Kalau air bah, kalau hujan ribut dan sebagainya mereka tak boleh ke laut. Jadi apa salahnya Kerajaan Negeri menghulur bantuan khas untuk mereka dalam golongan ini supaya mereka ini adalah, ada *income*, *extra income*, untuk mereka ada pelan, untuk mereka, kadang-kadang pukut pun tak boleh nak di *repair*, kadang-kadang jala mereka pun tak ada duit lagi, susu anak pun tak boleh nak dibeli dan juga di bawah EXCO Agama.

Saya gembira, tumpang gembira kerana elaun ketua kampung naik, elaun imam naik, elaun ketua komuniti juga naik tetapi agak terkilan kerana elaun imam RM200.00 sahaja. Elaun imam ni, eh... elaun nazir ni RM200.00 sahaja, RM200.00 sebulan. Sepatutnya masjid ini adalah tempat untuk melahirkan khairul ummah yang boleh *Amal Makruf Nahi Munkar In kuntum Khairul Ummatil Ukhrijat Linannas Takmurunabilmakruf Watanhaunal Anil Munkar (bahasa arab)* itu tanggungjawab nazir, ketua kepada masjid itu. Tetapi RM200.00 sahaja. Saya rasa Sekinchan pun setuju ye, saya rasa RM200.00 ni bagilah 30 hari *all the time*, dia terpaksa bertanggungjawab. Apa-apa yang berlaku kepada masjid itu, nazir yang bertanggungjawab. Apalah salahnya nazir-nazir ini juga diberikan elaun yang lebihlah sikit yang setimpal dengan pengorbanan mereka dan juga tanggungjawab mereka. Kita mahu Selangor ni mencapai *Baghdatun Toyibatun Warabbun Ghafur*. Jadi untuk mencapaikan itu sudah tentulah golongan ini selain daripada *grass fruit* ataupun pimpinan akar umbi seperti ketua kampung, nazir ini juga memainkan peranan yang begitu besar. Jadi saya berharaplah EXCO Kerajaan Negeri berbincang semula bagaimana memberikan keadilan untuk para nazir ini di seluruh Negeri Selangor.

Dan seterusnya Timbalan Speaker. Saya juga mahu bersama-sama menyokong satu usaha, satu inisiatif yang disebutkan oleh Damansara Utama tadi. Kita mahu wanita berkerjaya dan apabila wanita muda berkerjaya, lagi-lagi di dalam bidang-bidang kerjaya yang memang memerlukan masa yang tidak tentu, contoh, jururawat, polis, polis wanita dan juga doktor wanita. Mereka ini memerlukan tempat yang selamat selesa dan juga mereka boleh yakin bahawa anak mereka ataupun bayi mereka ini boleh dijaga dengan sebaiknya oleh apa ye. Jadi saya minta Kerajaan Negeri memfokuskan buatlah satu Projek Perintis. Jadilah apa satu contoh dan

teladan kepada negeri-negeri lain bahkan Malaysia ini supaya kita ini menjuarai wanita-wanita muda yang berkerjaya yang menyumbang masa mereka, dahlah ikut syif, dahlah tak sempat nak masak, tak sempat itu dan ini maka mereka ini diberikan perhatian yang khusus. Jadi Timbalan Speaker, saya juga nak minta kepada Kerajaan Negeri saya tumpang gembira kerana kerajaan memberikan tumpuan kepada Sekinchan, tak, tak pe, tak *jealous*, tak *jealous*, tetapi saya juga mengharapkan Tanjung Harapan, ini di bawah Selat Klang ye, Bagan Hailam dan seterusnya Sungai Lima yang juga dilanda banjir sebelum ini dan Pulau Ketam itu dimasukkan di dalam destinasi yang boleh diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri. Inilah masanya kita nak memesrakan pelancong-pelancong tempatan daripada Lembah Klang ini ke, kalau kita tadi nak capai pemuliharaan Sungai Klang, pemuliharaan Sungai Selangor dan sebagainya maka berjinak-jinakan dengan sayang air ini, jadi apalah salahnya Kerajaan Negeri memberikan sedikit perhatian pelancongan ke Pulau Ketam. Jadi dengan ini menyokong Belanjawan 2017 Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Timbalan Speaker. Batu Tiga juga ingin terlibat dalam perbahasan Belanjawan 2017 Negeri Selangor yang Membangunkan Bangsa, Memakmurkan Negeri. Saya mewakili rakyat Batu Tiga mendahulukan ucapan tahniah dan syabas kepada Menteri Besar dan seluruh kepimpinan negeri kerana bajet ini jauh lebih baik daripada Bajet Kerajaan Persekutuan yang kononnya mendahulukan rakyat. Yang baiknya yang Kerajaan Persekutuan hanya GST naik, GST, minyak naik dan barang naik. Apa pun kita lihat Kerajaan Selangor meneruskan tradisi program memberikan air percuma terus kepada, sekarang ini bas percuma, kesihatan percuma ya, mamogram percuma dan saya yakin WIFI percuma, banyak lagi sebenarnya yang akan memberi manfaat kepada rakyat. Jadi baru ini saya dapat panggilan daripada orang Negeri Sembilan lah, dia kata dengan saya; “YB Negeri Sembilan ado ko” dia kata kan. Saya ni bukan orang Negeri Sembilan. Tetapi saya jawab Negeri Sembilan tak do, tak dapat benda ni semua ya, dengan izin ya, yang ni. Kalau kita pergi bercakap dengan orang Negeri Sembilan tadi kita cakap “kor rang mano ado, kito ajo Negeri Selangor jo ado” *Insyah-Allah*. Jadi itu sahaja

Tetapi sebelum itu saya ingin bercakap tetapi Sungai Panjang tak ada pulak ya. Saya ingin memberikan satu maklumat kepada Sungai Panjang. Mengikut laporan yang diberikan pada 28 September 2016. Laporan Daya Saing Global di Forum Ekonomi Dunia WEF yang baru berlangsung telah mengatakan bahawa *ranking economy* Malaysia turun daripada 18 ke-25, yang itu dia tak cerita, yang dia cerita 25 sahaja, *ranking* 25 je, sebenarnya kita turun 7 mata ye, 7 mata. Jadi dah jadi Ahli Parlimen pun tak reti nak baca laporan dengan baik ye. Jadi saya harap kita walaupun kita gembira dengan apa yang kita kemukakan di Negeri Selangor tetapi akhirnya apa yang berlaku

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Mencelah sedikit, minta celahan sedikit

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Ha, silakan. Baru nak mula.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Timbalan Speaker, Batu Tiga. Saya nak tahu sebab Sungai Panjang tadi, dia memilih untuk selit-selit dengan fakta itu, setujukah Yang Berhormat kalau Barisan Nasional ini (wakil-wakil mereka ini) diberi satu kursus yang khusus untuk dilatih supaya mereka faham angka-angka ini?

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Saya setuju sekolahkan 100% kepada mereka. *Insyallah*. Jadi, Tuan Timbalan Speaker, saya tidak akan menyentuh banyak perkara. Kuang ada masuk ya. Menyentuh banyak perkara tetapi ada satu perkara yang saya ingin lihat iaitu perkara yang disebut pada bajet isu berkaitan dengan Skim Peduli Rakyat.

Satu program yang pastinya dapat membantu rakyat Selangor memandangkan kos rawatan yang membebankan iaitu ia akan memudah cara kepada rakyat mendapat skim tak kira siang atau malam. Klinik 1 Malaysia mana ada perkhidmatan malam. Hanya skim ini boleh memberikan perkhidmatan kalaulah sakit malam hari pun boleh pergi dan akan dapat bantuan daripada kerajaan. Walau bagaimanapun, isu kesihatan ini sepatutnya walaupun isu kesihatan ini patut diberi tumpuan 100% oleh kerajaan persekutuan, tetapi disebabkan rezeki yang ada di dalam negeri Selangor ini kita tidak lokek untuk berkongsi dengan rakyat kerana isu kesihatan ini amat *crucial* ataupun amat penting di negara ini ataupun di negeri ini.

Walaupun bagaimanapun Timbalan Speaker, ada dua perkara yang ingin saya *highlight* kan ataupun yang ingin saya timbulkan dalam sidang ini untuk kita sama-sama teliti. Memandangkan peruntukannya agak besar yang diperuntukkan sebanyak RM125juta, saya ingin mengatakan di sini bahawa sebagaimana yang diletakkan di sini bahawa manfaat itu akan dapat kepada 1 juta rakyat Selangor yang mana lebih kurang 250,000 keluarga. Saya rasakan bahawa pemberian sebanyak RM50 ataupun syiling RM300 ini terlalu kecil. RM500.00. Tapi lebih kurang setiap kali lawatan RM50.00. Apa pun kalau kita saya ingin timbulkan dari apa yang dibentangkan daripada ucapan Dato' Menteri Besar, mengikut kiraan saya ROI (dengan izin) ataupun *Return of Investment* kos setiap orang sebenarnya kalau kita baik kita ambil daripada RM125 juta dibahagikan kepada 1 juta rakyat ianya melibatkan RM125.00 satu kepala. Jadi, kalau seseorang rakyat itu berhak sepatutnya RM125.00, tetapi kita bayar kepada klinik tersebut RM25.00 saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan di manakah RM75 lagi kos itu diletakkan? Apakah ianya kos pengurusan? Kerana saya bimbang duit yang kita peruntukkan banyak RM125 juta ini tidak terus kepada rakyat tetapi ianya dapat ataupun ia terpaksa

melalui satu agensi yang akan menguruskan ataupun akan mengurangkan manfaat itu kepada mereka kerana saya kebimbangan saya ini sebab bagaimana yang saya nyatakan, kita tak mahu pihak ketiga yang mendapat manfaat langsung seperti mana sebelum tahun 2008. Kesan kewangan contohnya.

Saya ingin membicarakan satu contoh yang mana pada tahun 2000 ataupun semasa kita memulakan Skim Usia Emas semasa itu saya terpaksa diamanahkan perkara ini kita membincangkan bagaimana kaedah mekanisme pelaksanaannya. Kerajaan ingin memberi setiap kematian itu RM2,500 kepada warga emas. Jadi apa yang kita buat pelbagai kaedah yang kita lihat di antara dua yang terbaik ketika itu adalah satunya kita bayar terus kepada si mati. Yang keduanya kita melalui sesuatu agensi. Kiraan pada ketika itu, kalau kita melalui satu agensi yang lain (yang diinsuranskan dan sebagainya), kerajaan Selangor kena mengeluarkan sebanyak RM49 juta setahun untuk memberi 10,000 rakyat Selangor manfaatnya. Tetapi kalau kerajaan Selangor sebab kita tahu kerajaan Selangor ada kewangan, ada simpanan. Jadi kita keluarkan *direct* RM2,500 ini sebenarnya hanya memerlukan RM27 juta sahaja setahun. Kerajaan Selangor telah pun menyelamatkan sebanyak RM22 juta yang sepatutnya patut pergi ke agensi lain tapi alhamdulillah dengan kaedah pembayaran terus kepada rakyat ini, kita telah pun menjimatkan sebanyak RM22 juta dan sekarang ini telah pun dilaksanakan program ini selama 8 tahun berturut-turut tanpa *failed*. *Alhamdulillah*.

Jadi saya punya saranan ini adalah untuk memastikan apakah sebenarnya kaedah ataupun bertanya kepada pihak kerajaan apakah sebenarnya mekanisme pelaksanaan kepada program ini. Apakah ianya akan dibuat secara langsung oleh agensi kerajaan ataupun diberi kepada satu syarikat ataupun satu badan yang mana kita terpaksa membayar lebih. Jadi, kalau itu opsiyen yang kedua terpaksa melalui satu syarikat saya menyarankan supaya kita teliti balik mekanisme pembayaran ini supaya akhirnya kita mahu impaknya dapat kepada rakyat Selangor. Kalau *calculation* saya ataupun kiraan saya kalau RM125 juta ini kita bagi terus sebenarnya rakyat Selangor yang akan dapat manfaat adalah sebanyak 2.5 juta orang. Jadi saya mohon pihak kerajaan supaya mempertimbangkan cadangan dan pandangan saya ini supaya kita menguruskan duit rakyat dengan baik.

Yang keduanya Timbalan Speaker, melihat kepada angka-angka yang dikemukakan oleh kerajaan ada sedikit kebimbangan kepada saya dan juga mungkin untuk rakan-rakan yang lain. Walaupun Alhamdulillah kita lihat dari segi dari tahun ke tahun, Kerajaan Selangor kita nampak penambahan hasil yang ada. Tapi ada sedikit kebimbangan di mana hasil kutipan cukai mungkin satu masa nanti di tahap yang *stagnant* (dengan izin) ataupun tidak bergerak. Maknanya dah tepulah. Kita dapat tiap-tiap tahun sama sahaja. Memandangkan Kerajaan Selangor sekarang ini ataupun di negeri Selangor ini tanah-tanah pun kita tengok dah hampir maksimum dah penggunaannya. Oleh itu saya menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk

memulakan satu usaha yang saya kira memberikan kebaikan kepada kedua-dua pihak (kepada rakyat dan juga kepada kerajaan).

Kita (kerajaan) bukan saja nak kutip hasil, tapi sebenarnya kita juga ingin membantu rakyat. Jadi saya ingin kerajaan melihat semula satu pekeliling yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Pekeliling yang telah pun diluluskan oleh MMKN 19/2011 bertarikh 8 Jun 2011 iaitu untuk menggerakkan usaha pembangunan bangunan kediaman persendirian di bawah Skim Pemilikan Tanah untuk tujuan bangunan kediaman persendirian. Ini saya timbulkan kerana saya nampak usaha ini adalah begitu usaha yang mesra rakyat. Saya lihat bagaimana kerajaan telah pun membentangkan satu skim di mana matlamat asalnya adalah untuk memutihkan hak milik individu yang langgar syarat guna tanah. Contohnya sekarang ini, ramai terutama mereka berada di tanah-tanah persendirian, tanah pertanian statusnya tetapi ada di bandar-bandar ataupun di kampung-kampung. Ada juga yang sebenarnya di kampung-kampung tetapi tidak digunakan sebagai pertanian. Tanah-tanah pertanian ini sebenarnya telah pun menjadi tanah ataupun rumah kediaman yang padat. Contohnya kalau di kawasan saya di Padang Jawa, di Kebun Bunga, di Kampung Kuantan, di Jalan Landasan, satu tanah pertanian sebenarnya diduduki. Tidak ada lagi pertanian. Tetapi kita juga tidak mahu mendera rakyat-rakyat supaya kita putih dan kita halau mereka ataupun kita bagi notis sebab salah guna tanah.

Saya ingin supaya kerajaan melihat balik skim ini, kita tengok bagaimana kita boleh membantu rakyat untuk rumah-rumah yang telah dibina di tanah pertanian ini diberi hak milik atas hak milik rumah kediaman dan mereka boleh pecah lot dan mereka ada geran sendiri. Sebab apa? Di dalam pekeliling ataupun di dalam pekeliling yang telah dinyatakan, apakah yang kita kata kebaikan ke atas pertukaran syarat tanah ini? Pertama, kalau individu itu menukar tanah pertanian kepada kediaman mereka diberikan dua pilihan. (satu) mereka boleh bayar disebabkan dia tukar hak milik tanah itu ataupun tukar syarat guna tanah itu daripada pertanian kepada kediaman. Dia kena bayar premium. Tetapi kerajaan Selangor telah pun menetapkan bahawa sama ada dia ada pilihan. Bayar sekali gus masa tempoh yang ditetapkan atau pemilik tanah tersebut boleh membuat bayaran RM1,000.00 sahaja (premium) dengan syarat beliau tidak boleh menjual tanah tersebut ataupun menukar milik tanah tersebut ataupun mereka mestilah memberi atau memulangkan semula ataupun membayar premium sepenuhnya semasa tanah itu nak dipindah milikan. Kan cantik. Saya kata cantik sangat skim yang ada ini, tetapi kita sebagai kerajaan kena memulakan langkah.

Dengan ini, saya rasa sebenarnya ramai yang tak tahu apa saya sebut pada sekarang ini. Sebab saya mohon sebab saya sebut dalam Dewan yang mulia ini sebab saya mahu ADN-ADN, Yang Berhormat semua faham bahawa ada satu skim yang baik ini yang kita tidak pernah ataupun jarang kita guna pakai dan sebenarnya tak ramai yang tahu perkara ini. Jadi, saya nak sarankan kepada pihak kerajaan untuk memulakan satu langkah supaya menubuhkan satu *task force* khas tanah

untuk memutihkan tanah-tanah pertanian yang salah digunakan ini kepada membantu rakyat untuk mereka boleh di bawah skim yang kita sebut ini Skim Pemilikan Tanah Kerajaan tujuan bangunan kediaman persendirian dibolehkan dengan kita memastikan kita buat melalui daerah-daerah supaya akhirnya pemilikan ini dapat untuk dibuat secara langsung.

Dan akhirnya sebab masa tak sempat, saya ingin mengambil kesempatan yang ada ini sebab yang lain itu saya akan sentuh dalam perbahasan jawatankuasa, saya ingin mengatakan di sini sebelum saya akhiri saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada Kerajaan Negeri Selangor khususnya kepada Dato' Menteri Besar yang telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM14 juta bagi mendirikan Masjid Seksyen 24. Alhamdulillah. Ucapan ini bukan dari saya semata-mata, ianya telah pun disampaikan melalui saya oleh seluruh Ahli Jawatankuasa Surau Al-Ikhsan iaitu penduduk di Seksyen 24. Tapi sepanjang saya menjadi wakil rakyat, inilah satu-satunya masjid yang telah pun diberikan peruntukan. Alhamdulillah. Walau bagaimanapun, ada walau bagaimanapun tu Timbalan Speaker, mohon direkodkan di dalam Dewan yang mulia ini. Harapan saya dan juga jawatankuasa surau di sekitar Seksyen 20 agar penduduk di Seksyen 20 juga bakal mendapat manfaat. *Insyah-Allah*. Jadi, dengan ini saya mengharapkan bajet untuk 2018, Seksyen 20 pula akan diluluskan.

Akhir kalam, saya ucapkan tahniah kepada semua Dato' Menteri Besar dan semua seluruh barisan kepimpinan dengan ini saya menyokong Belanjawan 2017 Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Selamat petang, salam sejahtera kepada semua rakan-rakan Yang Berhormat sekalian. Terima kasih kerana memberi saya ruang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan isu pertama yang saya ingin sentuh ialah isu infrastruktur air di Negeri Selangor.

Saya amat berterima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana telah mengumumkan satu perbelanjaan yang cukup besar sebanyak RM100.6 juta untuk tujuan mengganti paip-paip uzur di negeri Selangor dan saya kira ini adalah perbelanjaan terbesar mana-mana negeri di Malaysia kepada tujuan menukar paip-paip yang lama ini. Tetapi saya ingin mencadangkan pada hari ini, saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri mengambil satu langkah yang lebih mencabar *even bigger border step* (dengan izin) untuk membuat satu penggantian yang lebih besar daripada RM100 juta setahun yang dicadangkan oleh Dato' Menteri Besar.



Kita cukup maklum di Negeri Selangor ini terdapat 5,000 hingga 6,000 kes paip pecah setiap tahun. Ia hampir 100 kes paip pecah setiap minggu. Cukup banyak kes paip pecah yang mengganggu bekalan air kepada penduduk-penduduk di seluruh negeri Selangor. Dan penduduk di Bukit Gasing pun kerap terkena dengan insiden paip pecah tetapi ini saya lihat berlaku di seluruh negeri Selangor. Kita perlu satu tindakan yang lebih proaktif untuk menukar paip-paip yang lama ini terutamanya 6,000km paip asbestos simen AC paip yang masih dalam sistem kita yang sangat uzur. Lebih daripada 45-50 tahun. Dan paip jangka hayatnya lebih kurang 20 hingga 30 tahun sahaja. Dan anggaran yang saya dapat dalam banyak perbincangan dengan Air Selangor ialah anggarannya 1km paip lebih kurang RM1juta kos untuk penukaran. Jadi, dengan RM100 juta kita boleh tukar lebih kurang 100km paip. Memang bagus daripada negeri-negeri lain yang tidak membuat apa-apa. Tetapi saya ingin mencadangkan kita berani sedikit, kita menambahkan dia di antara 300 hingga 500km setahun yang menjadi sasaran kita supaya kita boleh *catch up* (dengan izin) kepada 6,000km paip AC yang uzur yang selalu pecah supaya kesejahteraan penduduk di Negeri Selangor terjaga. Kita boleh buat pinjaman daripada PAAB untuk dana untuk penukaran paip ini. Jadi, ini adalah satu perkara yang serius dan saya harap mendapat perhatian EXCO Infrastruktur dan juga YAB Dato' Menteri Besar.

Yang kedua ialah satu kempen agresif untuk *Rain Water Harvesting* (dengan izin). Kita perlu melakukan sesuatu yang drastik untuk memastikan lebih banyak rumah memasang sistem *Rain Water Harvesting* supaya kita dapat mengurangkan kebergantungan kita terhadap air terawat dan sekarang kita mensyaratkan bangunan-bangunan kediaman baru untuk memasang *sistem rain water harvesting*. Itu bagus saya sangat gembira dan saya terima cadangan tersebut yang telah dilakukan untuk beberapa tahun yang lepas tetapi terdapat berjuta rumah yang lama yang masih lagi tidak ada sistem *rain water harvesting* dan saya ingin mencadangkan satu kempen agresif supaya kita boleh sasarkan 100 ribu rumah di Negeri Selangor untuk memasang sistem *rain water harvesting* dan saya harap kita memakai kapasiti-kapasiti kami sebagai Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa dengan 100 ribu rumah memasang sistem *rain water harvesting* dengan pelbagai insentif yang boleh diberi oleh Kerajaan Negeri kebergantungan kepada sistem air terawat ini akan berkurangan dan ini dengan secara langsungnya akan membantu kita untuk membina satu rizab air terawat yang sekarang hanya 1 peratus.

Isu kedua selepas membincang isu air yang saya ingin bawa pada petang ini ialah isu *Smart* Selangor. Saya sangat gembira Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dan terdapat beberapa teras di dalam *Smart* Selangor yang kita telah mencadangkan yang telah dibincangkan oleh Dato' Menteri Besar dalam ucapan bajetnya. Saya ingin mencadangkan satu lagi tambahan ialah semua perkhidmatan kaunter di semua jabatan di negeri Selangor haruslah boleh dibuat secara *online* ataupun dengan aplikasi telefon *smart phone*. Pada hari ini masih terdapat perkhidmatan-perkhidmatan kaunter yang tidak boleh dilakukan secara *online* dan ke arah satu

negeri yang *smart*. Perkara ini saya pun telah bangkitkan 3 tahun yang lepas saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dalam tahun 2017 ini. Satu tahun hadapan ini memberi sasaran kepada setiap jabatan kepada setiap PBT kepada setiap agensi kerajaan supaya setiap perkhidmatan pelanggan, setiap permohonan, setiap jenis aduan yang perlu dibuat oleh Kerajaan boleh dibuat melalui telefon, boleh dibuat melalui komputer peribadi di rumah mereka. Kita biar kaunter buka sebagai satu *option* kepada mereka yang lebih suka datang untuk datang *face to face* dengan izin tetapi kepada mereka yang memilih untuk apa-apa jenis permohonan secara *online option* itu patut ada. Ini ialah yang boleh dikatakan *Smart Selangor*.

Isu yang ketiga yang ingin saya bangkitkan ialah bas percuma yang dibekalkan oleh negeri Selangor. Saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Menteri Besar kerana telah meningkatkan peruntukan daripada RM3.5 juta kepada RM10 juta dan sekarang kepada RM20 juta setahun untuk memberi perkhidmatan bas. Ini menunjukkan kegagalan pihak SPAD, pihak Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan laluan bas yang mencukupi ini di negeri Selangor dan terpaksa tugas ini dipikul oleh Kerajaan Negeri. Saya ingin membuat satu cadangan agak drastik di sini pada hari ini. Saya ingin mencadangkan untuk laluan yang sedia ada yang kita sekarang menggunakan RM10 juta untuk memberi servis tersebut itu dikekalkan sebagai laluan percuma itu untuk *fulfill* manifesto kita dalam pilihan raya yang lepas tetapi untuk RM10 juta tambahan yang dicadangkan untuk 2017, saya mencadangkan bahawa laluan bas tersebut bukan laluan bas percuma tetapi laluan bas berbayar. Walaupun dengan kutipan RM1 ringgit daripada setiap penumpang saya yakin ia tidak akan mengurangkan minat terhadap bas disebabkan tujuan utama orang tidak menggunakan bas bukan pasal RM1.00 tetapi kerana mereka tidak dapat percayai bas itu akan datang *on time* dengan izin dia tidak ada *confident* dengan *reliability of the bus* jadi dengan *reliability* yang kita sudah tunjukkan dalam fasa pertama yang kita lakukan dalam tahun ini dan tahun lepas. Saya mencadangkan untuk yang RM10 juta yang kedua ini kita membuat cara berbayar hanya untuk satu tujuan supaya kita membolehkan lebih laluan. Kalau dengan RM10 juta kita boleh buat 10 laluan *free* dengan RM10 juta ini kita boleh buat 20 laluan berbayar, dan lebih rakyat boleh bermanfaat dengan skim pengangkutan awam. Jadi saya harap cadangan ini dipertimbangkan cadangan oleh Kerajaan Negeri.

Isu seterusnya ialah isu *Smart Sewa* saya sangat suka kerana Kerajaan Negeri telah kenalkan cadangan untuk menyewa rumah daripada Kerajaan Negeri, saya mohon dalam penggulungan EXCO diberi sedikit *detail* seperti berapa bilangan rumah yang di sasarkan untuk 2017? Apakah *quantum* sewa yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri berapa ratus ringgit sebulan untuk rumah-rumah tersebut dan berapa bandar rumah akan disediakan adakah di semua PBT ataupun di sebahagian PBT sahaja. Jadi mohon maklumat tersebut.

Isu seterusnya adalah isu pembinaan Rumah Mampu Milik. Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana telah melebihi sasaran awal sebanyak 15 ribu rumah, sudah 22 ribu rumah telah dilancarkan. Ini sangat berbeza dengan PRIMA, PRIMA telah menjanji dalam manifesto untuk buat 500 ribu rumah sekarang 10% pun tak naik di Malaysia. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri namun ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri berapakah perincian Rumah Selangorku di antara 22 ribu rumah ini kepada setiap sasaran penduduk yang berbeza pendapatannya. Kita cukup maklum bahawa harga rumah yang patut dibeli oleh mana-mana keluarga adalah 3 kali ganda pendapatan setahun keluarga tersebut. Jadi kepada keluarga yang berpendapatan antara RM2 hingga RM3 ribu ringgit mereka hanya boleh beli rumah dalam sekitar RM110 jadi untuk golongan ini berapakah bilangan rumah? Ada tak kita mempunyai sasaran dan angka tersebut? Dan untuk golongan yang berpendapatan antara RM3 hingga RM4 ribu ringgit ada tak kita mempunyai bilangan dan sasaran berapa rumah yang perlu dibina untuk golongan ini. Antara RM6.00 hingga RM7.00 dan sebagainya. Kalau kita lihat angka RM250 ribu untuk *type D* rumah Selangorku ia sesuai untuk mereka yang bergaji sekitar RM6 hingga RM7 ribu sebulan. Jadi saya ingin tanya untuk setiap *bracket* pendapatan pada RM2 ribu hingga RM3 ribu hingga RM4 ribu hingga RM5 ribu hingga RM6 ribu, berapa rumah yang kita perlukan? Ada tak Kerajaan Selangor membuat kajian? Dan jika ada kajian beberapa rumah itu boleh tak kongsi dengan dewan adakah perancangan pembinaan itu menepati sasaran setipa peringkat pendapatan yang kita hendak membeli rumah tersebut.

Isu seterusnya berkaitan juga dengan perumahan yang ingin saya ingin bangkitkan adalah sama apa yang dibangkitkan oleh rakan saya di Selat Klang. Ialah *maintenance* dengan izin penyelenggaraan rumah kos rendah. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas pada setiap JMB di rumah kos rendah yang dapat dibentuk dan dapat menyelenggarakan bangunan dengan sempurna tahniah. Kita patut beri mereka penghargaan dan pengiktirafan untuk kerja kuat mereka tetapi ada cukup banyak flat kos rendah yang tidak dapat membentuk JMB mereka dan untuk flat-flat ini saya mencadangkan saya rasa sudah sampai masanya Kerajaan Negeri melalui satu anak syarikatnya, mengambil alih penyelenggaraan ini. Peningkatan Skim Ceria daripada RM25 juta hingga RM55 juta menunjukkan bahawa memang terdapat banyak flat-flat kos rendah yang tidak dapat diselenggarakan *maintain* oleh JMB dengan dana yang mencukupi. Banyak memang tak mampu kalau tak mampu saya ingin mencadangkan kita ambil satu contoh daripada Singapura di mana kerajaan sendiri yang membuat *maintenance*. Pihak Barisan nasional di parlimen, dia membentuk undang-undang atau strata saya tidak tahu kenapa mereka meletakkan beban untuk menjaga bangunan ke atas JMB ke atas penduduk flat kos rendah, sepatutnya Menteri Perumahan ini memikirkan bahawa Kerajaan patut mengambil alih tugas tersebut. Jadi saya harap Selangor menjadi contoh kepada semua negeri di Malaysia untuk mengambil alih *maintenance* flat kos rendah bukan semua tetapi yang mana yang tidak dapat membentuk JMB nya.

Isu seterusnya yang saya ingin bangkitkan ialah Ahli Majlis PBT kami. Memang 288 Ahli Majlis yang dilantik untuk semua 12 PBT di Negeri Selangor bekerja keras setiap bulan mereka adalah barisan pertama yang menerima aduan dan kemarahan penduduk untuk apa-apa aduan yang dihadapi oleh penduduk. Saya mencadangkan Kerajaan Negeri mengarahkan semua PBT untuk meningkatkan elaun Ahli Majlis untuk 2017 untuk menunjukkan penghargaan kami kepada mereka yang menjadi benteng mempertahankan Kerajaan Pakatan di Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Mencelah

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Kota Anggerik minta

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Nanti boleh bahas

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Nak habis masa dah

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Saya tinggal warna kuning dah. Saya tinggal beberapa isu. Cuma saya ingin membangkitkan isu kad *medical* yang diperkenalkan kepada Kerajaan Negeri memang satu idea yang cukup bagus. Saya cuma ingin penjelasan adakah ia akan bermula Januari 2017 dan bila pendaftaran akan bermula ia adalah kerana ramai penduduk sudah bertanya bila mereka boleh mohon dan apakah KPI yang akan dipakai oleh kerajaan Negeri atau berapa minggu berapa hari untuk kad itu beri kepada pemohon setelah dia memohon dan macam mana kerajaan ingin *confirm* dia punya *income* kepada keluarga-keluarga yang tidak mempunyai slip gaji. Yang tidak bekerja dalam *employment* dengan izin dia bekerja informal bekerja sendiri macam mana mekanisme untuk kita menentukan gaji dia di bawah RM3 ribu ringgit. Beberapa isu tempatan sebelum saya duduk yang pertama kes dan permohonan untuk Hospital Awam Petaling Jaya. Saya selalu membangkit di dewan yang mulia ini selain daripada memberi kad perkhidmatan rawatan untuk keluarga miskin saya harap Yang Berhormat EXCO Kesihatan boleh membantu mempercepatkan perbincangan dengan Kerajaan Pusat supaya hospital awam untuk penduduk Petaling Jaya boleh dinaikkan dengan segera.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Cukup masa YB

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Dan nak habis dah dan yang kedua. Isu tempatan kes rumah terbiar. Pihak MPBJ telah menulis ke Pejabat Daerah Petaling untuk memberi satu senarai rumah terbiar *owner* tidak pemilik rumah tidak dapat dicari. Tanah itu terus dirampas kerana tidak dijaga membuat kacau ganggu kepada jiran-jiran. Tetapi Pejabat Daerah masih belum bertindak untuk permohonan ini daripada MBPJ dan saya harap dapat diulaskan dibuat di dewan ini. Dan akhir sekali *point* yang terakhir untuk perbelanjaan MARRIS, saya mengucapkan terima kasih kepada yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana di bawah pentadbirannya perbelanjaan MARRIS telah meningkat setiap tahun. Saya ingin

mencadangkan satu kontraktor *standby* untuk peruntukan MARRIS yang dapat membuat pembaikan-pembaikan segera terutamanya kes longkang pecah yang perlu pembaikan segera dan bukan setakat yang sistem hari ini. Ini adalah satu cadangan pembaikan sebab sistem hari ini ialah semua kerja perlu kerja terancang di mana seksyen ataupun kawasan yang hendak dibaiki dikenal pasti terlebih dahulu jadi tidak ada kontraktor *standby*. Dengan adanya kontraktor *standby* kita boleh membuat pembaikan dalam masa seminggu daripada tarikh menerima laporan. Perkhidmatan kita bertambah baik dan penduduk akan menghargainya. Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Wabarakatuh.* Terima kasih kepada Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Sungai Air Tawar untuk membahaskan Bajet Selangor 2017. Kita sedia maklum bahawa ilmu adalah sangat penting sama ada di luar bandar atau pun dalam bandar. Oleh itu saya telah pun membaca bajet yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan apa yang saya lihat adalah peruntukan ia untuk perpustakaan awam Selangor dicatat dan kalau kita maklum bahawa perpustakaan ini sangat uzur dan perlu diberi perhatian kerana ilmu ini sangat penting untuk masyarakat kita di luar bandar khususnya. Selain daripada itu Sungai Tawar juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dengan izin Allah jua, ya Tuanku diijabkabulkan dengan Tengku Permaisuri Norashikin. Semoga Tuanku kekal bahagia dan terus bersemayam di atas takhta Negeri Selangor. Kita juga gembira atas pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Tuan Amir Shah bin Sultan Salahuddin Idris Shah sebagai Raja Muda Selangor.

Yang Berhormat Tuan-tuan, Tuan Speaker yang saya hormati sekalian.

Selain daripada itu yang ingin saya nyatakan pada hari ini ialah berkenaan dengan strategi Belanjawan 2017 Negeri Selangor iaitu pengupayaan pendidikan. Berkenaan dengan pusat sumber. Tahniah dan syabas atas keprihatinan tentang Sekolah Agama, sekolah SK dan sekolah SRK. Selain daripada itu, 2 hari yang lepas sebelum saya datang ke mari ya, ban pecah tanpa sebab. Memikirkan tentang kebertanggungjawaban saya sebagai Wakil Rakyat DUN Sungai Air Tawar, saya berharap bajet yang dinyatakan tadi, iaitu JPS sebanyak, JPS 2017 RM135 juta. Tapi malangnya, ban pecah ini telah pun berlaku 4 kali runtuh untuk tahun ni sahaja. Apa yang saya maklum, setiap pembaikan ya memakan belanja hampir RM500 ribu. Tapi bayangkanlah ya, apa yang saya lihat ya, JPS ya membuat penambahan ini secara tidak konkrit ya, secara tidak konkrit. Akhirnya apabila ombak ini melanda, ya kita sedia maklum bahawa Sungai Bernam ini tempat laluan para pelaut ya. Dan apabila ombak ini memukul ban-ban ini ya, mereka akan runtuh. Ya, ini akan berkesinambungan dari masa ke semasa ya, apabila ombak besar melanda ban ini

baru-baru ini hampir 15 keluarga telah dipindahkan. Dan sudah tentu ya Kerajaan Negeri terpaksa membelanjakan, ia belanja untuk memastikan bahawa penduduk-penduduk PPRT ini mendapat pembelaan. Dan untuk makluman bahawa ban ini pecah akibat tangan-tangan manusia. Saya telah nyatakan dalam persidangan yang lepas bahawa jangan tebang hutan di pinggir sungai. Tetapi nampaknya ya, GLC bawah Kerajaan Negeri, PKPS ya nampaknya terus menebang dan akhirnya, akhirnya sekarang ini ditinggalkan begitu sahaja. Ya, pokok-pokok sawit yang ditanam tidak mendatangkan hasil. Kononnya ya, apabila ditanam nanti untuk memberi pekerjaan kepada penduduk kampung tetapi akhirnya menjadi laba, bala kepada penduduk kampung. Saya harap JPS, Kerajaan Negeri memperuntukkan sedikit sumbangan, peruntukan ya, kepada pembinaan ban-ban ini supaya perkara ini tidak lagi kedengaran di masa akan datang. Ya, saya harap bukan sahaja ban disebabkan oleh ombak besar tetapi oleh laluan ya bot-bot nelayan ini tidak mengganggu gugat kepada penduduk-penduduk ini.

Yang Berhormat Speaker, selain daripada itu, saya mengambil bahagian ini ialah untuk membincangkan tentang peruntukan MARRIS. Apa yang saya lihat dalam bajet negeri ini sebanyak RM190 juta ya digunakan untuk menyelenggarakan jalan raya negeri. Tetapi di kawasan DUN Sungai Air Tawar, untuk peringatan bahawa kawasan ini diturap ini, di selenggara ini bukan kawasan-kawasan yang menjadi masalah, bukan kawasan-kawasan yang berlubang, berlopak, beralun. Kawasan-kawasan yang masih elok, jalan-jalan yang masih elok diturap semula. Inilah dia ketirisan yang saya nyatakan tadi. Kalau pihak kerajaan yang itu mengatakan Kerajaan Persekutuan bertiris, kita perlu lihat juga ya pembinaan-pembinaan penyelenggaraan ini diperhatikan dibuat pemerhatian supaya sasaran kepada rakyat terus terjamin.

Yang Berhormat Speaker, selain daripada itu saya juga ingin menyatakan tentang Pasukan Ikatan Desa rentetan kegagalan Pasukan Keselamatan Kejiranan ataupun PKK yang dinyatakan sebanyak RM3.68 juta. Apa yang saya lihat memang mula-mula hebat. Mereka buat tempat cari bangunan ya, untuk memastikan bahawa PKK ini biar lancar tapi dengan pasang kain rentang semuanya, senaraikanlah nama AJK nya tetapi akhirnya malap. Dan ini pula dan nak dibuat juga Ikatan Desa. Ya, saya harap Kerajaan Negeri memikirkan dengan sedalam-dalamnya ya tentang keperluan-keperluan keselamatan. Maksud saya perlu mewujudkan insurans sebab di dalam taman ataupun kampung ini telah pun diwujudkan Kawasan Rukun Tetangga ya. Kawasan Rukun Tetangga untuk memastikan keselamatan penduduk ataupun rakan-rakan di dalam taman. Oleh itu, saya berharap juga kepada Kerajaan Negeri memastikan bahawa Ikatan Desa ini tidaklah akhirnya menjadi gajah putih sahaja. Sebab itu saya juga ingin menyatakan tentang

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, Sekinchan minta Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Ya, ya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya minta pencerahan sikit. Saya minta penjelasan berkaitan dengan Ikatan Desa yang kerajaan nak lancarkan 2017 dalam belanjawan seperti yang dibahaskan oleh Yang Berhormat, dikatakan mungkin ia jadi apa gajah putih. Saya nak tanya yang jeti LKIM di Kuala Selangor tu belanja RM20 lebih juta adakah itu gajah putih ke tidak bagi penjelasan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Terima kasih Sekinchan cuba bertanya tentang apa ni bangunan LKIM di Kuala Selangor. Apa yang saya lihat bangunan itu sekarang tengah beroperasi ya. Yang Berhormat ada juga aktiviti-aktiviti dijalankan tersebut ya. Dan saya nyatakan tadi ya, mengenai sebab rentetan daripada PKK tadi, saya nyatakan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya, saya nak tambah, tambah 1. Soal

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan minta Sungai Air Tawar bagi?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Berbaloi kah kita belanja RM 20 lebih juta jeti itu tak naik ikan sekarang hanya jadi 1 restoran di sebelah penjuru sahaja? Adakah berbaloi wang rakyat itu dibelanjakan?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Peruntukan ya, untuk memastikan bahawa LKIM untuk menjadikan jeti sebagai alat untuk menaikkan hasil mahsul ya daripada nelayan. Itu saya rasa perlu dibuat sebab apa yang kita fikirkan bahawa bajet untuk membina sesuatu bangunan ini semakin lama semakin meningkat. Apa salahnya perkara ini dibina? Untuk memastikan bila yang akan datang ini, bila ada aktiviti-aktiviti untuk nelayan ini boleh dilakukan kepada bangunan-bangunan ini. Saya rasa untuk memastikan bajet itu lebih kompetitif ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya minta tambahan penjelasan sikit. Maksudnya bangunan itu dibina semata-mata kerana ada bajet kita bina ya tapi tanpa ada keperluan di mana sampai sekarang dah beberapa tahun ya RM20 lebih juta dibelanjakan tak ada ikan dinaikkan. Kenapakah jadi begini? Adakah ini betul-betul contoh 1 lagi projek gajah putih Barisan Nasional?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Untuk makluman, banyak juga ya benda-benda gajah putih dibina ya tetapi untuk memastikan saya nyatakan tadi, ya kita apa juga perkara yang dibina adalah menyediakan bajet. Apa salahnya kita bina dulu apa ni bangunan ini dengan kos yang lebih murah? Kalau dibina sekarang kos dia mungkin lebih tinggi lagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Maknanya, Yang Berhormat setujulah walaupun dia gajah putih kita tetap binalah. Terima kasih.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Itu adalah pimpinan masa lepas ya. Bukan zaman saya ya. Ha.... kan? Betul. Yang lepas, lepaslah. Macam juga di sini.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN** : Tapi, tapi Tanjung Karang tu daripada lepas sampai sekarang sama juga.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Apa nya? Sila ulang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ia, Bukit Gasing minta. Bukit Gasing, Sungai Air Tawar minta soalan tu jelaskan sekali lagi.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Ha, jelaskan lagi sekali.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN** : Tapi Ahli Parlimen Tanjung Karang, Ketua UMNO Tanjung Karang tu sama dari dulu hingga sekarang. Kepimpinan tak bertukar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Bukit Gasing kena faham. Kuala Selangor dengan Tanjung Karang tu lain dia punya Ketua Bahagian. Harus faham. Ya, Tanjung Karang dia buat hospital. Tak, Tanjung Karang buat hospital yang sekarang telah dijadikan oleh Sekinchan. Manakala Kuala Selangor buat apa ni tadi? Jeti LKIM. Harus faham.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Minta laluan, minta laluan, minta laluan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Ok

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Saya rasa...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya tanya sikit lagi, sikit lagi.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Tak payahlah. Nanti kita bagi rakan-rakan kita.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya tanya bermakna...

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Nampaknya...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya nak buat rumusan bermakna.....



**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Saya berharap jugalah

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Ada 1 gajah putihlah

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tak apa Sekinchan, duduk dulu. Sungai Air Tawar bagi Sekinchan tak bagi?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Tak apalah. Saya pun tinggal 1 ayat lagi, 2 ayat lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ok habiskan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Ya, tadi untuk makluman bahawa bantuan-bantuan ya, dinyatakan oleh Kerajaan Negeri banyak bantuan. Sebenarnya Kerajaan Persekutuan banyak bantuan telah diberi maknanya daripada lahir dah. Daripada mengandung pun dah dibagi pil sampailah meninggal ya. Bantuan Persekutuan bukan sahaja sebab-sebab tujuan hiburan dan sebagainya. Saya rasa itu sahaja. Terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Tanjung Sepat nak ambil ringkas sahaja dalam perbahasan mengenai Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor kelmarin. Pertamanya, Tanjung Sepat mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor sekali lagi membentangkan bajet yang begitu baik dan memberi manfaat kepada rakyat hasil yang diperolehi daripada Negeri Selangor itu sendiri. Tanjung Sepat melihat bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Negeri Selangor sejumlah RM3.45 bilion itu adalah merupakan suatu bajet yang harus diurus dengan baik dan diberi manfaat kepada rakyat seluruhnya di Negeri Selangor tanpa mengira kaum ataupun mereka yang berfahaman politik yang berbeza. 52.2% bajet ataupun peruntukan bagi pembangunan menunjukkan kepada kita betapa prihatin Kerajaan Negeri Selangor terhadap aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan khususnya bagi melengkapkan prasarana yang berada dalam Negeri Selangor ini yang berkaitan ataupun yang memberi kepentingan, yang memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri Selangor. Bajet Pembangunan Luar Bandar, Alhamdulillah, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak 4%, manakala bajet ataupun peruntukan 7.6% infrastruktur sebanyak 60.8% manakala kegiatan ekonomi sendiri juga telah diperuntukkan sebanyak 3.9%. Ini juga adalah merupakan ataupun melengkapkan kepada keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor untuk melihat rakyat Negeri Selangor ini terbela dan seterusnya mengecap hasil mahsul yang terdapat di Negeri Selangor akibat daripada pengurusan dan pentadbiran yang telus dan memberi perhatian kepada kepentingan rakyat Negeri Selangor. Tahniah dan syabas Tanjung Sepat mengucapkan atas komitmen

kerajaan atas prestasi kutipan hasil pada Bajet Tahun 2016 yang lalu telah pun mencapai 101.2% yang meliputi RM2.27 bilion sehingga Oktober tahun 2016 ini. Walaupun pada tahun 2016 ini kita berbaki 2 bulan lagi, tapi saya yakin dan percaya kerajaan mampu untuk meningkatkan hasil ini mencecah paling kurang pun RM2.5 bilion. *Insyaa-Allah*.

Tanjung Sepat juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Ketua-ketua Kampung dan juga Imam-imam di seluruh Negeri Selangor kerana telah menerima persetujuan daripada kerajaan untuk menaikkan elaun kepada mereka mengenangkan jasa yang telah disumbangkan oleh Ketua-ketua Kampung dan juga imam-imam terhadap untuk menjaga kepentingan sosial di tempat masing-masing. Dalam membicarakan tentang belanja mengurus, penggantian skim pinjaman buku teks yang telah diperkenalkan ataupun telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk tahun 1 hingga tahun 3 di SRA ataupun Sekolah Rendah Agama Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM7 juta dan harapan saya agar kerajaan tidak hanya untuk menukar buku-buku teks ini sahaja tetapi saya juga mengharapkan agar penggantian buku ini dapat dinikmati skimnya, dinikmati oleh semua golongan ataupun pelajar-pelajar yang berada dalam sekolah ataupun SRA itu sendiri. RM150 juta digunakan untuk program-program yang berkaitan dengan Hijrah dan juga penggantian paip dalam pengurusan sisa pepejal, pemulihan dan pemeliharaan dan juga pembangunan sungai-sungai ini. Saya juga berharap agar ianya dapat merencanakan lagi kegiatan ekonomi rakyat Negeri Selangor dan mengeluarkan mereka dari kelompok garis kemiskinan ini kerana wang ini melalui Program Hijrah sendiri seperti mana yang telah pun dijawab oleh Yang Berhormat EXCO berkaitan dengan portfolio ini telah pun menunjukkan betapa manfaat yang diperoleh oleh rakyat Negeri Selangor dalam mereka mengurus dan juga meningkatkan pendapatan isi rumah masing-masing.

Perkhidmatan bekalan air bersih dapat disalurkan dengan lebih efisien tanpa gangguan sehingga menjejaskan aktiviti-aktiviti kehidupan seharian ketika ini dan Alhamdulillah komitmen dan kesungguhan Kerajaan Negeri ini telah dibuktikan dengan memperuntukkan sejumlah wang yang sangat besar bagi membina dua loji rawatan air iaitu Sungai Semenyih 2 dan juga Loji Rawatan Air Labohan Dagang. Kita mengharapkan supaya dengan projek ini, tidak ada lagi golongan ataupun kumpulan yang akan membaling baldi di kawasan perkarangan Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Yang Berhormat Tuan Speaker, 52.2% yang telah diperuntukkan untuk projek, untuk pembangunan dalam Bajet 2017 yang merangkumi RM1.8 bilion daripada anggaran RM3.45 bilion bajet Negeri Selangor menunjukkan peningkatan sebanyak 25% berbanding bajet ataupun peruntukan pada tahu 2016 yang lalu. Daripada jumlah ini kita difahamkan 60.7% daripada jumlah tersebut diperuntukkan bagi tujuan projek infrastruktur yang dijangkakan mampu untuk meningkatkan aktiviti ekonomi berasaskan pembinaan walaupun suasana ekonomi negara pada ketika ini dalam

suasana yang serba lembap. Senario sosioekonomi dan kebajikan yang diperuntukkan 13.7% kita mengharapkan ianya dapat ataupun mampu untuk membantu rakyat khususnya golongan sasaran melalui program-program kerajaan prihatin ini perlulah kita teliti sejauh manakah keberkesanan program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan terutamanya dalam membantu golongan-golongan miskin khususnya yang berada di luar bandar juga termasuk golongan-golongan yang tergolong dalam golongan mereka yang mengharapkan ataupun berharap dengan pendapatan sumber laut seperti nelayan dan juga mereka yang hidup sebagai petani di ladang ataupun di kebun-kebun tanaman.

Masyarakat desa dan juga ladang, kita harapkan supaya mereka ini dirangsang dengan aktiviti-aktiviti ekonomi hiran supaya mereka ini dapat menambah sumber pendapatan isi rumah seterusnya mereka ini mampu mengharungi kehidupan yang lebih bermakna dalam berhadapan dengan suasana ekonomi semasa ini.

Tuan Speaker, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan ataupun mengharapkan kerajaan agar sentiasa ataupun agar mengambil berat tentang pembinaan Maahad Integrasi Tahfiz yang telah pun dirancang sekian lama sehingga hari ini saya difahamkan belum lagi walaupun pengoperasian Maahad Integrasi Tahfiz di Bagan Lalang telah pun beroperasi pada awal tahun 2016 tetapi pembinaan Kompleks Maahad Tahfiz ini masih lagi belum dibina dan kita mengharapkan ianya mampu dibina secepat mungkin kerana permintaan oleh ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka untuk belajar menimba ilmu di Maahad Integrasi Tahfiz ini sangat tinggi.

Tuan Speaker, saya tidak juga mengambil masa yang panjang saya ucap terima kasih dan saya ucapkan syabas sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor kerana telah pun membentangkan Bajet 2017 ini dengan baik dan kita mengharapkan ia juga akan memberi manfaat yang bermakna kepada rakyat seluruh Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** (ketawa). Kota Anggerik. Cuma saya ingat Kota Anggerik tengok lampu isyarat ya, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI :** *Bismillahir Rahmannir Rahim*, Tuan Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat dan para petugas sekalian. Saya mewakili penduduk DUN Kota Anggerik mengucapkan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas pembentangan Belanjawan 2017 yang sangat komprehensif, sebuah belanjawan yang benar-benar prihatin rakyat yang mencukupi segala kepentingan rakyat. Tahniah juga saya ucapkan kepada pihak pembangkang yang sudah mula pandai jadi pembangkang. Cuma saya nasihatkan supaya buku tu di tanda supaya lain kali senang nak cari 36.6.

Sebagai anggota Dewan, saya agak ngeri melihatkan belanjawan defisit melangkaui RM19 juta dengan anggaran pendapatan RM2.5 bilion berbanding pendapatan perbelanjaan RM345 bilion. Melihatkan prestasi pendapatan dan perbelanjaan dua tahun yang lalu yang pada awalnya dijangka defisit tetapi akhirnya surplus. Saya yakin belanjawan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Tahniah juga saya ucapkan atas sikap ketelusan dan berhemah dalam belanja kini rizab negeri mencapai RM3.61 bilion bayangkan 52 tahun Selangor diperintah oleh UMNO BN rizab hanya RM1.2 bilion. 52 tahun, RM1.2 bilion sahaja ketika 2008. Dalam masa lapan tahun Pakatan Rakyat memerintah Selangor rizab telah meningkat 200%. Saya kira kalau setahun boleh rizab RM300 juta, 52 tahun sekurang-kurangnya rizab Selangor ialah RM15 bilion. Inilah kerugian yang ditanggung oleh rakyat Selangor sepanjang diperintah oleh UMNO dan Barisan Nasional. Jika dibandingkan Bajet Negara seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Bajet Selangor hanya kira-kira 1.38% sahaja tapi cukup untuk menyara rakyat Selangor 5.6 juta. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Barisan EXCO yang telah menguruskan bajet dengan baik ini.

Baru-baru ini rakyat Malaysia dikejutkan dengan penemuan wang tunai kira-kira RM62 juta dalam sebuah rumah di Sabah oleh pegawai kerajaan Sabah. Ini merupakan komisen kerana memberi kontrak RM3.3 bilion Syarikat Air di Sabah. Saya berpendapat ia merupakan *tips of the iceberg*. Sebenarnya banyak lagi ketirisan berlaku dalam pemberian kontrak dalam Kerajaan Persekutuan seperti mana dilaporkan dalam Laporan Audit Negara. RM2.6 bilion juga saya rasa adalah komisen daripada pinjaman 1MDB 42 bilion.

Ingatan saya kepada Kerajaan Negeri Selangor, kita tidak boleh kompromi dengan segala bentuk pengambilan komisen atau amalan rasuah oleh mana-mana lantikan politik, pegawai kerajaan semua peringkat. Rasuah merupakan amalan jijik yang akan memusnahkan kesejahteraan rakyat dan ekonomi negara. Kini hutang negara RM657 bilion yang mana hutang ini ditanggung oleh rakyat Malaysia.

Tuan Speaker, Kota Anggerik menyambut baik skim baru yang diperkenalkan Skim Peduli Sihat dengan peruntukan sebanyak RM125 juta walaupun kita maklum bahawa dalam Perlembagaan Persekutuan kesihatan ini adalah *federal list* yang sepatutnya disempurnakan oleh Kerajaan Persekutuan kalau kita tengok apa ni banyak sangat hospital swasta di Selangor khususnya ini menggambarkan betapa gagalnya Kerajaan Persekutuan dalam menangani isu-isu kesihatan. Pernah saya melawat Klinik Kesihatan Shah Alam jumlah pesakit sehari antara 600 - 800 orang sedangkan doktor yang ada cuma 8 orang. Pesakit menanti 6 hingga 8 jam sehari di Klinik Kesihatan Shah Alam. Saya pernah melawat Wad 8B Hospital Klang macam pasar malam amat daif sekali. Hospital Shah Alam yang patut siap dengan 500 katil kini siap hanya 300 katil sahaja. Baru lancar dah penuh sekarang Hospital Shah Alam. Semalam disebut soal GST. Seorang ibu tua India jatuh di bilik air retak tulang punggungnya nak menjalani *operation* datang pejabat saya minta bantuan

kerana hospital tidak sediakan plat untuk *operation* yang *free* hanya *operation*. Plat tersebut harganya RM4,200 kena GST. Orang tua sakit, jatuh, retak tulang punggung platnya tu kena GST.

Mana dikatakan bahawa GST tidak dikenakan pada barang-barang kesihatan? Sepatutnya untuk kemudahan kesihatan GST tidak perlu dikenakan. Tuan Speaker, ramai orang jumpa doktor bila dah sakit. Sekinchan jumpa doktor lepas sakit atau sebelum sakit? Ramai jumpa doktor setelah sakit. Bila.....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kota Anggerik, Yang Berhormat minta sedikit pencerahan, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan minta bagi?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya selalu jumpa doktor Meru tapi saya tak sakit pun. Hah itulah saya nak bagi tahu. Tidak semestinya sakit hah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : (Ketawa) Meru jumpa rakyat dia sebab rakyat dia sihat. Ramai orang jumpa doktor bila sakit. Bila usia meningkat muka menjadi masam yang manis ialah kencingnya (Ketawa). Bila darah tinggi sudah meningkat, bila jantung sudah tersumbat adalah lebih baik (Ketawa) adalah lebih baik seandainya kempen gaya hidup sihat ini dipertingkatkan. Saya hadir dalam program Kempen Gaya Hidup Sihat tapi tak ramai yang turun. Cuma saya bangga ramai *aunty-aunty* yang *joint* Taichi dengan saya mereka sihat-sihat. Saya dapati masyarakat Cina mereka lebih sihat berbanding masyarakat lain cuma saya jarang jumpa *aunty-aunty* India *joint jogging* dengan saya. Sebab itu, saya nak sebut soal gaya hidup sihat agar EXCO perbanyakkan lagi kempen gaya hidup sihat amalan makan yang baik yang halal lagi baik. Prinsip dalam Islam disebut *Halalan Toiyibbah* jadi pastikan restoran-restoran Sekinchan menyediakan makanan yang baik-baik untuk pelancong-pelancong (ketawa) yang datang ke Sekinchan. Sebab saya sering membawa pelancong-pelancong daripada Shah Alam ke Sekinchan dan dah hampir 10 bas saya bawa mereka kagum dengan Sekinchan. Tuan Speaker,

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Nak celah kota anggerik

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Selat Klang minta.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Kota anggerik setuju ke antara cara nak sihat ni menaikkan harga minyak masak?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Antara makanan yang sihat ialah sekadar direbus atau di stim sahaja. Saya dapati ikan stim dia lebih baik dan lebih sihat dimakan dibandingkan dengan ikan goreng.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Tuan Speaker, Sungai Air Tawar ingin penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sungai Air Tawar minta penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Terima kasihlah Kota Anggerik sebab mengatakan keperluan minyak ini tidak perlu. Oleh itu eloklah rakyat Negeri Selangor ini memakan makanan rebusan seperti mana yang dinyatakan tadi. Maka masalah minyak ini tidak menjadi masalah sebenarnya.

**Y. B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Isunya ialah Malaysia adalah pengeluar minyak sawit sepatutnya rakyat Malaysia berhak untuk mendapat harga minyak lebih rendah berbanding pasaran antarabangsa. Tetapi adalah malang kerana subsidi minyak ditarik balik dan saya akan merasakan bahawa goreng pisang akan naik harganya sebab minyak sudah naik harga.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Tuan Speaker, saya mencelah sekali lagi.

**Y. B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sila-sila.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Kita sedia maklum bahawa ramai di kalangan penduduk-penduduk kampung mempunyai ladang-ladang sawit dan mereka memerlukan harga yang tinggi. Adakah stabil kalau harga sawit nak tinggi, harga minyak nak rendah?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Untuk petani harga komoditi mengikut harga pasaran tetapi kerajaan setelah mengenakan cukai kepada minyak sawit kena bagi balik kepada rakyat Malaysia sebagai subsidi. Sebab eksport sawit dijual pada harga yang tinggi, cukai itu pulang balik kepada petani-petani supaya petani menikmati harga yang lebih rendah. Tuan Speaker, Selangor merupakan sebuah negeri yang maju yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat. Pada dasarnya pembangunan infrastruktur Negeri Selangor sudah agak lengkap. Berbagai-bagai program sejak 2008 berbagai-bagai program pendidikan diperkenalkan seawal taska, tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti diperkenalkan. Semua ini terangkum dalam tergambar dalam bajet 2017. Tapi itu merupakan pendidikan formal iaitu pendidikan di sekolah, satu perkara yang ingin saya ambil perhatian ialah

program pendidikan tidak formal. Kalau kita melihat negara jiran Jepun, kita mendapati bagaimana masyarakat Jepun begitu berdisiplin sekali. Sangat menjaga masa, pembersih dan tidak akan melanggar lampu merah walaupun tengah malam. Saya pernah pergi Jepun, orang Jepun trafik *light* tengah malam dia tidak akan langgar bila kami langgar dia tahu yang langgar itu orang Malaysia. Bila saya *cross* betul orang Malaysia, pelajar Malaysia langgar trafik *light* di Jepun. Kalau kita ke Singapura kita melihat rakan Singapura tidak akan membuang sampah merata-rata, menjaga alam sekitar dan berbaris ketika hendak menaiki bas. Kalau kita ke Australia pemandu di Australia tidak langgar *speed limit*. Kalau kita ingin maju, faktor penting kita hendaklah memajukan pemikiran rakyat dan mendisiplinkan mereka. Pelbagai isu timbul di kawasan pangsapuri kos rendah, saya pernah naik lift di satu rumah pangsapuri kos rendah dalam gelap. Seterusnya saya tanya kenapa gelap, bila rumah dia lampu pecah dia ambil lampu dalam lift. Saya naik gelap ini ialah masalah *attitude*, di kawasan mewah pula mereka mementingkan diri sendiri, sangat menjaga kepentingan diri sendiri. Sebab itulah kita rasa perlu dibuat satu program untuk mendisiplinkan rakyat. Di Singapura, dia ada program agak panjang ditulis *are always life*. Hari itu saya cadangkan Kerajaan Selangor ada program mendisiplinkan rakyat seawal daripada SRA. Sebahagian besar anak-anak kita di SRA ke sekolah menengah tetapi ini tidak tergambar dalam gaya hidup kita. Bahkan gaya hidup Muslim dalam masjid bila keluar masjid gaya hidupnya berubah. Meru angguk-angguk dia bersetuju. Sebab itulah saya lihat di dalam Kitab Al Iman Al Halayah tulisan Yusof al-Garadawi menekankan betapa pentingnya iman dan agama dalam masyarakat Islam. Saya tengok muka surat 250 orang beriman mengambil kekuatan dari kebenaran yang dianutinya. Dia tidak bekerja kerana dorongan syahwat dan nafsu bukan kerana kepentingan peribadi, bukan kerana mempertahankan golongan dan bukan pula kerana hendak menganiaya dan melanggar hak orang lain. Orang beriman bekerja hanya kerana kebenaran, kerana kebenaran itu berdiri langit dan bumi. Kebenaran itu lebih berhak untuk menang sedangkan yang batil patut hancur dan musnah. Ini pesanan Yusof Qardhawi iaitu pendidikan keimanan ini perlu ditanamkan. Saya juga sering juga ke surau di SUK, ada kelas-kelas dianjurkan tapi yang datang boleh bilang jari. EXCO turun, saya lihat juga EXCO turun tapi yang datang bilang jari. Macam itu saya tekankan kakitangan awam agar kitab ini, Yang Berhormat EXCO gunakan sebagai teks untuk kakitangan awam, teks kuliah. Bagaimana supaya kehidupan iman ini digambarkan begitu panjang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat jangan langgar lampu merah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Kehidupan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat, 2 perkara penting saya menanjung usaha Kerajaan Negeri untuk menghidupkan program Festival Bahasa dan Tulisan Melayu Serantau yang akan dilaksanakan 2017.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat mohon *simplekan*, Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Dan satu lagi ialah untuk menterjemah karya-karya agung tahun depan dengan projek peruntukan RM5 juta, *last point* saya ialah berkali-kali saya minta program bagi EXCO perumahan menyoegerakan program pembangunan semula pangsapuri PKNS Seksyen 16. Masalahnya ialah tanah hadapan seksyen itu yang kita kira-kira nak buat bangunan telah diserahkan *elinit* kepada MIC. MIC dapat tanah ini sama, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mengambil alih tanah tersebut untuk program pembangunan yang disediakan. *Last* sekali oleh kerana Menteri Besar berpantun tak baiklah kalau ADN tidak jawab pantun itu. Negeri molek rakyat sejahtera, pemimpin adil dikenang zaman, belanjawan yang baik elok di segera, agar rakyat senang hidup aman. Terima kasih saya menyokong belanjawan ini.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ** : Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya minta Yang Berhormat duduk dulu, Ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana urusan masih panjang maka dewan ini diminta disambung saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 6.00 petang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli Yang Berhormat sekalian usul ini telah disokong sila kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. **YA.** Yang tidak bersetuju sila kata tidak. **DIPERSETUJUI.** Saya mempersilakan Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana membenarkan Teratai menyertai sesi perbahasan Belanjawan Selangor 2017 yang bertema Membangun Bangsa Membangun Negeri. Teratai mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang menjadi gedung ekonomi negara kerana menjadi penyumbang utama KDNK negara iaitu 22.6 % walaupun Selangor membentangkan Belanjawan Defisit tahun 2015 dan 2016. Tetapi kita dapat prestasi kewangan yang *suples* bagi kedua-dua tahun berkenaan. Anggaran perbelanjaan 2017 telah mencapai adalah RM3.45 bilion iaitu 52.2 % untuk pembangunan. Teratai mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan meningkatkan lagi bajet pembangunan iaitu selaras dengan status Negeri Selangor, negeri maju jika dibandingkan dengan bajet persekutuan yang berasaskan hutang yang tinggi malahan Kerajaan Persekutuan mengurangkan bajet



pembangunan dengan memundurkan negara kita. Sebaliknya Kerajaan Selangor berjaya meningkatkan rizab sebanyak 1.8 % walaupun dalam kegawatan ekonomi negara sekarang. Kini rizab negeri mencapai RM351.38 juta. Kerajaan Selangor yang mempedulikan rakyat tidak mengutip cukai GST bahkan tidak naik harga minyak sebaliknya merupakan mangsa pembayar GST ini. Bukan sahaja tidak menaikkan harga-harga keperluan asas rakyat bahkan meneruskan dasar pengecualian Cukai Tafsiran dan fee lesen perniagaan diteruskan walaupun ini melibatkan impak kewangan kepada Kerajaan Negeri yang berjumlah RM62 juta. Teratai menyambut baik atas keputusan ini memandangkan setiap penjaja atau peniaga merupakan penyumbang ekonomi yang penting kepada negeri atau pun negara kita. Elaun tambahan RM300.00 sebulan untuk imam dan Ketua Kampung adalah baik tetapi sekiranya Ketua Komuniti India juga dapat penambahan elaun yang sama ini menunjukkan satu ekuiti yang baik sebagai satu kerajaan yang prihatin. Strategik belanjawan 2017 berasaskan 5 strategik, strategik pertama adalah Smart Selangor teras kemajuan. Sejak tahun 2008 hingga 2016 sebanyak lebih daripada 150,000 pekerjaan tercipta dengan pelancaran 100 *apex* tahun ini Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat memastikan 100 *apex* berkenaan dapat berfungsi dengan baik dengan menciptakan pekerjaan yang lebih banyak melalui e-dagang atau dengan izin e-dicipta dengan senarai-senarai status negeri maju ini. Strategik kedua iaitu menjamin perlindungan dan kesejahteraan rakyat, kegagalan persekutuan menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan kesihatan yang memenuhi piawai antarabangsa adalah sangat sesuatu benda yang memalukan negara kita. Skim Peduli Sihat dengan menawarkan Skim Perlindungan Perubatan dan kesihatan dengan memperuntukkan RM125 juta untuk membiayai rawatan kesihatan primer dengan memanfaatkan 1 juta rakyat yang merupakan kelompok yang paling tertekan dengan kenaikan kos sara hidup akan tetapi Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat menyalurkan pembayaran terus kepada hospital-hospital ataupun klinik-klinik supaya lebih banyak rakyat menerima manfaat ini. Program Dialisis Rakyat yang menunjukkan seramai 504 pesakit yang merupakan penerima program dialisis rakyat sebelum ini tidak mencapai 10 % daripada jumlah pesakit dialisis di Negeri Selangor. Oleh itu Teratai berharap supaya Kerajaan Selangor dapat meningkatkan lagi bajet-bajet untuk Program Dialisis rakyat ini ataupun berusaha sama dengan panel-panel ataupun mana-mana pusat NGO supaya lebih ramai pesakit dialisis mendapat manfaat daripada program-program dialisis rakyat ini. Walaupun kesihatan merupakan tanggungjawab Kerajaan Pusat. Teratai menyambut baik hasrat Selangor untuk membina rumah Smart Selangor mampu milik tetapi Teratai berharap proses kelulusan permohonan Rumah Mampu Milik Selangor ini dapat memfokuskan golongan ibu tunggal ataupun bapa tunggal kerana Teratai sering menerima aduan daripada golongan ini yang mana permohonan mereka telah ditolak yang mana bagi golongan ibu tunggal ataupun bapa tunggal mereka terpaksa menampung sara hidup yang tinggi dengan memasukkan kos sara hidup anak-anak mereka. Program *WES citizen* program merupakan satu program yang sangat baik yang merupakan yang telah menonjolkan Kerajaan Selangor telah bersedia sebagai menjadi satu negeri serantau. Kerjasama pihak berkuasa

tempatan dengan Queer Asia Pasifik dengan mengumpulkan aduan dan pemantauan operasi merupakan satu tindakan yang baik dan Teratai berharap supaya Kerajaan Selangor dapat memberi penerangan yang jelas macam mana rakyat Selangor dapat menyumbang atas usaha yang baik ini.

Pembinaan jalan baru iaitu menjana pertumbuhan ekonomi dan mobilisasi sosial dan yang juga penyelenggaraan jalan raya dengan memperuntukkan RM600 juta di mana Teratai berharap projek-projek ini dapat memasukkan projek pembinaan jejantas sesuatu jejantas hanya memerlukan kos yang rendah iaitu cadangan pembinaan jejantas di Taman Seraya yang telah lama Teratai bangkitkan dalam sesi-sesi Dewan atau pun Mesyuarat sebelum ini.

Bagi penambahan peruntukan kepada JPS iaitu RM135 juta Teratai berharap supaya satu jadual penyelenggaraan berkala dapat disediakan oleh JPS untuk Sungai Kerayong atau pun sungai-sungai lain supaya pencemaran sungai tidak berlaku di negeri Selangor. Teratai menyambut baik dengan cadangan RM20 juta di peruntukan untuk perkhidmatan Bas Smart Selangor tetapi Teratai berharap kawasan Teratai dapat menikmati perkhidmatan Bas Smart Selangor ini yang mana Teratai telah lama ketengahkan keperluan penduduk-penduduk Teratai terhadap Bas Smart Selangor ini yang mana kami percaya dapat mengurangkan masalah kesesakan lalulintas serta memberi perkhidmatan kepada warga berpendapatan rendah. Selain itu Teratai menyeru Kerajaan Selangor supaya menggariskan dasar-dasar berasaskan rakyat untuk semua projek-projek Persekutuan yang melibatkan kawasan Selangor contohnya Projek Lebuhraya atau pun Projek Pemasangan TNB Pilon dan yang lain.

Bagi Skim Perumahan rakyat yang mana sejumlah RM55 juta telah ditambah untuk Skim Ceria. Teratai mencadangkan supaya jadual semakan lif berkala dapat dijalankan oleh pihak Kerajaan Selangor supaya pihak Kerajaan Selangor dapat menolong membaiki atau menyelenggara lif-lif rumah pangsapuri kos rendah yang mana selalunya penduduk-penduduk rumah pangsapuri kos rendah ini merupakan rakyat yang memerlukan pertolongan daripada Kerajaan.

Strategi yang ketiga keupayaan melalui pendidikan dan latihan. Pengetahuan merupakan asas tangga kejayaan Teratai berasa bangga atas rancangan Selangor dengan menambahkan peruntukan untuk bidang pendidikan jika dibandingkan dengan bajet Kerajaan pusat yang tidak mementingkan pendidikan. Dengan tawaran skim peduli siswa RM10 juta akan diperuntukkan untuk membiayai pengajian anak-anak negeri Selangor di UIA, UKM, UPM dan UiTM. Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat memasukkan UM iaitu Universiti Malaya, satu Universiti bersejarah yang terletak di antara kawasan Kuala Lumpur dengan kawasan Petaling Jaya. Teratai mengucapkan terima kasih kerana Kerajaan Selangor tidak lupa 25 buah *Mission School* dan 5 buah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan dengan memperuntukkan RM1 juta untuk Sekolah-sekolah ini. Di sebaliknya semangkin

banyak Universiti atau pun Sekolah Swasta wujud bagai cendawan tumbuh selepas hujan yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Ibu bapa terpaksa ikat perut memastikan anak-anak mereka menerima pendidikan yang baik. Dengan ini Teratai juga berharap Kerajaan Selangor dapat memperluaskan lagi program tuisyen percuma supaya memasukkan kelas tuisyen percuma untuk pelajar-pelajar Sekolah Rendah.

Untuk Strategi yang keempat membingkai manfaat RM1 juta telah diperuntukkan untuk penumbuhan Institut Wanita Berdaya. Teratai mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Selangor yang merupakan negeri pertama mempunyai dasar belia dan juga menumpukan Institusi Wanita Berdaya. Teratai percaya dengan penumbuhan institusi Wanita Berdaya ini dapat menarik golongan wanita daripada pelbagai bidang kepakaran atau pun latar belakang supaya kita dapat bersama membina masa depan golongan wanita Selangor. *Affordable Childcare Centre* dengan izin merupakan salah satu perkara penting dalam bajet 2016 yang telah dirancang oleh Kerajaan Selangor sejak tahun lepas. Sepertimana Teratai ketengahkan sebelum ini MPAJ telah menzonkan satu kawasan untuk *Affordable Childcare Centre* dalam rancangan tempatan MPAJ 2020. Oleh itu bukanlah terlambat untuk Kerajaan Selangor supaya mengujudkan satu *Affordable Childcare Centre* yang mana gunakanlah kawasan MPAJ sebut sebagai Pilot Projek Kerajaan Selangor supaya *Childcare Centre* ini dapat memanfaatkan golongan wanita yang terpaksa menghantar anak mereka ke Pusat Asuhan dan mereka terpaksa bekerja disebabkan dengan kenaikan kos kehidupan yang sangat tinggi. Bagi pembangunan dan penyemahan Masjid, Teratai mencadangkan supaya Kerajaan Selangor dapat mengagihkan peruntukan tersebut secara sistematik seperti mana agihan peruntukan untuk Sekolah-sekolah atau pun tempat Beribadat selain Islam. Contohnya bagi masalah banjir kilat yang berlaku di Masjid Nurul Syadah, Kampung Trust Baru sepatutnya dapat diselesaikan lebih awal lagi sekiranya dengan bantuan kewangan Kerajaan Negeri Selangor.

Akhirnya bagi strategi kelima memacut industri sukan pelancongan menyemarak budaya dan intelektual, terdapat lima tawaran yang telah diketengahkan dalam bajet 2017 ini Teratai berharap Kerajaan Selangor dapat menumpukan satu tabung khas dayaan yang mana dapat menyokong program-program kebudayaan termasuklah program tarian naga dan singa dimana *Guinness World Record* telah dianugerahkan di Selangor sempena tahun melawat Selangor ini di mana program ini telah dianjurkan di Stadium Melawati Selangor. Pasukan Selangor dan Pasukan Tarian Singa Selangor selalunya dijemput oleh Negara-negara lain untuk mengajar dan pasukan-pasukan ini mempunyai reputasi yang tinggi di Arena Antarabangsa serta membawa nama baik Negara. Oleh itu Teratai berharap Kerajaan Selangor mementingkan golongan ini dengan bersetuju menubuhkan Tabung Khas Kebudayaan yang membawa nama baik kita. Akhirnya dengan semangat memperkukuhkan ihtilam memajukan negeri Selangor bersama-sama Teratai menyokong, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Teratai. Saya persilakan Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Bismillah terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan di Negeri Selangor tahun 2017. Tahniah dan terima kasih kepada Dato Seri Menteri Besar kerana pembentangan bajet dengan tema Membangun Bangsa Memakmur Negeri yang mana telah dengan di teras-terras yang telah di strategi yang telah digariskan dan Smart Selangor teras kemajuan menjamin perlindungan dan bersejahtera rakyat dan seterusnya dan di kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selamat dikabulkan dengan Tengku Permaisuri Selangor juga pemasyhuran gelaran Duli Yang Amat Mulia Tengku Amir Shah sebagai Raja Muda Selangor Ketujuh dan ianya juga bersangkutan dengan ikrar. Ikrar yang telah dinyatakan oleh Dato' Menteri Besar untuk mempertahankan Institusi Raja Berperlembagaan adalah didukung oleh Kerajaan dan semua Ahli Penyokong Kerajaan dan tuduhan pembangkang bahawa kami tidak mendukung Institusi Raja Berperlembagaan adalah tuduhan yang melulu dan berniat jahat.

Tuan Timbalan Speaker Belanjawan defisit sebanyak RM630 juta adalah belanjawan yang realistik dan yang bertanggungjawab. Yang mana dengan urus tadbir yang baik dan telus Kerajaan Negeri dapat lebih hasil dan mengatasi defisit tersebut seperti yang telah dibuktikan pada tahun ini dan moga-moga pada tahun hadapan dengan kerjasama yang erat dan kerjasama yang begitu baik antara Kerajaan Negeri, EXCO dan pegawai-pegawai awam ianya dapat direalisasikan. Yang mana tidak seperti Belanjawan Kerajaan Persekutuan yang telah mengalami defisit selama 18 tahun berturut-turut. Pada masa yang sama tiada perancangan bagaimanakah untuk mengatasi defisit itu daripada terus berterusan tahun ke tahun. Oleh itu jelas menunjukkan bahawa segala perancangan yang kita buat pada tahun ini adalah untuk tahun hadapan adalah suatu yang tidak sama apatah lagi meniru yang telah disebut oleh pihak Pembangkang. Antara perkara yang nak saya sentuh pertamanya adalah berkaitan dengan skim peduli rakyat yang mana 100 *sorry* Skim Peduli Sihat yang mana RM125 juta telah diperuntukkan untuk 250,000 keluarga yang mana 1 juta rakyat Selangor akan terlibat dalam program ini yang berpendapatan 3,000 ke bawah dan kita tidak menafikan sumbangan klinik 1M dalam usaha-usaha untuk menangani masalah kesihatan rakyat Malaysia ini tetapi sekira ini ada program tambahan dan ada program baru yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan sudah tentu perkhidmatan yang kita cadangkan adalah perkhidmatan yang lebih baik yang mana kalau di klinik 1M hanya terdapat Penolong Pegawai Perubatan sedangkan di Klinik Swasta dan panel skim Peduli Sihat adalah daripada Pegawai Perubatan yang tauliah itulah lebih baik dan di Klinik 1M juga tidak semua ubat-ubatan dibekalkan sebagai contoh *follow-up* untuk *dressing* luka yang serius contohnya ubat-ubatan sampingan atau tambahan perlulah di bawa oleh pesakit sendiri yang mana mungkin ubat itu tidak agak sedikit mahal dan tidak

dibekalkan oleh Klinik 1M dan sekiranya rawatan kita berikan di Klinik Panel Klinik Peduli Sihat ini tentulah ianya dapat memberi kebaikan bantuan yang lebih baik pada rakyat oleh itu diharapkan kita mengharapkan program skim peduli rakyat sihat ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan juga membawa menafaat kepada seluruh penduduk negeri Selangor yang layak untuk menerima Skim Peduli Sihat ini. Seterusnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan usaha-usaha Kerajaan Negeri Selangor bajet, bajet dengan ini menangani masalah denggi dan zika yang mana pada tahun ini bajet telah ditingkatkan daripada 1.5 juta kepada 5 juta yang mana saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dalam menangani masalah ini terutama EXCO Kesihatan yang telah turun padang meninjau masalah dan bekerjasama dengan semua Jabatan-jabatan yang bertanggungjawab juga ADUN-ADUN Kerajaan dan penyelarasa-penyelarasa DUN yang turun padang menyelesaikan masalah ini dan baru-baru ini pun di DUN saya telah pun diadakan program megah seperti yang telah dianjurkan oleh EXCO Kesihatan dan disana kita dapat lihat, kita dapat lihat dan menyelesaikan banyak perkara dalam menangani isu-isu pembiakan nyamuk aedes dan seumpamanya. Namun walau bagaimana pun kita mengharapkan sambutan dan juga sokongan daripada semua pihak terutamanya rakyat kerana apabila diadakan sesuatu program gotong royong yang hadirnya adalah tidak sampai 100%. Kalau di suatu Taman Perumahan ada seribu buah rumah ia mungkin yang hadir ia tidak sampai 50 orang. Yang hadir pun kebanyakkan adalah daripada kakitangan Majlis atau pun daripada Pejabat Kesihatan. Oleh itu rakyat di luar sana haruslah memberikan sokongan dan juga mempunyai kesedaran untuk sama-sama terlibat dalam usaha-usaha ini.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Speaker, minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, sila.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Okey, saya nak minta penjelasan, adakah kajian dibuat oleh pihak tertentu? Kenapa penglibatan penduduk situ tidak menggalakkan?

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Ini adalah sikap, sikap rakyat Malaysia kita ini kalau konsert ke kalau ada program yang berbentuk hiburan, memang minat tetapi program yang gotong-royong ni agak, agak perlahan ataupun tidak, tidak mahu turun ke padang. Sama-samalah kita memberikan kesedaran di mana-mana. Tidak kira, wakil rakyat, tidak kira pegawai kerajaan, tidak kira golongan mana, sama-sama menunjukkan, memberikan kesedaran kepada semua pihak. Seterusnya adalah berkaitan untuk merancang program Hijrah, yang telah kita laksanakan beberapa tahun yang lepas dan pada tahun lepas, kita memperuntukkan bajet dana pusingan sebanyak RM125 juta. Pada tahun hadapan, kita mensasarkan lebih banyak lagi, RM185 juta. Saya mengharapkan golongan sasaran pada kali ini, mencadangkan kepada pihak Hijrah Selangor supaya golongan yang mempunyai perniagaan yang

telah sedikit *establish* ataupun anggaran kita, berpendapatan lebih daripada RM3,000.00 ke RM10,000.00 untuk kita pertingkatkan pendapatan mereka. Selama ini kita banyak membantu golongan yang berpendapatan rendah kurang daripada RM3,000.00 tetapi kalau kita dapat memberikan perhatian kepada mereka yang berpendapatan sederhana, ini akan lebih memberikan manfaat kepada golongan sederhana ini. Kerana kebanyakan daripada program-program bantuan ini, adalah mereka yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah. Jadi sekiranya program Hijrah ini dapat memberikan perhatian kepada mereka dengan bajet yang kita dapat lebih tinggi lagi. Ini akan dapat memberikan kebaikan kepada *middle income* tersebut.

Seterusnya adalah berkaitan dengan peruntukan untuk Ahli Dewan Negeri dinaikkan daripada RM700,000.00 kepada RM800,000.00 setahun. Dan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menaikkan bajet ini dan kita harapkan ADUN-ADUN semua akan menggunakan peruntukkan ini dengan sebaik mungkin. Apa pun baru-baru ini, ya, 30 Oktober yang lepas, ada satu keratan akhbar menyatakan bahawa isu ADN Morib tidak salurkan peruntukan pada rakyat. Jadi, pada asalnya saya tidak, saya tidak ber... saya agak berdiam diri dalam isu ini, tetapi telah ditegur oleh rakan-rakan supaya menjawab, dan secara ringkasnya kenyataan tersebut adalah kenyataan yang berbentuk politik dan tanpa soal selidik yang sepatutnya dan sewajarnya. Jadi saya berharap perkara ini telah dapat menjelaskan perkara tersebut. Dan peruntukan DUN telah digunakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan urus setia oleh Pejabat Daerah Kuala Langat. Dan setiap segmen dalam masyarakat telah diambil peduli. Dan telah dijalankan program-program kemasyarakatan dan kebajikan pada semua pihak.

Seterusnya adalah berkaitan dengan masalah air di Negeri Selangor. Terima kasih kepada Dato' Menteri Besar kerana merancang untuk membina Loji Rawatan Air Semenyih dan Loji Rawatan Air Labohan Dagang sebanyak RM800 juta. Kita mengharapkan dengan terbinanya loji ini dan akan disiapkan dengan secepat mungkin akan dapat menyelesaikan banyak perkara. Dan penjelasan yang telah diberikan oleh Bukit Lanjan pagi tadi, berkaitan dengan, yang panjang lebar, pencerahan dan juga bagaimana bersungguh-sungguhnya Kerajaan Negeri melalui LUAS, melalui Pengurusan Air Selangor, melalui Jabatan Alam Sekitar dan semua agensi-agensi yang berkaitan. Kita mengharapkan dapat memberikan pencerahan yang sejelas-jelasnya kepada rakyat tentang usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini. Tidak timbul isu bahawa Kerajaan Negeri berdiam diri dan tidak melakukan apa-apa. Dan kita mengharapkan siasatan yang rapi dapat dibuat oleh, dapat dilakukan oleh pihak yang berwajib, oleh pihak polis, terhadap laporan polis yang telah dibuat oleh pihak LUAS terhadap unsur-unsur sabotaj yang mungkin berlaku dalam isu pencemaran air tersebut. Saya amat tertarik dengan, amat tertarik dengan, penerangan yang telah diberikan oleh Bukit Lanjan pagi tadi iaitu tanpa maklumat yang telah diberikan, oleh rakyat biasa, oleh mereka orang kampung, oleh mereka yang mungkin memancing di sungai yang berkenaan atau di mana-mana, maka pemberi maklumat ini telah, tanpa pemberi maklumat ini tentulah kita tidak

dapat mengesan pencemaran tersebut. Saya ibaratkan mereka ini seperti seekor burung yang berusaha untuk memadam, memadamkan api, menggunakan paruh yang kecil dan ini telah dapat membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah tersebut. Begitulah setiap masyarakat sama ada Ahli Dewan ataupun sama ada pegawai kerajaan atau rakyat biasa, yang sama-sama mencintai kerajaan ini, dengan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan ini untuk memakmurkan negeri ini. Dan memberikan kebaikan kepada semua rakyat, saya mengharapkan kerjasama dan usaha-usaha yang komprehensif daripada semua pihak, untuk menyelesaikan apa juga masalah yang timbul dalam Negeri Selangor kita ini, agar Negeri Selangor lebih maju dan lebih sejahtera, *Insyallah*.

Dan seterusnya adalah berkaitan dengan pengupayaan sekolah agama rakyat, sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga sekolah jenis kebangsaan Tamil. Kalau dahulu peruntukannya adalah RM6 juta, RM6 juta dan RM4 juta, agama rakyat, sekolah Cina dan sekolah Tamil. Pada tahun ini telah meningkat kepada 9, 7 dan 5. Dan pada awalnya program, program bantuan pengupayaan sekolah agama rakyat, sekolah Cina dan sekolah Tamil ini, dibenarkan untuk mengadakan program. Maksud saya, mengadakan selain daripada infrastruktur, memperbaiki infrastruktur, kita juga dibenarkan, pihak sekolah juga dibenarkan untuk memohon atas program-program motivasi, tuisyen ataupun seumpamanya. Walau bagaimanapun, sekarang garis panduannya adalah semata-mata untuk infrastruktur, dan kita harapkan dibuka, diperluaskan lagi permohonan ini untuk program-program kerana ada di kalangan sekolah Kafa integrasi ini telah, bukanlah kata sempurna semuanya, tetapi telah, bila nak mohon tu, dia kata tak ada apa nak mohon kalau infrastruktur. Jadi kita harapkan program ini dapat diperluaskan lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Yang Berhormat, dah merah lampu tu..

**Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN** : Akhirnya, *last* sekali adalah berkaitan dengan, walaupun tidak secara langsung, secara tidak langsung, berkaitan dengan kedai PKNS lima pintu di Pekan Banting. Kita harapkan kedai yang telah terbakar dan juga akan memberikan imej kepada kerajaan negeri akan dapat dibina semula dan segala isu-isu yang berkaitan, isu tanah dan lain-lain dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Saya menyokong bajet yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN** : *Bismillahir Rahmannir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat petang. Terima kasih Timbalan Speaker, di mukadimah ucapan ini saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar, yang terus mengekalkan kecemerlangan urus tadbir kerajaan terutamanya dalam agenda peduli rakyat. Yang saya kira sangat jauh berbeza

dengan agenda dan yang dibawa Kerajaan Persekutuan iaitu peduli apa rakyat. Walau pelbagai situasi yang melanda di pihak kita, kerajaan yang digagaskan sejak 2008 ini masih terus utuh menerajui agenda mensejahterakan Negeri Selangor sebagai negeri yang makmur, berkat dan ke arah landasan keredaan Allah SWT dan ini menunjukkan kita, negeri Selangor sebagai satu contoh kerajaan yang matang dan sudah bersedia untuk mengambil alih Putrajaya, *Insyallah*. Kita melihat bagaimana rizab Kerajaan Negeri Selangor juga, sudah melonjak menjadi RM3.6 bilion, sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dan ini menunjukkan kita terus menjadi penyumbang yang terbesar KDNK sebanyak 22.6 peratus pada tahun 2016. Ini jauh lebih tinggi berbanding negeri-negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional. Bagi meneruskan perbincangan ini, saya ada beberapa nota penting dan juga beberapa nota sampingan yang sangat penting untuk dikemukakan di peringkat perbincangan ini.

Pertama sekali berhubung dengan pendidikan. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, dalam strategi ketiga, di bawah pengupayaan pendidikan dan latihan, yang akan dilaksanakan program peduli siswa dengan peruntukan RM10 juta bagi membiayai pengajian anak-anak Selangor di UIA, UKM, UPM dan UiTM. Pembiayaan ini saya kira sangat harus dipuji dan dilaksanakan sebaik mungkin secara berkesan supaya mahasiswa yang belajar di universiti tersebut tidak merasai pemotongan bajet persekutuan 2017 terhadap sektor pendidikan tinggi antara 17 – 23 peratus universiti *list*. Saya bimbang antara kesan langsung pemotongan bajet ini adalah universiti-universiti ini akan beralih fokus untuk menjana dana bagi keberlangsungan pembiayaan teknikal universiti dan juga selainnya. Bahkan kita tidak boleh menolak kemungkinan yuran akan dinaikkan dan sekali gus akan membebankan mahasiswa yang sedang menuntut di universiti. Walau bagaimanapun ada beberapa persoalan yang mungkin diberikan perhatian dalam program peduli siswa ini. Pertama, bagaimana keupayaan mahasiswa ini menguruskan wang yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri. Hal ini kerana jika diberikan banyak mana sekalipun, RM10 juta seorang pun, tanpa ilmu dan kemahiran pengurusan yang efektif, pembiayaan ini tidak akan cukup. Dalam erti kata yang lain, pembiayaan ini tidak akan berkesan. Untuk mencapai kayu ukur pembiayaan yang berkesan, seseorang yang peroleh pembiayaan itu, harus mengurus dengan baik dan sistematik jika tidak kesan buruknya mahasiswa ini hanya rasa seronok terima wang tapi tidak pandai urus wang untuk kehidupan mereka di universiti. Jadi Kerajaan Negeri seharusnya menganjurkan seminar atau kursus khusus untuk penerima pembiayaan boleh ubah ini. Tambahan lagi ia merupakan nilai tambah dalam mendidik masyarakat celik pengurusan wang yang berkesan.

Yang kedua, bagi saya, persoalan penting juga yang perlu difikirkan ialah jumlah peruntukan yang diberikan di peringkat awal ini iaitu RM10 juta, saya kira ia perlu juga diperlihatkan semula, kalau mungkin ia boleh diberikan penambahan kerana kita lihat yuran untuk satu semester bagi universiti-universiti ini. Satu semester RM1350.00 secara purata dan biasanya dua tahun atau setahun adalah dua



semester. Jadi mungkin jumlah yang diperuntukkan sebagai RM10 juta boleh ini diberikan perhatian untuk ditambah dan sebagainya.

Sidang Dewan Yang Mulia, di kesempatan ini juga saya nak mendapatkan sedikit status perkembangan cadangan KUIS, Kolej Universiti Islam Selangor yang dulu, dalam tiga tahun yang lepas, pada tahun 2013 dilaporkan oleh portal rasmi Kerajaan Negeri Selangor, sewaktu Menteri Besar ketika itu melawat KUIS untuk ditukarkan status kepada universiti, mungkin boleh saya mendapatkan status ia yang terkini. Yang Berhormat Speaker, inisiatif Kerajaan Negeri ingin mewujudkan tuisyen atas talian adalah merupakan suatu inisiatif baru dan sesuai dengan salah satu daripada faktor untuk mencapai Strategi Smart Selangor. Namun, kalau ia hendak dilaksanakan pada tahun 2017, kita perlu lihat kepada pelaksanaan WIFI Selangor. Yang kita lihat sekarang ini ia belum mencapai tahap optimum, yang sesuai untuk pembelajaran atas talian. Kita tahu yang perlukan tuisyen yang seumpama ini adalah mereka yang berada pendapatan rendah, yang berkemungkinan tidak berkemampuan untuk mempunyai Internet di rumah masing-masing. Saya mencadangkan agar dilakukan pemantauan serta penambahbaikan dari sudut kelajuan dan juga jumlah *hot spot WIFI* Selangorku. Mungkin juga, saya mohon berapakah sekarang ini, jumlah *hot spot* yang sedia ada dan sudah ditambah pada tahun 2016. Ini juga sesuai dengan kenyataan EXCO sebelum ini bahawa kadar kelajuan akan dipertingkatkan sehingga ke 30 mb berbanding dengan apa yang ada sekarang yang mungkin sidang kita pun sukar untuk disaksikan secara langsung dengan lancar. Keduanya Yang Berhormat Speaker, berhubung dengan belia bertepatan dengan belia negara pada tahun ini *the future is now*. Sesuai juga dengan pandangan Islam sebagai mana yang dinyatakan oleh Profesor Yusuf al-Qaradawi apabila kita ingin melihat wajah negara pada masa hadapan lihatlah generasi muda pada hari ini. Sekiranya generasi muda pada hari ini dari kalangan yang berakhlak dan berhemah tinggi tentunya negara kita pada masa hadapan menjadi sebuah negara yang aman makmur tetapi jika keadaan adalah sebaliknya maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan yang buruk. Sebagai mana yang dicadangkan dalam pembentangan belanjawan Selangor 2017 sejumlah RM240,156,800.00 diperuntukkan untuk program-program perkhidmatan masyarakat pendidikan modal insan usahawan pembangunan belia dan sukan serta pembangunan wanita dan keluarga. Selain itu, RM7.3 juta diperuntukkan untuk program belia tani. Dan kita tidak mahu program belia tani ini hanya sekadar untuk diberikan kursus dan latihan tetapi kita juga bersedia untuk menyediakan ruang untuk mereka melaksanakan apa yang telah diperolehi daripada kursus-kursus dan juga seminar-seminar yang dihadiri. Saya mencadangkan agar kerajaan negeri terus untuk menjalankan kursus-kursus latihan tersebut dan melalui cadangan yang dikemukakan untuk pembukaan-pembukaan ladang-ladang, kebun-kebun komiti diberikan ruang kepada belia-belia ini untuk menceburkan diri dan juga mengambil bahagian secara aktif. Supaya ia akan menjadi suatu yang praktikal dan juga dapat menjadi suatu punca kerja dan menampung kos sara hidup yang semakin tinggi. Yang Berhormat Speaker, tidak dilupakan juga golongan belia merupakan golongan yang terkesan untuk memiliki rumah mampu milik di saat ekonomi

menekan ini. Justeru kita pohon dan cadangkan supaya belia seawal 25 tahun dan juga diperuntukkan sedikit kuota untuk belia ini memohon dan mendapat ruang bagi memiliki rumah mampu milik dalam Projek Rumah Mampu Milik Selangorku. Dan begitu juga dalam Program Hijrah yang dipertingkatkan peruntukkannya pada tahun ini. Ketiganya Tuan Speaker tentang pembangunan insan. Saya tertarik dengan ayat yang dibacakan oleh Y.A.B. Menteri Besar tentang Rasulullah. Kamu tolong agama Allah, Allah akan tolong kamu dan Allah akan meneguhkan kamu. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah beri peruntukkan yang sesuai untuk pembangunan Islam ini sesuai dengan Islam sebagai agama persekutuan dengan peruntukan yang diberikan bagi pembangunan masjid, pembangunan prasarana sekolah agama dan sekolah agama rakyat dan membaik pulih surau. Namun begitu soal pembangunan Islam ini bukan terhenti penambahbaikan prasarana semata-mata tetapi ia juga melibatkan soal yang lebih holistik dan lebih jauh iaitu penekanan kepada roh dan pengisian di institusi masjid dan surau yang hari ini bukan sahaja menjadi tempat untuk solat semata-mata tetapi menjadi suatu tempat yang boleh meningkatkan hubungan di antara institusi atau komunikasi sebagai pusat pembangunan ekonomi sosial dan juga rekreasi. Terutamanya bagi menarik anak-anak muda ke rumah Allah dan juga ke masjid. Langkah kerajaan menaikkan elaun imam kita puji dan sama juga saya menyokong pandangan daripada Selat Klang supaya diberikan perhatian tuan-tuan nazir kita yang juga merupakan peneraju bagi kemajuan masjid-masjid dan juga surau-surau yang ada. Ada beberapa nota penting yang nota akhir yang saya ingin sebutkan khususnya berkaitan dengan Gombak Setia itu sendiri dan juga beberapa perkara yang dibangkitkan dalam Bajet 2017 pertama sekali iaitu berkaitan dengan program peduli Sihat. Saya mohon supaya diberikan perhatian terhadap pelaksanaan pembayaran nanti kepada pihak-pihak klinik yang dipilih kita dimaklumkan ada lebih kurang 1000 klinik dan kita harap capaian klinik ini adalah sampailah di klinik-klinik di luar bandar supaya soal pembayaran ini diberikan perhatian jangan ada tertangguh yang menyebabkan penangguhan itu dia tidak dapat berkhidmat dan rakyat pun tak dapat khidmat. Keduanya berhubung dengan penyelenggaraan jalan. Kita lihat penyelenggaraan jalan sekarang ini di bawah PBT dan juga di bawah Pejabat Tanah berjalan dengan baik. Cuma sekarang ini yang kita mohon untuk dilihat ialah penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan yang ada di negeri Selangor. Jalan-jalan Persekutuan yang ada di negeri Selangor di bawah JKR Persekutuan. Kadang-kadang kita hairan penyelenggaraan jalan tidak dapat dijalankan di jalan Persekutuan ini tetapi tiba-tiba ada pula bajet-bajet daripada ICU yang boleh membina jalan-jalan yang lain. Sepatutnya jalan-jalan Persekutuan melalui JKR Persekutuan ini diberikan perhatian kerana itu lebih utama.

Ketiganya ialah berkaitan dengan tapak haram pelupusan sampah. Banyak kali perkara ini dibangkitkan pertama saya nak tanya sejauh manakah perkembangan enakmen sisa pepejal negeri Selangor yang meluaskan lagi soal penguatkuasaan. Keduanya kita lihat kita macam habis teh dah, macam dah tak ada jalan dah. Saya *respect* dan hormat kerja yang dibuat Pejabat Tanah dan Majlis Perbandaran

sehingga mereka meletakkan anggota-anggota penguatkuasaan secara statik tapi bila diletak memang tak ada berlaku kemasukan lori sampah. Hari ini saya nak maklumkan satu lori sampah haram di Sungai Pusu terbalik di tengah jalan. Hampir nak kena kenderaan. Tapi bila penguat kuasa ada di situ mereka tidak masuk. Tetapi bila penguat kuasa kita ada tanggungjawab lain di tempat yang lain maka mereka beroperasi seperti biasa. Saya mohon supaya ada tindakan yang tuntas tindakan yang begitu efisien terhadap soal tapak pelupusan haram ini yang terus berleluasa sesuai dengan kita dalam bajet ini yang memberikan penekanan soal pelupusan tempat sampah. Ketiganya berhubung dengan RM800k yang diberikan kepada ADN terima kasih banyak kepada Kerajaan Negeri meningkatkan peruntukan tersebut dan dalam masa yang sama berdasarkan pekeliling yang lepas dan juga sebelum ini 30% adalah untuk projek-projek kecil. Ertinya kalau RM800,000.00 30% akan jadi RM240,000 lebih. RM240,000.00 lebih kalau kita buat projek kecil *direct* ia akan melibatkan RM14,000.00 untuk GST dan kita di peringkat ADN ini kadang-kadang kita tidak melaksanakan projek kecil itu secara terus tetapi berdasarkan permohonan penduduk, permohonan persatuan yang kadang-kadang mereka ini memohon untuk melaksanakan projek-projek kecil. Jadi pihak ADN mengeluarkan peruntukan dalam bentuk sumbangan kepada mereka. Jadi kita harap sumbangan seperti itu diiktiraf juga sebagai salah satu daripada dalam 30% yang diperuntukkan untuk projek kecil apatah lagi sekarang ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan begitu banyak sekali untuk pembangunan begitu juga dengan majlis-majlis perbandaran.

**TUAN SPEAKER** : Satu minit lagi Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN** : Akhirnya, saya ingin membangkitkan juga ialah soal tanah-tanah yang diberikan kepada pesuruh jaya tanah persekutuan yang saya kira kalau di Gombak itu agak banyak tanah-tanah untuk tujuan pendidikan. Tapi hari ini kita lihat tanah-tanah ini diberikan di sewa. Yang lebih malang tempat-tempat yang diberikan sewa itu adalah tempat yang berhampiran dengan sekolah. Sebagai contoh satu di Sekolah Menengah Vokasional ataupun Sekolah Menengah Teknik di Sungai Pusu. Tanah yang diberikan sewa kepada batu bata yang sudah tentu mengundang lori-lori besar datang. Sedangkan kawasan sekeliling itu merupakan kawasan persekolahan. Al Amin ada di situ. *International School* ada di situ. Sekolah Teknik ada di situ. Jadi saya nak tanya satunya apakah penyewaan ini mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa kita Pejabat Tanah atau Majlis Perbandaran dan sejauh manakah mereka boleh melaksanakan perkara-perkara yang sedemikian. Dan akhirnya Tuan Speaker saya ucapkan tahniah sekali lagi kepada pihak Kerajaan Negeri di atas pembentangan bajet yang telah dikemukakan dan Gombak Setia menyokong bajet.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah mulai sekarang 10 minit seorang. Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum Wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam satu Malaysia. Terima kasih kerana Semenyih diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Bajet Selangor 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dengan tema Membangun Bangsa Memakmur Negeri. Saya juga ingin mengucapkan selamat berbahagia Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor selamat diijabkabulkan dengan Tengku Permaisuri Selangor serta Pemasyhuran Raja Muda Negeri Selangor. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana dari tahun ke tahun mencatatkan peningkatan yang luar biasa dan membanggakan. Bukan jumlah rizab negeri yang saya maksudkan tetapi Selangor telah mencatat jumlah tertinggi dalam kes denggi di Malaysia selama lebih 3 tahun berturut-turut malah baru-baru ini sekali lagi Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Bukit Antarabangsa mencatatkan rekod hari catuan air paling lama yang pernah rakyat Selangor atau Hulu Langat hadapi bermula daripada 22hb September 2016 sehingga yang terakhir pada 29 Oktober 2016. Dalam bajet memaklumkan bahawa masih lagi menyambung iaitu air percuma sebanyak RM183.2 juta untuk tahun 2017. Serta dimasukkan juga RM1.93 bilion terima kasih pada penggal lepas saya sebut tentang infrastruktur bekalan air ini. Saya harap perbelanjaan bajet ini digunakanlah sebaik mungkin dengan akhirnya bajet defisit akhirnya esok disekat dan menjadi bajet berimbang menunjukkan kebaikan menjaga dana. Dan ini terbukti apa yang saya katakan ini contohnya bajet MES ini iaitu dibangkitkan oleh DUN Sekinchan pada penggal lepas bahawa bantuan perkahwinan RM1000 itu hinggan pasangan itu mengandung pun tak dapat duit itu lagi. Ini buktinya. Jadi saya harap 1.93 bilion ini difokuskanlah untuk khususnya bekalan air Banyak tangki-tangki khususnya di kawasan Hulu Langat, Semenyih ini yang tidak berfungsi. Bukan saya nak salahkan sesiapa yang melakukan pencemaran tersebut sehingga operasi loji rawatan air Semenyih ditutup tapi saya nak katakan ia berpunca dari sikap Kerajaan Negeri yang ambil enteng sambil lewa dan lebih suka berpolitik dari melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Tuan Speaker, Empangan Semenyih Sungai Semenyih dan Loji Rawatan Air Sungai Semenyih walaupun lokasi berbeza-beza tetapi yang jelas ketiga-tiga lokasi penting ini menggunakan nama Semenyih. Dan saya merupakan ADUN yang dipilih rakyat Semenyih untuk mewakili mereka bagi menyampaikan segala rintihan, kesedihan, kesengsaraan, kehibaan dan harapan kepada Kerajaan Negeri atas segala kesusahan yang mereka lalui hari ini. Siapalah saya tanpa mereka. Setiap nadi denyut kesukaran mereka adalah nadi denyut kesusahan yang saya juga rasai. Tetapi mungkin tidak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar selagi boleh dipesongkan isu menjadi tanggungjawab dirinya. Beliau akan pesongkan juga jika dari tahun 2008 sehingga 2015 Kerajaan Negeri menuding jari kepada SYABAS atas segala permasalahan berkaitan air dan mereka-reka alasan sekiranya masalah air ingin selesai perlu dipercepatkan proses penstrukturan air/industri air Negeri Selangor. Habis pemikiran dan pemahaman rakyat Selangor diracuni hakikatnya selepas urusan penstrukturan bersama SYABAS dimuktamadkan, masalah air tetap terus bermasalah. Catuan kekal jadi igauan buruk

rakyat. Hal-hal berkaitan krisis air tetap berlaku cuma yang bezanya *modus operandi* menjawab permasalahan bila berlaku masalah air Kerajaan Negeri mengalihkan *punching bag* dengan izin untuk dijadikan sasaran kesalahan kepada Jabatan Alam Sekitar kerana jabatan ini di bawah Kementerian Alam Sekitar. Lebih melucukan baru-baru ini dengan lagak tanpa sebarang bukti dan berbekalkan persepsi YAB Menteri Besar menuduh pencemaran yang berlaku adalah berpunca daripada sabotaj oleh pihak tertentu dan mengaitkan dengan UMNO dan Barisan Nasional. Contoh apakah yang ingin cuba ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri. Ini kah negeri yang diwar-warkan sebagai *Smart Selangor*? *Smart* dalam memesongkan isu, mungkin lah. Saya yakin ada Ahli dalam Dewan yang mulia ini bukan sahaja dari kalangan ADUN Barisan Nasional tetapi ADUN-ADUN Kerajaan juga.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Mohon penjelasan...

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Ada yang tidak bersetuju dengan kenyataan YAB Menteri Besar. Jika tidak manakan mungkin ADN Kajang ...

**TUAN SPEAKER** : Semenyih, Bukit Gasing nak penjelasan.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Saya tak cukup masa. Manakan mungkin, jika tidak manakan ADN Kajang sendiri bertanyakan berkenaan status kilang haram di sepanjang Sungai Semenyih, soalan no. 39, mana mungkin ADUN Damansara Utama juga bertanya kilang haram di tepi sungai-sungai utama di Selangor, soalan no. 9. ADN Tanjung Sepat juga bertanya kilang haram soalan no. 82, ADUN Balakong juga bertanya soalan kilang haram no. 103. Saya kira pada sesi pada kali ini sahaja, ADN yang bertanya berkenaan kilang haram, berbelas-belas soalan. Hal ini berlaku bukan secara kebetulan, seolah-olah semua ADUN tertumpu pada pertanyaan jumlah kilang haram terutamanya yang terletak di sepanjang Sungai Semenyih untuk apa bertanya jika tidak mensyaki bahawa punca pencemaran yang kerap berlaku akhir-akhir ini adalah berpunca daripada kilang haram yang wujud di sepanjang sungai Semenyih. Hanya Menteri Besar sahaja yang kata dan boleh berfikir pencemaran itu berpunca daripada sabotaj atau perbuatan terancang mungkin sebab kebijaksanaan ini lah beliau menjadi Menteri Besar hari ini. Untuk rekod yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, mengatakan terdapat 8 kawasan perindustrian yang boleh menyumbang kepada pencemaran di Sungai Semenyih termasuk satu di dalam Negeri Sembilan iaitu :-

- (i) Kawasan perindustrian Vila Raya yang berhampiran Sungai Semenyih;
- (ii) Kawasan perindustrian Hi-Tech Semenyih;
- (iii) Kawasan perindustrian Haniko;
- (iv) Kawasan perindustrian Sungai Purun;
- (v) Kawasan perindustrian Sam-Tech juga terletak berhampiran Sungai Purun;
- (vi) Kawasan Bandar Rinching yang terletak berhampiran Sungai Rinching;

- (vii) Kawasan perindustrian Sungai Beranang yang terletak berhampiran Sungai Berangan dan
- (viii) Kawasan perindustrian Arab Malaysian Nilai, Negeri Sembilan yang terletak berhampiran Sungai Buah.

Daripada 8 kawasan yang dikatakan tadi hanya 1 sahaja yang di luar Selangor dan 7 lagi terletak dalam Negeri Selangor. Semua sungai yang berhampiran dengan kawasan perindustrian adalah sungai yang mengalir ke Sungai Semenyih yang mempunyai kepanjangan 37 KM di hulunya ialah Empangan Semenyih dan di hilirnya ialah Loji Rawatan Air Semenyih. Jadi kerana rakyat Hulu Langat menganggap isu ketiadaan air ini adalah isu mustahak, saya mohon EXCO berkaitan nyatakan satu persatulah kilang-kilang yang wujud berhampiran sungai yang mengalir ke Sungai Semenyih ini serta status dan latar belakangnya. Apa sudah jadi dengan program pemutihan kilang haram? Adakah Kerajaan Negeri telah lupa janji-janji ketika pilihan raya yang lalu, saya yakin terdapat beratus-ratus kilang haram yang melakukan pelbagai perniagaan termasuk industri berat, bengkel-bengkel dan IKS di sepanjang Sungai Semenyih. Ini yang terlepas dari pandangan mata Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak berwajib. EXCO pun bagi penerangan pagi tadi bahawa jumlah mula-mula 35 lepas tu 50 lebih, maknanya tidak tepat angka ini.

Tuan Speaker, tahun 2016 merupakan tahun yang gemilang bagi Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri dengan bangganya mengumumkan jumlah rizab berjumlah RM3 bilion dan lebihan bajet seolah-olah mahu menggambarkan Kerajaan Negeri bijak mengurus dan berbelanja. Tetapi apakah makna semuanya ini kerana tahun 2016 merupakan tahun yang derita sengsara bagi rakyat di Hulu Langat dan khususnya di Selangor umumnya kerana sehingga 31 Oktober sahaja telah direkodkan sebanyak 8 kali Loji Rawatan Air Sungai Semenyih ditutup akibat daripada pencemaran yang diklasifikasikan sebagai pencemaran bau. Saya menyimpan rekod tersebut dan saya nyatakan satu persatu untuk pengetahuan semua ADUN berkenaan penderitaan rakyat khususnya di Hulu Langat dan 3 daerah lain. Loji Rawatan Air Sungai Semenyih telah ditutup ...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, ingin mohon mencelah.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ :** Saya tak cukup masa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Mohon mencelah sikit. Sekali ke.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ :** Saya tak cukup masa.

**TUAN SPEAKER :** Semenyih tak benarkan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Oh, tak benar ya.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Mei 2016, September 2016, 23 September 2016, 4 Oktober 2016, 7 Oktober 2016, 23 Oktober 2016, 28 Oktober 2016. Penutupan Loji Rawatan Air Semenyih akan menjejaskan sumber air bersih terawat kepada pengguna di 4 daerah penting iaitu Sepang, Petaling, Kuala Langat dan Hulu Langat yang dianggarkan berjumlah melebihi 1.3 juta orang.

**TUAN SPEAKER** : 1 minit lagi Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : 1 minit lagi. Saya ingin membangkitkan berkenaan peranan dan tugas agensi yang bertanggungjawab dalam menangani dan mengawal pencemaran alam sekitar khususnya air iaitu LUAS. Saya ingin maklumkan sebagai sebuah agensi yang diwujudkan khusus untuk menguruskan air di Selangor juga Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) diperkasakan dengan perundangan dan kuasa penguatkuasaan berdasarkan Enakmen LUAS 1999 dengan 17 fungsi utama yang boleh dirumuskan. Salah satunya menyelaras perhubungan dengan pelbagai agensi, menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar pelan projek kerajaan, menjaga kepentingan negeri dalam hal ehwal sumber air, pengawal seliaan melalui pelesenan, mengenai sebarang aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan sumber air, pengawal seliaan melalui penguatkuasaan. Sudah terang lagi bersuluh jelas menyatakan bahawa skop kerja LUAS termaktub di bawah Enakmen LUAS dan saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan Bahagian 12 Penguatkuasaan iaitu melibatkan kuasa-kuasa untuk masuk menggeledah, memeriksa dan merampas dalam perkara 99 tidak perlulah menuding jari kepada Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya. Ini enakmen yang saya bawa, jadi.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Mohon penjelasan. Fasal Nilai, Nilai di luar Selangor.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Tak perlu la nanti jawab la.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Macam mana LUAS nak...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Penjelasan sikit. Habis.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Berani ambil satu soalan. Sekinchan ke saya?

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Boleh Speaker tambah sikit masa?

**TUAN SPEAKER** : 1 minit. Cepat Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya nak tanya satu soalan, penguatkuasaan LUAS ini. Ya kalau di bidang kuasa Kerajaan Negeri di bawah jajahan wilayah Negeri

Selangor LUAS boleh melakukan, menggeledah dan sebagainya. Sekarang di Sungai Buah ya, Sungai Buah, di Nilai, macam mana, bagaimana pegawai LUAS ni nak menggeledah. Yang kedua...

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Soalan jangan lebih-lebih saya bagi satu je.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Satu cukup.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Itu satu daripada 10 kes, Sekinchan, Nilai ni. Yang 10 kes lagi?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Yang berlaku dia yang punca dia Sungai Buah. Haah punca dia Sungai Buah.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Sungai Buah ni pun lewat, lewat. Saya pergi 27 September, 28 Oktober baru nak...tak perlu nak mencari jawapan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : LUAS telah buat laporan Polis.

(Dewan bising bertikam lidah)

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Semalam *you* cakap ni bukan pasar. Duduk. Duduk. Ini *floor* saya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Speaker bukan Semenyih. Duduk kena arahan Speaker. Saya baru akur.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah Sekinchan, Bukit Gasing, Batang Kali duduk. Semenyih. 1 minit Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : 1 minit lagi. Jadi saya tak perlu nak mencari kata 1 jarum seluas Singapura. Tak payah. Daripada tempat pencemaran ini nak pergi ke Nilai 1 hari pun boleh selesai kalau nak bertindak. Kalau nak bertindak. Jadi itu yang nak ingin saya ingatkan. Ya, siapa yang tuduh sabotaj, siapa yang tuduh sabotaj? Kalau itu saya cabar Kerajaan Negeri tolong buat *report* Polis siapa UMNO dan BN. Siapa?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sudah buat, 23hb. September untuk makluman Dewan yang mulia ini.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : YB Sekinchan, saya tak pernah kacau Sekinchan masa berhujah. Ok? Jadi saya nak..



**TUAN SPEAKER** : Cepat Semenyih. Rumuskan.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Ok, kalau nak rumuskan, saya nak ucap terima kasih kepada Tuan Speaker membagi ruang kepada Semenyih. Saya harap sangat-sangat Bajet RM1.09 bilion ini dilebihkan lah kepada pembangunan infrastruktur air ini, lebihkan lah kepada pembangunan air ini sebab ia amat-amat kritikal. Ini cakap pencemaran yang kita cerita dan setiap hari setiap minggu pasti ada paip yang pecah di Semenyih dan juga terdapat saya ingat hampir 10 tangki-tangki yang tidak berfungsi yang cukup besar tapi tak berfungsi, gunakan lah bajet ini sebaik-baik mungkin, jangan tidak digunakan macam Sekinchan cakap tempoh hari dah mohon untuk bantuan perkahwinan sehinggakan dah mengandung dah beranak, tak keluar-keluar lagi duit ini. Jadi itu jadi bajet seimbang tapi duit tak digunakan Sekinchan marah tempoh hari. Betul Sekinchan eh? Jadi saya akhir sekali Kota Anggerik pantun jawab pantun yang jawab pantun YAB Menteri Besar..

**TUAN SPEAKER** : Eh, dah tak ada masa nak berpantun lagi.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Sekejap, pendek saja.

Derita rakyat angkat air guna baldi,  
Yang muda membantu yang tua dipapah,  
Krisis air Selangor kini satu tragedi,  
Melambangkan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lemah.

Bila berucap kena berdiri,  
Ramai peminat ramai penyokong,  
Bajet ini nampak macam syok sendiri,  
Semenyih berdiri tidak menyokong.

Terima kasih. *Assalamualaikum Warahmatullhi Wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER** : Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih kepada Puan Speaker atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam Perbahasan Belanjawan yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar. Puan Speaker, Dato' Menteri Besar yang bersedia membelanjakan sebanyak RM 3.45 bilion pada tahun 2017 bagi melaksanakan semua perancangan dan Agenda Kerajaan Negeri pasti akan mendapat sambutan yang baik bukan syok sendiri di kalangan rakyat Selangor. Anggaran Belanjawan meningkat sebanyak RM 57 juta berbanding dengan Belanjawan 2016 yang membelanjakan RM2.88 bilion akan memanfaatkan semua lapisan masyarakat termasuk rakyat Semenyih dan seterusnya memberi kesan gandaan kepada aktiviti ekonomi di Selangor. Tahniah kepada Kerajaan Negeri yang amat prihatin dengan memperkenalkan Skim Peduli Sihat. Saya amat bangga

dengan rasa kepedulian Kerajaan Negeri terhadap perkhidmatan kesihatan. Putrajaya yang mempunyai sumber pendapatan yang besar patut mencontohi rasa kepedulian Kerajaan Selangor dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang secukupnya kepada rakyat terutamanya di kawasan luar bandar. Kita sedia maklum janji Putrajaya membina hospital kedua Tanjung Karang pada 18 Februari 2013 masih belum ditunaikan. Selain daripada hospital kedua Tanjung Karang, Putrajaya juga mengabaikan kerja-kerja naik taraf Hospital Kuala Kubu Baharu yang dibina pada tahun 1936. Saya telah meneliti Belanjawan 2017 Malaysia dan mendapati Kerajaan Persekutuan tidak memperuntukkan 1 sen pun untuk menaik taraf Hospital Kuala Kubu Baharu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini daerah Hulu Selangor tidak mempunyai hospital swasta atau kerajaan yang lain selain daripada Hospital Kuala Kubu Baharu. Sekiranya Putrajaya memiliki rasa kepedulian seperti Kerajaan Negeri maka Hospital Kuala Kubu Baharu bukanlah seperti keadaan sekarang yang serba kurang. Ramai penduduk Hulu Selangor terpaksa bersusah payah pergi ke Hospital Selayang dan Hospital Sungai Buloh yang dilengkapi dengan kemudahan pembedahan dan perubatan. Kepedulian Kerajaan Negeri bagi membantu pesakit bukan setakat melalui Skim Peduli Sihat tetapi juga melalui perkhidmatan bas percuma. Laluan perkhidmatan bas *Smart* Selangor di kawasan Majlis Daerah Hulu Selangor telah mengubah laluan asalnya dengan menambah tempat perhentian di Hospital Kuala Kubu Baharu dan di Klinik Kesihatan Rasa. Ini telah memudahkan pesakit miskin yang selama ini terpaksa menggunakan perkhidmatan kereta sewa untuk tujuan berulang-alik ke tempat pemeriksaan kesihatan. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang cukup peduli terhadap pesakit yang kurang kemampuan.

Tuan Speaker, kes-kes pencemaran sungai yang menyebabkan loji rawatan air terpaksa ditutup telah memberi kesan buruk yang sangat besar kepada rakyat Selangor. Saya teringat Jabatan Alam Sekitar (JAS) pernah melancarkan Kempen Hentikan Pencemaran Sungai pada tahun 2013. Adakah JAS masih bertindak tegas dengan menguatkuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap aktiviti yang boleh mengakibatkan pencemaran sungai berlaku. Tadi Semenyih ada kata kilang haram, kawasan industri berdekatan dengan sungai. Kesemuanya diwujudkan sebelum kita mentadbir Kerajaan Selangor dan kesemuanya mendapat ulasan yang baik daripada JAS, barulah ditubuhkan. Janganlah menyalahkan Kerajaan Negeri Selangor sekarang. Ramai orang menganggap masalah pencemaran tidak dapat diselesaikan kerana JAS yang kurang komitmen. JAS perlu mengesan dan mengambil tindakan awal sebelum pencemaran berlaku bagi mengelakkan tohmahan bahawa JAS kurang peduli terhadap aduan pencemaran. Putrajaya harus memandang serius perkara ini dan bukan mengurangkan perbelanjaan aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan JAS sebanyak RM28.5 juta atau 27% pada tahun depan. Oleh sebab kita tidak boleh berkompromi dalam perkara berkaitan pencemaran, maka saya mohon Kerajaan Negeri berbincang dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar supaya JAS memberi perkhidmatan yang terbaik untuk Selangor termasuk sentiasa memastikan Pegawai JAS menghadiri mesyuarat tertinggi

peringkat daerah dan juga mewujudkan lebih banyak cawangan bagi memudahkan kerja-kerja pemantauan. Sebagai contoh, daerah Hulu Selangor masih tidak mempunyai cawangan JAS walaupun kilang perindustrian semakin bertambah dan sungai Selangor yang membekalkan 60% sumber air mentah juga terletak di daerah tersebut. Kita perlu melindungi air sungai Selangor daripada pencemaran.

Tuan Speaker, saya menyambut baik langkah pro-aktif Kerajaan Negeri bagi menyediakan perkhidmatan air yang efisien termasuk mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) dan menggantikan paip-paip lama. Syarikat lama iaitu SYABAS menggunakan masa 5 tahun bagi mengurangkan kadar NRW sebanyak 6% daripada 38% kepada 32% pada tahun 2010. Kerajaan Selangor yang meletakkan sasaran untuk mengurangkan kadar NRW sebanyak 6% juga iaitu daripada 35% kepada 29% tetapi dalam masa 3 tahun. Persoalan sekarang ialah, bolehkan syarikat baru iaitu Air Selangor mencapai sasaran tersebut. Rakyat telah lama menunggu penggantian paip lama dan tahun 2016 sepatutnya merupakan tahun yang memberikan harapan kepada mereka. Akan tetapi jadual kerja penggantian paip banyak kali ditunda telah mengecewakan rakyat. Sebagai contoh, salah satu daripada 84 kawasan *hot spot* iaitu Kampung Asam Kumbang di Kuala Kubu Baharu telah 4 kali ditunda tarikh kerja penggantian paip lama iaitu dari Februari 2016, April 2016, Julai 2016 ke November 2016. Saya tidak pasti, kerja penggantian paip lama di Kampung Asam Kumbang akan dilaksanakan dalam bulan ini atau ditunda lagi. Apa yang saya pasti ialah penduduk yang mengalami gangguan bekalan air akibat paip lama yang belum diganti sangat kecewa kerana masih tidak dapat menikmati bekalan air yang secukupnya sepanjang masa. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri perlu memberi penjelasan yang lebih terperinci mengenai kerja-kerja penggantian paip lama bagi meyakinkan rakyat.

Tuan Speaker, usaha Kerajaan Negeri memperuntukkan RM18 juta untuk sektor pertanian dengan tumpuan pembangunan, kemudahan R&D dan latihan untuk warga tani adalah tepat pada masanya. Warga tani di Selangor memang memerlukan latihan untuk meningkatkan hasil tanaman. Cuma latihan kemahiran pertanian yang diberikan kepada warga tani biarlah lebih mesra alam dan bukan semata-mata mengurangkan kos pengeluaran pertanian tetapi menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk berhampiran. Selangor adalah negeri yang mempunyai penduduk paling ramai dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan hampir 3%. Hakikatnya taman perumahan semakin mendekati kawasan pertanian dan menimbulkan isu yang perlu diatasi. Warga tani di Malaysia telah lama digalakkan oleh MARDI untuk menggunakan baja organik terutamanya tahi ayam mentah untuk tanaman mereka. Tahi ayam mentah adalah baja organik yang termurah bagi warga tani. Akan tetapi isu bau busuk dan kebanjiran lalat akibat penggunaan baja tersebut di kebun sayur telah mengganggu keselesaan penduduk, malahan pelancong perlu dipandang serius oleh Kerajaan Negeri. Saya difahamkan terdapat juga baja tahi ayam yang telah diproses dalam pasaran. Akan tetapi warga tani masih memilih tahi ayam mentah kerana faktor kos. Sudah tiba masanya, Kerajaan Negeri melalui R&D, bagi

mencari cara penyelesaian menyeluruh terhadap baja tanaman yang harganya setanding dengan baja tahi ayam mentah. Negeri lain seperti Thailand tidak pernah menggalakkan petani menggunakan tahi ayam mentah sebagai baja. Pertanian Thailand yang dasarnya tanpa menggunakan baja tahi ayam pun sangat berjaya di peringkat antarabangsa. Saya mohon program Ladang Smart Selangor dan Kebun Rakyat adalah program tanpa baja tahi ayam mentah.

**TUAN SPEAKER** : Satu minit lagi.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Ladang Smart Selangor dan Kebun Rakyat yang tidak berbau busuk dan banyak lalat juga boleh dibangunkan sebagai satu destinasi Eco-Pelancongan memandangkan Eco-Pelancongan semakin digemari oleh penduduk bandar.

Tuan Speaker, saya mengakhiri ucapan dengan menyokong Belanjawan 2017 yang bertemakan "Membangun Bangsa dan Memakmur Negeri Ini". Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bagi Ahli Yang Berhormat semua, saya nak cuba muatkan dalam tempoh yang singkat ini seberapa banyak ADUN yang boleh. Jadi yang saya pilih kemudian, tolong usahakan ucapan perbahasan 5 minit. Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih, Tuan Speaker kerana membenarkan Taman Medan untuk bercakap walaupun 5 minit tetapi akan digunakan sepenuhnya.

Pertama sekali, Taman Medan ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang telah membentangkan Belanjawan 2017 yang mendengar serta prihatin terhadap rintihan rakyat Negeri Selangor. Pertama sekali yang menarik tentang belanjawan kali ini, belanja mengurus telah menyusut berbanding tahun sebelum ini dan belanja untuk pembangunan telah ditingkatkan bagi memastikan aktiviti ekonomi terus dirancakkan dan bagi memberi pulangan kepada rakyat Selangor.

Seperkara lagi yang menarik adalah skim yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri setakat ini adalah skim yang memberi keuntungan dan manfaat secara langsung kepada rakyat. Ini telah ditunjukkan dalam skim-skim yang telah pun dijalankan sebelum ini sejak tahun 2009 sehingga ke hari ini, juga skim yang akan dilancarkan pada tahun 2017.

Taman Medan ingin mengambil perhatian terhadap Program Dialisis Rakyat bawah strategi yang kedua iaitu menjamin perlindungan dan mensejahterakan rakyat. Taman Medan menyambut baik di mana peruntukan ini ditambah bagi memastikan lebih ramai mendapat manfaat. Hanya Taman Medan ingin mencadangkan di samping kaedah atau pun kos rawatan untuk dialisis ini ditambah, perlu juga

diadakan program pencegahan dan intervensi agar pesakit buah pinggang ini dapat dikurangkan dan seterusnya dapat menjimatkan perbelanjaan di masa akan datang.

Perkara berkaitan dengan Program Ceria juga satu pengumuman yang disambut baik. Ini menunjukkan bahawa kesengsaraan dan juga kesukaran bagi pihak Pengurusan Bangunan bagi Pangsapuri Kos Rendah telah mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri. Dengan itu, kita melihat ada peruntukan tambahan daripada RM25 juta meningkat kepada RM55 juta bagi memberi keselesaan kepada penghuni Pangsapuri Kos Rendah khususnya dalam menyelenggara lif. Taman Medan ingin mencadangkan apabila dilaksanakan, usaha memberi keselesaan ini, belanjawan atau pun peruntukan tambahan tersebut diagihkan kepada pangsapuri-pangsapuri yang memerlukannya. Mungkin RM30 juta ini agak sedikit, jadi Taman Medan berharap dikenal pasti semua Pangsapuri Kos Rendah yang memenuhi syarat tersebut, dibaiki lif atau pun diselenggara lif di pangsapuri tersebut. Jadi sekiranya perlu ditambah lagi, maka Taman Medan rasa tidak ada masalah bagi Kerajaan Negeri.

Yang seterusnya, Negeri Selangor menuju ke arah komuniti perbandaran. Oleh itu, kesejahteraan komuniti bandar perlu ditingkatkan dan diberi perhatian yang serius. Dengan itu, pertambahan peruntukan berjumlah RM19.5 juta itu mungkin langkah awal untuk pembangunan komuniti bandar dan ini khusus bagi menaik taraf Dewan-dewan Orang Ramai dan juga pasar-pasar umum bagi penduduk yang tinggal di kawasan bandar. Seperti mana yang kita ketahui, Dewan Orang Ramai merupakan satu-satunya tempat berkumpulnya komuniti bandar bagi aktiviti kemasyarakatan dan sosial. Oleh itu, adalah sangat penting bagi Dewan-dewan Orang Ramai ini dinaiktarafkan dengan kemudahan yang wajar bagi penduduk yang tinggal di kawasan bandar. Taman Medan juga ingin mencadangkan dibina pasar baru bagi kawasan Petaling Jaya khususnya di bandar lama Petaling Jaya kerana pasar merupakan tarikan kepada kawasan lama tersebut dan dengan wujudnya sebuah pasar.....

**TUAN SPEAKER** : Taman medan, satu minit.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Dengan wujudnya sebuah pasar yang berkonsepkan pasar moden, maka ini akan menghidupkan kembali sebuah kawasan yang telah lama tidur.

Taman Medan juga menyambut baik cadangan Kerajaan Negeri bagi 12 PBT di Negeri Selangor membelanjakan rizab sebanyak RM1.9 bilion untuk kerja-kerja pembangunan di kawasan yang mereka selia. Taman Medan sangat berminat untuk mengetahui apakah jumlah rizab yang ada bagi PBT-PBT tersebut supaya boleh dikemukakan, cadangan pembangunan yang wajar bagi kawasan yang diselia oleh PBT yang berkaitan. Seterusnya pemulihan, terpaksa skip.

Jadi, Taman Medan memilih untuk bercakap tentang Institut Wanita Berdaya. Walaupun ia belum diwujudkan tetapi Taman Medan ingin mencadangkan Institut Wanita Berdaya ini setelah ia diwujudkan mengkaji dasar atau pun pendekatan bagaimana mengoptima penglibatan kaum hawa dalam pasaran pekerjaan setara dengan bilangan graduan wanita yang telah keluar di Institut Pengajian Tinggi Awam dan juga swasta di dalam negara ini. Begitu juga menyediakan sistem sokongan bagi kaum hawa untuk merasa selesa dan selamat keluar bekerja kerana mereka yakin anak yang mereka tinggalkan ada pihak bertanggungjawab menjaga dan memastikan anak-anak ini mendapat perhatian dan juga kasih sayang. Kedua Institut Wanita Bersaing Berdaya ini juga boleh melihat bagaimana keselamatan wanita dan juga gadis dapat diselamatkan daripada keganasan domestik juga seksual yang begitu menjadi-jadi kebelakangan ini. Yang terakhir di bawah tajuk *Sport Tourism*. Walau sekiranya International Malaysian Marathon pada 2015 telah menarik begitu ramai penyertaan kaum hawa seluruh merata dunia. Taman Medan ingin mencadangkan satu lagi perkara yang mungkin lebih menarik boleh membawa ratusan ataupun ribuan pelancong ke negara ini iaitu menyediakan kemudahan sukan khusus bagi kaum wanita. Iaitu kompleks sukan yang dilengkapi peralatan sukan juga ruang bagi kaum wanita bersukan mengikut selera dan cita rasa golongan wanita. Jadi saya percaya pelancong yang begitu ramai datang dari Timur Tengah akan memilih Malaysia kerana mereka mempunyai satu lagi kelebihan ataupun kemudahan yang boleh dinikmati iaitu kemudahan sukan khusus untuk wanita. Akhir sekali Taman Medan ingin mencadangkan bagi pemberian ataupun pembelian rumah Selangorku dan golongan yang tidak dapat pinjaman ya penolakan pinjaman oleh bank-bank tempatan. Diberi peluang untuk mendapat pembiayaan daripada dana sel didapati Dana sel ini tidak walaupun telah diwar-warkan di dalam portal kerajaan negeri belum lagi dilaksanakan sepenuhnya. Jadi Taman Medan telah mendapat permintaan dan juga rungutan daripada pihak awam yang menghadapi masalah pinjaman daripada bank tetapi tidak boleh juga membuat pinjaman daripada DanaSel. Jadi Taman Medan mohon supaya ini diberi perhatian dan sebelum Taman Medan mengundur diri sekali lagi diucapkan terima kasih kerana kerajaan negeri mendengar segala cadangan dan juga rintihan sebelum ini dan dikeluarkan dalam cadangan Belanjawan Tahun 2017 bagi negeri Selangor. Dengan itu Taman Medan menyokong usul Belanjawan Tahun 2017. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil 5 minit.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh*. Salam sejahtera. Salam perpaduan. Salam satu Selangor. Salam 1 Malaysia. 5 minit juga. Saya nampak skrin tu nampak besar. Mungkin mungkin tu skrin salah. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk perbincangan bajet Selangor Tahun 2017. Terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar ucapan bajet yang lebar bak kata Kampung Tunku ucapan bajet Y.A.B. Perdana Menteri jam lebih 2 jam setengah dalam beberapa aspek banyak mengambil dalam Putrajaya sebagai *Best Match* sesuatu

yang baik. Ini bagus saling lengkap melengkapi kerajaan negeri bantu kerajaan negeri pusat bantu lebih banyak lagi. Dalam aspek yang lain tidak kurang juga menindak dan melecehkan bajet yang dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri. Meskipun banyak manfaat berbilang bangsa di negara Malaysia yang tercinta ini. Contoh yang paling ketara MB begitu bangga dengan deposit RM900 juta dibentangkan dengan anggaran berjumlah perbelanjaan RM3.45 Bilion. RM1.65 Bilion belanja mengurus 4.8%. RM1.8 Bilion belanja pembangunan dan RM5.5%. Dalam masa yang sama memperlekehkan bajet persekutuan hanya memperuntukkan 18% untuk belanja pembangunan. Saya ingin maklumkan pada dewan yang mulia dan seluruh rakyat negeri Selangor untuk Tahun 2017 kerajaan pusat ditadbir oleh Barisan Nasional memperuntukkan lebih daripada RM2.5 Bilion untuk peruntukan bajet pembangunan negeri Selangor sahaja. Lebih RM700 juta RM1.8 Bilion yang dibentangkan oleh Y.A.B. Menteri Besar tetapi walaupun 18% peruntukan pembangunan Persekutuan RM2.5 Bilion diberi kepada Negeri Selangor. RM700 juta lebih tinggi ini tidak termasuk RM600 juta MARRIS yang itu dah masuk belanja mengurus daripada kementerian kewangan dan lain-lain peruntukan terus kepada kerajaan negeri seperti dalam Perlembagaan pemberian khas tahunan geran pada PBT dan lain-lain. Jadi saya hendak beri contoh 2016

**TUAN SPEAKER** : Dengkil lagi 5 minit tak nak masuk isu Dengkil tak.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Ok, itu nanti dalam jawatankuasa. *Insyah-Allah*. 2016 dalam peruntukan negeri Selangor diberikan oleh kerajaan persekutuan RM2.3 Bilion 2017 naik RM2.5 Bilion. Pendidikan Prasekolah RM1.6 juta sekolah rendah RM22 juta, sekolah Menengah RM24 juta. Sekolah Universiti Pelajaran Tinggi RM55 juta. Jalan raya dan jambatan RM311 juta. Perubatan dan kesihatan RM229 juta. Pertanian Bekalan Air juga ada RM60 juta dan lain-lain lagi. RM1.2 Bilion iaitu termasuk pembetulan perolehan kelengkapan dan bangunan pejabat. Tuan Speaker ini bajet yang diberikan oleh kerajaan persekutuan kepada negeri Selangor walaupun.....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta penjelasan sikit

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tuan Speaker boleh tambah masa

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak ada..minta...minta sebab...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya ada dua tiga lagi isu ini. Lepas itu nanti....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta sikitlah...sikitlah...jelas...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Nanti minta MB jelaskan..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta..minta sikit boleh..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : kejam...kejam...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak boleh

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Pembetulan perolehan pembangunan pejabat ini semuanya berjumlah RM2.5 Bilion ini maksudnya kerajaan persekutuan tidak menganaktirikan negeri Selangor RM2.5 Bilion. Ini jadi pembangkang kalau nanti kami jadi kerajaan negeri lebih banyak lagi peruntukan kerajaan persekutuan diberikan kepada kerajaan negeri. Usul isu saya yang kedua.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : So ini Dengkil tiada *double standard*

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta...minta...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Ok...tak payah...tak payah...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : isu seterusnya yang saya hendak bangkitkan ini isu penting iaitu mengenai isu di kawasan saya di Paya Indah Wetland. Ia melibatkan ketelusan dan integriti Gabenor Negeri yang menuntut penjelasan yang menyeluruh lagi meyakinkan daripada kerajaan negeri. Barang diingat ia bukan ditimbulkan oleh kami barisan pembangkang. Malah ia dalaman daripada ahli ataupun bekas ahli parti Y.A.B Menteri Besar sendiri.

**TUAN SPEAKER** : 1 minit...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Mereka menyatakan bahawa lot tanah 68054 berdekatan Indah Paya Wetland telah berubah status daripada pertanian kepada perumahan. Walaupun dikatakan 3 Menteri Besar terdahulu atau yang lebih tepat lagi di masa pentadbiran Pelabuhan Klang telah tidak meluluskan penukaran status tanah kawasan tersebut atas alasan tertentu. Mereka juga mengatakan urusan permohonan tukar status tanah

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta penjelasan sikit ...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Ada hubungan kait dengan urusan pengambilan ...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Minta penjelasan sikit Y.B. Dengkil cuma hendak *confuse* kan dewan

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya tidak benarkan nanti saya minta kerajaan negeri jawab. Memandangkan ia melibatkan syarikat pemilikan tanah



yang sama iaitu GAMUDA Bhd. *Is the bad a deal* (dengan izin) *badly* ataupun *situation* ataupun penggandaan dibuat harap kerajaan negeri dapat penjelasan. Yang ketiga

**TUAN SPEAKER** : Dengkil masa dah habis. Tak baca kenyataan SELCAT.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Mereka juga mengatakan

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya hendak penjelasan sikit je daripada Menteri Besar . Mereka juga mengatakan

**TUAN SPEAKER** : 1 minit ye..Dengkil

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Ok. Terdapat polobi politik daripada parti PKR sendiri yang menghantar *whatsapp kerana semua EXCO-EXCO* supaya memberi sokongan kepada permohonan tukar status tanah di kawasan tersebut. Ini satu tuduhan-tuduhan yang amat berat.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Speaker minta mencela. Ini satu perkara tuduhan jahat

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Sebab itu ini satu tuduhan..satu tuduhan ya

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Ok. Sebab ini satu tuduhan yang tidak betul

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Satu tuduh yang amat berat lebih-lebih lagi status tanah tersebut

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Beri lalu beri penjelasan kena bagi sebab tuduh

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya memohon Y.A.B. Menteri besar menjelaskan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Peraturan Tetap

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Menjelaskan isu ini

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Dalam isu ini sebaik-baik mungkin

**TUAN SPEAKER** : Dengkil...Peraturan Tetap

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Masalah rakyat di luar sana

**TUAN SPEAKER** : Dengkil....

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Ketelusan dan integriti di negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Ya..Sekinchan. Peraturan Tetap Dengkil..Peraturan Tetap Dengkil. Peraturan Tetap dibangkitkan. Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Peraturan Tetap 36(6). Seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada ahli PKR. Tidak boleh mengeluarkan kenyataan ini Sri Muda pun PKR. Jadi ini sangkaan jahat. Kena tarik dulu..tarik balik dulu..tarik...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Bukan tuduhan saya..tuduhan mereka..tuduhan mereka

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Dengkil yang cakap..jadi kena tarik balik..

**TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Ok ada tuduhan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tarik balik dulu kalau tak tarik saya tak duduk. Tarik balik dulu..

**TUAN SPEAKER** : Dengkil...Dengkil

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya tarik balik

**TUAN SPEAKER** : Saya arahkan Dengkil dengan Sekinchan duduk. Sebenarnya jawatankuasa SELCAT sebahagian pada Dewan *extension* pada Dewan telah mengeluarkan kenyataan media berkenaan perkara ini. Jadi...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tak ada

**TUAN SPEAKER** : Dengkil tak baca. Minta Permatang bagi satu salinan nanti.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tiada ada penjelasan tak *clean* Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Tak apa saya percaya Dengkil telah bangkitkan tadi kerajaan telah maklum. Saya hendak bagi Adun lain bahas.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : *Last*

**TUAN SPEAKER** : Masa dah habis.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Apa lagi dah habis tu

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Akhir sekali..akhir sekali saya ingin mengingatkan Menteri Besar

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Apa lagi

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Supaya

**TUAN SPEAKER** : Dah habislah Sri Muda

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Sabar..sekejap lagi Sri Muda Bahas. Setiausaha Politik tak payah berucap pun tak apa. *Direct* dengan Menteri Besar sahaja. Supaya terus menjalankan amanah yang dipikul dengan jujur, ikhlas dan bertanggungjawab. Jangan terlalu banyak berpolitik, jangan keluarkan politik *testmen* UMNO sabotaj dan sebagainya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Memang betul pun..memang *nawaitu* betul..

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Kepada usaha dan fokus untuk mengkhidmati negeri dan rakyat negeri Selangor. Kami buat masa ini...buat masa ini menjadi pembangkang sebelum PRU 14 ini. *Insyah-Allah* nanti ada rezeki bertukar tangan seperti mana sebelum-sebelum ini sejak di tahun-tahun lalu akan terus menjadi pembangkang yang berhemah, matang, bertanggungjawab tidak akan sesekali keluar dewan semasa ucapan bajet yang amat penting untuk rakyat negeri Selangor. Kerana itu kami menitik beratkan soal rakyat didahulukan pencapaian diutamakan. Salam 1 Selangor, salam 1 Malaysia.

**TUAN SPEAKER** : Kinrara 5 minit tolong.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat oleh sebab hanya 5 minit diberi kepada saya seterusnya masuk ke isu yang saya ingin bangkitkan. Kinrara memuji dan menyambut baik dasar kerajaan negeri dalam meningkatkan peruntukan bagi program Dialisis daripada RM1.7 juta kepada RM5 juta pada tahun 2017. Walaupun bagaimanapun saya merasa risau kepada angka jumlah pesakit pinggang kronik yang begitu tinggi sekali (dengan izin). Oleh itu saya menyarankan Kerajaan Negeri untuk mengadakan banyak kempen kesedaran kesihatan untuk mengawal jumlah pesakit pinggang kronik yang semakin meningkat. Tuan Speaker skim peduli siswa dicadangkan terbuka kepada pelajar di beberapa universiti. Kinrara ingin bertanya kenapa (UM) Universiti Malaya tidak ada dalam senarainya. Selain itu di KL dah jawab ini selama ini kerajaan negeri telah membuat

perbagai dasar untuk memperkasa bidang pendidikan selaras dengan matlamat dan pembangunan modal insan kerajaan negeri melalui MES telah menyediakan hadiah anak masuk Universiti di setiap anak Selangor yang menerima tawaran untuk melanjutkan pengajian tinggi. Kinrara ingin mencadangkan di dewan yang mulia ini supaya program hadiah anak masuk universiti akan diteruskan dengan tambahan daripada RM1000 kepada RM1500 bagi membolehkan para siswa atau siswi menggunakan insentif ini untuk membeli *laptop* bagi kegunaan pelajaran. Ini adalah satu permintaan yang saya selalu terima bahawa RM1000 memang tidak cukup untuk membeli sebuah *laptop*. Kinrara juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana baru-baru ini telah melancarkan dua laluan perkhidmatan bas Smart Selangor di Kinrara Puchong. Kinrara menyambut baik pertambahan peruntukan bas Smart Selangor kepada RM20 juta. Saya mencadangkan supaya satu lagi laluan daripada kawasan Puchong ke Hospital Serdang dapat disediakan untuk mengatasi masalah ketiadaan hospital awam di kawasan Puchong.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pengguna jalan raya Selangor kini boleh melaporkan lokasi yang berlubang atau *pot holes* melalui aplikasi *WAZE*. Ini merupakan satu inovasi yang sangat *smart* terhadap sektor perkhidmatan awam di mana para pengguna jalan raya diberi ruang untuk memanjangkan aduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi dua tujuan ini, Kinrara menyarankan PBT yang terlibat iaitu MBPJ, MPSJ, MPAJ dan MPKJ supaya bersiap sedia dan memastikan agar lubang jalan dapat diperbaiki dalam tempoh yang ditentukan. Tidak guna sekiranya aduan diterima dan tindakan tidak diambil segera. Kinrara juga ingin membangkitkan satu aduan daripada penduduk Puchong dan Subang Jaya iaitu hampir 20 menara Telco yang baru akan dibina di kawasan lapang yang berdekatan dengan kediaman mereka. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri bagaimana boleh, bagaimana kelulusan TOL boleh diberi kepada satu syarikat sahaja di MPSJ dan apa polisi Kerajaan Negeri terhadap pembinaan menara Telco. Satu isu lagi yang saya ingin sentuh adalah tentang permohonan Rumah Selangorku. Saya mencadangkan agar permohonan dibenarkan untuk pemohon dibenarkan untuk memilih mengikut projek. Projek Rumah Selangorku dan bukan mengikut daerah. Lokasi yang sesuai atau berdekatan dengan tempat kerja adalah penting bagi memastikan rumah Selangorku diduduki oleh pembeli sendiri.

Dan akhir sekali, saya ingin mengongsikan satu blog iaitu *Milo Suam*. Blog *Milo Suam* yang telah membuat perbandingan kedua-dua bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor dan Perdana Menteri. Saya tertarik dengan perbandingan ini yang membandingkan reaksi penonton *Facebook live* melalui simbol emosi yang dipilih oleh penonton. Reaksi orang ramai terhadap pembentangan belanjawan Selangor dilihat sangat positif daripada kira-kira 10,000 reaksi yang telah diberi oleh penonton pada *Facebook*, *Facebook live* lebih daripada 80% telah menunjukkan reaksi positif iaitu rasa suka, *like!*

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Itu semua VVIP je yang buat macam tu.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Rasa sangat suka, *love, love our MB*.

(Ahli dewan bersorak)

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Manakala reaksi mereka..

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BT BOHAN** : Dapat projek banyak tu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : VVIP PKR je yang buat. Kipas, kipas.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BT BOHAN** : Kipas, kipas.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Adalah kecil iaitu 1.5% peratus sahaja. Sebaliknya tentang Bajet 2017..

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BT BOHAN** : Yang MB .. cun lah tu.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Yang dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 21 Oktober yang lalu..

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Minta penjelasan sikit boleh?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Jelas sekali..dah lampu merah dah. Lampu dah merah dah, duduk..duduk.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : *Milo Suam* tu memang pro pembangkang macam Malaysiakini juga. Apa nak hairan?

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Jelas sekali Bajet Persekutuan ditolak oleh rakyat dan menerima reaksi yang sangat negatif. Daripada 60,000 reaksi yang telah diberi oleh penonton yang mengikut *Facebook live* hampir 50% telah menunjukkan reaksi negatif iaitu memilih simbol marah dan sedih. Ini telah membuktikan bahawa rakyat lebih gemar dengan belanjawan Selangor 2017 yang mempedulikan rakyat dan tolak bajet ikat perut yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Setiap yang hilang kita cari, setiap yang cicir kita pungut. Yang kerajaan pusat gagal, Kerajaan Negeri Selangor akan jayakan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Calon EXCO juga ni.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Dengan itu, Kinrara menyokong Belanjawan Selangor 2017. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Dusun Tua, 5 minit ya. 5 minit ya.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera. Izinkan saya untuk memetik beberapa ayat Quran sebagai amaran Allah dalam surah Ali-Imran Ayat 26 (Ayat Al-Quran). Wahai tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan. *Engkau lah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau lah yang mencabut kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau lah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki dan Engkau lah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkau lah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau maha kuasa atas tiap-tiap sesuatu.* Terima kasih Tuan Speaker.

Kita syukur kerana menjadi rakyat Negeri Selangor kerana Negeri Selangor sekarang ini ke arah yang digelar *Baidatun Toyibattun Warabbun Ghafun*. Ini terbukti apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita membentangkan bajet pada 31hb yang lepas berjumlah RM3.450 bilion. Rakyat sebenarnya melihat di luar sana bahawa bajet yang dibentangkan ini diharapkan supaya boleh memberi manfaat kepada golongan-golongan sasaran. Ini yang seperti mana, yang kita tengok, bajet yang didasari 5 strategi ini. Yang mana saya ingin menyentuh dua strategi sahaja kerana masa terlalu singkat. Iaitu yang pertamanya, strategi, yang kedua, sektor pertanian. Yang mana dilihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu ingin sangat melihat negeri Selangor ini negeri yang betul-betul dianggap satu negeri yang boleh dipanggil negeri yang banyak mengeluarkan hasil-hasil pertanian berjumlah RM7.3 juta telah diberikan kepada sektor pertanian ini. Kita harapkan supaya bajet sebanyak ini mestilah dilimpahkan kepada semua tempat daerah yang kalau boleh kita ingin melihat daerah-daerah yang sepatutnya diberi keutamaan. Dan saya tidak jemu-jemu setiap kali bila dewan ini mengatakan bahawa di Dusun Tua, tanah Kerajaan banyak tanah kosong banyak. PKPS di Semungkis Batu 14, beberapa kali dah saya beritahu bahawa tanah ini cuba diberikan kepada penduduk setempat untuk usaha-usaha yang dibuat. Sama ada Program Belia Tani ataupun apa juga yang menyumbang kepada Kerajaan Negeri. Maka ini tidak dapat diberikan kepada pihak-pihak yang ingin memajukannya. PKPS contohnya dekat 400 ekar tanah di Semungkis, sehingga sekarang menjadi hutan yang dipanggil hutan simpan sepatutnya tanah itu mesti dimajukan. Pokok-pokok yang ada di situ sekarang ini hampir 3 pemeluk, 2 pemeluk. 40 tahun, 50 tahun tanah itu tidak diusahakan oleh PKPS. Saya menyarankan dalam dewan supaya tanah yang ada 400 ekar ini apa salahnya kita berikan kepada belia-belia, kepada Ketua-ketua Kampung untuk mereka usahakan tanah ini dan *Insyaa-Allah* saya yakin mereka berminat untuk mengusahakan tanah ini ya.

Dan yang kedua, oleh sebab masa terlalu singkat 5 minit sahaja. Yang kedua saya ingin menyentuh strategi yang kelima iaitu pelancongan. Yang mana, industri

pelancongan ini diberikan peruntukan sebanyak RM7.75 juta iaitu diberikan kepada Tourism Selangor. Lagi sekali saya menyentuh tentang pelancongan ini. Di Dusun Tua ada banyak tempat sekarang ini menjadi tarikan orang luar untuk mereka pergi ke Dusun Tua untuk mandi-manda di sana. Malahan setiap minggu dilihat Dusun Tua ini menjadi satu *port* untuk orang ramai kayuh basikal, termasuklah tak silap saya EXCO PBT kita iaitu Y.B. Ean Yong. Saya jumpa beliau 2-3 kali mengayuh basikal di Dusun Tua ini. Jadi, seperti di Sungai Congkak, seperti di Sungai Gabai, seperti di Sungai Congkak, Sungai Gabai dan juga..bukan Sungai Petali, Sungai Petali, Cempedak ya. Jadi saya terlupa yang lagi satu sungai. Ini semua tempat-tempat yang patutnya sekarang ini telah dimajukan. Di Sungai Congkak kita tengok. Di sana ada pejabat Tourism Selangor tetapi mereka saya nampak seolah-olah macam tidak ingin membangunkan sangat tempat itu sedangkan di Sungai Congkak itu kalau dibangunkan dengan strategi yang betul saya menjangkakan bahawa ramai lagi orang yang akan datang dan kita, chalet-chalet yang ada di tepi sungai itu sekarang ini sepatutnya telah dipulih ganti, ditukar dengan chalet-chalet yang lebih cantik dan manfaat kepada pengunjung-pengunjung di Sungai Congkak setiap hujung minggu.

Jadi, saya lagi sekali mengucapkan terima kasih terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana membentangkan bajet yang cukup memberi manfaat kepada rakyat negeri Selangor dan *Insyaa-Allah* saya yakin bahawa kalau ini dapat kita beri sama rata memanfaatkan maka kita anggap negeri Selangor, negeri seperti mana yang kita sebutkan tadi dan saya menyokong Bajet 2017. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Speaker

**TUAN SPEAKER** : Permatang. 5 minit.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih. *Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh*. Yang Berhormat Speaker memberi ruang yang rugi juga ambil akhir-akhir ini. Jadi, saya ada 2 isu yang nak dibawa. Oleh sebab saya tengok dalam jadual atur cara dewan ada usul mengenai air oleh Yang Berhormat Balakong, saya ingat saya tangguh untuk pergi kepada sesi yang berkenaan. Ok, perkara yang seterusnya saya dengan rendah hati lah dalam beberapa minit yang ada ini, pertama saya nak ingatkan kepada diri saya dan juga rakan-rakan Ahli Dewan walaupun dalam Peraturan Tetap kita tak menyebut mengenai Perkara 36 mengenai bersangka jahat kepada Ahli-ahli bukan dewan tapi saya nak ingatkan diri saya lah khususnya kepada Yang Berhormat Sekinchan Kampung Tunku, jadi dalam kita berbahas hendaklah secara jujur, kita tidak, dan elakkanlah menggunakan perkataan-perkataan yang tidak baik. Menggelarkan perkataan-perkataan yang boleh membawa kepada rasa penghinaan kepada mana-mana individu walaupun dia bukan Ahli Dewan ok. Contoh, menggelarkan *Noh Udang* ataupun menggelarkan *Bapa Perompak, Bapa Penyamun*. Jadi, saya fikir itu satu sifat yang amat tidak baik

dan bertentangan. Saya percaya semua agama, semua bangsa tidak bersetuju dengan cadangan berkenaan sebab saya fikir satu hari nanti Yang Berhormat Sekinchan dan juga Yang Berhormat Kampung Tunku jadi orang baik masuk MCA tapi dewan tetap mencatatkan *hansard* itu tetap apa Yang Berhormat katakan. Kita terus sahaja. Terus sahaja. Saya tak bagi. Jadi,

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya mohon maaf. Saya tarik perhatian. Nak tanya. Saya tidak sebut *perompak*. Saya sebut *kleptocrate*, *kleptocrate*, *kleptomaniac*. Saya tak sebut *perompak* pun.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Sebab Speaker, dah terbukti apabila kita menggelarkan orang..nanti, saya tak bagi dahulu. Nanti Yang Berhormat

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Sikit sahaja.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Bila orang sebut maha firaun, sebut maha zalim, maha penyamun. Hari ni yang maha tu jadi kawan baik. Bak kata orang kampung saya cium mulut. Yang maha juga dulu sebut *bapa racist* tapi hari ini berpeluk kerana kepentingan. Jadi, kena ingat *hansard* tetap akan dicatat dan dibaca oleh rakyat sampai akan datang. Jadi, kalau esok jadi baik masuk MCA pun akan ada catatannya tu. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pergi satu sahaja lah memandangkan ini saya menyebut, yang ini saya kena bawa di dalam dewan ini mengenai usul, bukan usul, mengenai isu setempatlah. Pada 19 Ogos, 9.00 pagi di Dewan Serbaguna, Dewan Haji Omar Bukit Belimbing. Saya melihat dalam catatan yang dikeluarkan ini bahawa Kerajaan Negeri meluluskan proses pemberian surat kelulusan dan Borang 5A Kampung Sg. Yu Mukim Ujung Permatang dalam kawasan saya. Saya secara peribadi mengalu-alukan ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang dapat membantu menyelesaikan masalah di kawasan ini. Yang saya nak sebutkan sikit bahawa yang menerimanya seramai 175 orang pemohon iaitu seramai 154 orang India 20 Melayu dan seorang Cina dengan keluasan minima 48 meter persegi 748 meter persegi. Saya ucap terima kasih atas pemberian dan saya pernah bangkit berkali-kali dalam Dewan ini supaya perkara ini diselesaikan dan dah selesai dan cuma menjadi masalah kepada rakyat adalah saya nak kan supaya catitan ini dibuat dalam *handsard* dewan saya nak bertanya kepada Kerajaan Negeri apa dan bagaimana kriteria pemilihan peserta-peserta yang layak menerima ini sebab banyak aduan yang saya terima daripada penduduk setempat dari segi menerima keluarga yang menerima ada yang kata 1 keluarga sampai 10 orang ahli keluarga yang sama bin anak-anak lelaki yang sama menerima ada yang kata pula bukan orang miskin doktor pun dapat jadi saya nak minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri dengan jujur supaya nanti saya boleh jelaskan kepada rakyat dalam kawasan ini asas kriteria kenapa mereka di pilih dan satu lagi kena jelaskan apakah menerima seramai 175 orang ini benar-benar penduduk tempatan dan pengundi di Tanjung Karang ataupun DUN Permatang. Sebab dalam jawapan yang pernah diberi oleh kerajaan yang diberi kepada saya asas pemilihan ialah orang yang



miskin, penduduk tempatan yang tidak ada tanah yang terdiri daripada orang miskin ramai bekas-bekas pekerja ladang yang tinggal di kawasan setinggan yang tinggal dengan keluarga dan saya nak pemberian ini jelas dan di jawab dengan jujur oleh kerajaan sebagai asas dan kita boleh jelaskan dan juga walaupun sebelum ini adalah hero-hero datang. Hero daripada kawasan Yang Berhormat ada, Kota Alam Shah, bekas Adun datang jadi hero tapi saya ucap terima kasih lah bagi nak membantu kita boleh nak terima bantuan itu daripada Ketua Cabang Kuala Selangor datang juga nak bantu saya terima itu satu perkara yang boleh kita tiada masalah asalkan jawapan yang jujur daripada kerajaan mesti diberi supaya rakyat jelas dan pemberian ini adil dan sesuai dengan apa yang kerajaan pernah ucapkan kemudian berdasarkan kriteria yang sepatutnya. Jadi Yang Berhormat Speaker Pematang bagus merah dia berhenti. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda. Sri Muda 5 minit.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFEI** : Oh ingatkan nak tanya tadi. Ok terima kasih Yang Berhormat Speaker. 5 minit sahaja macam mana nak gulung.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda bahas.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFEI** : Saya nak bahas apa yang disebut yang pertama sekali terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker saya nak respons apa yang disebut Dengkel tadi sebelum saya pergi sikit kepada perbahasan saya, saya kena berucap juga sebab dalam kawasan saya Dengkil ada Exco Kerajaan Negeri ada Speaker Dewan Negeri jadi dia nak tengok wakil rakyat dia berucap jadi kena berucap jadi hari ini berucap atas kapasiti Ahli Dewan Negeri Sri Muda itu yang pertama. Yang kedua Yang Berhormat Tuan Speaker saya nak mengucapkan tahniah kepada Bukit Lanjan tadi telah memuji berkenaan dengan Menteri di peringkat pusat yang begitu prihatin yang menunjukkan keikhlasan berkaitan dengan isu sabotaj air di Negeri Selangor saya nak nyatakan dalam Dewan yang mulia ini lah mentaliti Menteri daripada PBB mereka *open* terbuka kita kena iktiraf akan sikap dan juga profesionalisme mereka berbanding dengan Menteri yang lahir daripada UMNO. Mereka sangat teruk setuju Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Rosak.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFEI** : Rosak. Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker saya nak membawakan sedikit perbahasan Belanjawan yang telah dibentangkan Dato Menteri Besar memang setiap tahun kalau kita dapati Belanjawan di Negeri Selangor adalah Belanjawan yang sentiasa dinanti-nantikan oleh pihak rakyat di Negeri Selangor dan di luar dari Negeri Selangor. Ini adalah kerana walaupun jumlah kita tidak besar hanya sekitar RM3.45 bilion dan kalau nak di buat perbandingan dengan apa yang diperolehi oleh pihak kementerian di peringkat persekutuan jumlah itu sangat lah kecil tetapi oleh sebab pengurusan dan

pentadbiran kita serta pecahan kepada rakyat telah membuatkan bajet ataupun belanjawan yang di bentangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor diberi perhatian yang sangat luar biasa seperti yang disebut oleh Kinrara tadi 10 ribu senyum lebar itu tidak termasuk lagi orang-orang yang mengundi secara *online* yang masam muka mungkin geng-geng pembangkang. Kemudian apa yang kita lihat Kerajaan Negeri dilihat lebih ikhlas lebih bersungguh-sungguh membantu rakyat tidak seperti mana yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan di mana menteri kewangan hanya sekadar beretorik sahaja cakap sahaja nak bagi itu nak bagi ini tetapi realitinya hanya 18% di peruntukan untuk belanja pembangunan berbanding dengan Kerajaan Negeri 52% dikhususkan untuk pembangunan tetapi saya pun terkejut seperti mana Kajang terkejut pagi tadi. Sepatutnya wakil rakyat gembira kalau pembangunan itu diberikan banyak tapi pembangkang di Selangor terkejut sebab dibagi banyak terbalik saya tidak faham kenapa itu berlaku sepatutnya kita bersyukurlah kerana pembangunan lebih baik lebih banyak tetapi pembangkang semalam ada kenyataan akhbar mempersoalkan pula kenapa ada pembangunan yang sebegini besar sampai 52%. Saya tidak terjanga itu keluar daripada mulut pembangkang kata baik kata bagus ini bagus pun tidak puji yang 18% pembangunan pula nak dipuji. Ya Dengkil sila kan. Sila kan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Baru saya cakap tadi RM1.8 bilion je projek daripada *state government* walaupun 18%, RM2.5 bilion di peruntukan kepada Kerajaan Negeri Selangor tidak masuk lagi projek besar Mega, MRT, LRT, BRT MARIS dan macam-macam lagi apa pandangan Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Baiklah kita boleh .

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Kita ucap terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan Sri Muda dan saya nak dengar dari hati naluri sendiri Sri Muda mengucapkan terima kasih .

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Nanti dulu saya akan pergi ke kalau ada masa ya tapi saya nak sebutkan walau, walaupun jumlah kita kecil hanya 3.45 bilion dia boleh diumpamakan seperti ini. Walaupun seseorang yang kaya itu ada duit seribu ringgit dia memberi nilai lima puluh ringgit untuk derma dibandingkan dengan orang yang ada RM2.6 bilion dia hanya beri seribu daripada segi peratusannya walaupun ada RM1000.00 dia bagi lima puluh peratusannya tinggi tetapi yang dibagi yang ada RM2.6 bilion dia hanya derma RM100 daripada segi peratusannya kecil jadi saya nak sebut walaupun Selangor ini bajetnya kecil tidak sama macam yang berhormat Dengkil sebut di peringkat persekutuan tetapi kita lebih ikhlas lebih jujur dalam membantu rakyat di Negeri Selangor itu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya nak mintak penjelasan.

**YB. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tidak apa.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sekejap. Sekejap. Saya minta sedikit penjelasan Sri Muda.

**YB. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Jadi apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Sri Muda boleh minta sedikit penjelasan

**YB. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Silakan Sekinchan.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Semalam lebih tiga jam tidak cukup ke.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya nak minta penjelasan walaupun dia ada diumpamakan tadi ada RM2.6 bilion kenapa apa yang rasionalnya dia naikkan harga minyak dua minyak naik apa rasionalnya.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Sebab itu Yang Berhormat Sekinchan saya sebut tadi kalau betul Kerajaan Persekutuan ikhlas nak bantu rakyat dia tidak patut naik harga minyak dia tidak patut dikenakan GST.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Boleh minta penjelasan

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Bagi minta habis dahulu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ke masa dah habis.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Dan juga. Belum ada lagi

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Orang lain nak juga

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Duduk dulu. Bagi habis Sekinchan dahulu. Jadi maknanya walaupun kalau disebut oleh Sekinchan tadi maknanya pembangkang kalau betul-betul ikhlas membantu Negeri Selangor ini jangan lah membuat sesuatu yang pelik. Ini macam waktu semalam sebagai contoh Demo dia boleh baling baldi masuk dalam Dewan Negeri adalah lebih baik baldi itu dihantar ke kawasan tadah air boleh orang pakai. Hantar

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Penjelasan mohon penjelasan minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tetapi.

**Y.B DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Macam-macam

**Y.B DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Ini adalah ketidak kepuasan rakyat kerana air tiada.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Y.B setuju ke baldi itu dihantar ke pekan

**Y.B DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Tidak air ada macam mana nak mandi. Nak bersihkan diri macam mana

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : MB boleh lah air ok

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Hantar baldi ke pekan hantar baldi ke pekan Pahang.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Ok habis dah. Saya nak rangkumkan ini Kota Damansara, Permatang ya saya nak sebutkan begini kalau betul kita ikhlas nak bantu rakyat kita jangan naik harga minyak dalam keadaan rakyat memerlukan bantuan dan sokongan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya minta penjelasan

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tidak boleh itu tidak betul.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Semalam yang berhormat dengar tidak bagaimana penjelasan kenapa harga minyak naik. Tak ada tak yang berhormat tengok berdasarkan harga minyak bulan 10

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Saya dengar tapi saya nak ulas yang disebut oleh Kota Damansara sabar belum masuk belum masuk.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tidak adalah Yang Berhormat tidak dengar penjelasan lepas itu.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Lambat sangat masuk lah. Ini fasalnya pentadbiran pentadbir Kerajaan Negeri lambat kerana nak masuk pun lambat.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Ok.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Tidak sabar nak masuk bila nak masuknya.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Ok duduk saya nak habiskan ini. Itulah waktu Chempaka berucap tak nak kacau macam itu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Yang Berhormat saya tetap salahkan Sekinchan ini semalam apa pasal dua jam tiga jam.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Y.B ok. Lampu dah merah itu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Speaker saya rasa Kota Damansara kena tarik balik seksis itu saya rasa tersinggung.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tarik balik lah.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Apa pula nak tersinggung saya kata nak masuk pun lambat nak masuk nak bercakap nak masuk lambat *slow slow* tau. So macam mana nak masuk pun tidak boleh saya tertunggu – tunggu jawapan.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Yang Berhormat Kota Damansara yang nak jawab ini Kerajaan EXCO sabar lah ya saya cuma nak ulas kalau betul disebut oleh Dengkil tadi saya nak sebut kalau betul ikhlas nak bantu bantulah dekat Pahang kalau nak Demo tiada air dekat Pahang pun tiada air dekat Johor tiada air kenapa pemuda UMNO ta nak demo di Johor kat Pahang pergi lah demo dekat sana. Pahang nak *supply* air dekat Selangor Sungai Semantan. Air beracun. Bukan setakat itu ya kalau betul kita mentadbir negeri ini mentadbir dengan cara yang baik dengan cara yang elok ni saya nak mintalah jasa baik dari Dengkil, Pematang ke Kota Damansara ke bagi tau lah kepada TV3 itu jangan dok *spin* ini cerita air di Selangor seolah-olah kita ni busuk tidak mandi 15 hari.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Saya tidak ada *share* dengan TV3 nak cakap macam mana.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Beri saya penjelasan kalau krisis air minta maaf Tuan Speaker. Kalau krisis air di Selangor ini tidak teruk saya kata hampir majoriti Adun cakap baik pembangkang baik yang menyokong kerajaan ada usul lagi di bawak semua cita fasal air kalau tidak serius tidak berlaku semua ini. Itu sebagai bukti dia pagi tadi EXCO jawab pun cukup panjang hampir setengah jam.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Kita semua tahu dalam Dewan negeri ini kita ambil pandangan dengan serius isu air ini daripada awal kita ambil satu sikap kita mesti menangani secara bersama dan kerana itu lah Dato' Menteri Besar sangat mengalu-alukan kehadiran Menteri yang berkaitan dengan alam sekitar dan sumber ahli.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Yang terhormat buktikan.

**TUAN SPEAKER** : Yang terakhir Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : 2008 apakah krisis seteruk macam sekarang sebelum kerajaan pakatan pembangkang.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM** : Lebih teruk.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Buktikan.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM** : Saya duduk di sebelah sana lagi teruk.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Buktikan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Permatang tidak ada Permatang tidak ada pada waktu itu.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM** : Masa itu teruk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Jangan lupa sejarah Permatang jangan lupa sejarah jangan lupa

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : *You* tidak tahu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Speaker kita sambung esok puan speaker. Ini mahu panas ini.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda tolong duduk.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI** : Tuan Speaker saya menyokong

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 6 petang maka dewan ditangguhkan sehingga esok 3 November 10 pagi dan pihak kerajaan akan menggulung esok Dewan di tangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang)**